



# Rancangan Selangor Pertama

2021-2025

**Negeri Pintar, Berdaya Huni dan Makmur**

Hak cipta terpelihara © 2022  
Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) Selangor  
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor  
Tingkat 13  
Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah  
40503 Shah Alam  
SELANGOR DARUL EHSAN

[www.selangor.gov.my](http://www.selangor.gov.my)

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian buku ini boleh diterbitkan semula dalam apa jua bentuk tanpa kebenaran daripada penerbit.

# Rancangan Selangor Pertama (RS-1)

NEGERI PINTAR, BERDAYA HUNI DAN MAKMUR

# **I**si Kandungan

---

<b>Prakata oleh YAB Dato' Menteri Besar Selangor</b>	<b>6</b>
<b>Kata Aluan oleh YB Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor</b>	<b>8</b>
<b>Prolog oleh Pengarah Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) Selangor</b>	<b>10</b>
<b>Ringkasan Eksekutif</b>	<b>12</b>
 <b>BAHAGIAN 1</b>	 <b>22</b>
<b>Pendahuluan</b>	
 <b>BAHAGIAN 2</b>	 <b>32</b>
<b>Landskap Makro dan Sasaran RS-1</b>	
 <b>BAHAGIAN 3</b>	 <b>42</b>
<b>Pengenalan Tema Strategik (TS) RS-1</b>	
 <b>BAHAGIAN 4</b>	 <b>54</b>
<b>TS-1 Pengukuhan Ekonomi</b>	
 <b>BAHAGIAN 5</b>	 <b>102</b>
<b>TS-2 Peningkatan Kesejahteraan dan Keterangkuman Sosial</b>	
 <b>BAHAGIAN 6</b>	 <b>132</b>
<b>TS-3 Pemacuan Kelestarian</b>	
 <b>BAHAGIAN 7</b>	 <b>154</b>
<b>TS-4 Tadbir Urus S.M.A.R.T. dan Berkesan</b>	
 <b>BAHAGIAN 8</b>	 <b>180</b>
<b>Pemangkin Agenda Negeri</b>	
 <b>BAHAGIAN 9</b>	 <b>196</b>
<b>Rangka Kerja Penyampaian RS-1</b>	
 <b>Menyahut Cabaran Bagi Merealisasikan RS-1</b>	 <b>206</b>
 <b>Glosari</b>	 <b>210</b>

PRAKATA

OLEH  
YAB DATO' MENTERI  
BESAR SELANGOR



## Mengorak Langkah demi Kemajuan Selangor

Mutakhir ini negeri Selangor berdepan dengan ujian dan cabaran yang getir. Ketika kita bergelut dengan cabaran pandemik COVID-19, negeri Selangor turut dilanda banjir besar pada skala yang belum pernah dirasai. Peristiwa ini telah memberi kesan kepada kehidupan ribuan rakyat Selangor. Lantaran itu, Kerajaan Negeri telah melancarkan pelbagai pakej rangsangan dan bantuan seperti Iltizam Selangor Penyayang dan Bantuan Selangor Bangkit bagi mengurangkan beban rakyat dan para peniaga meneruskan aktiviti harian mereka.

Walaupun ekonomi Selangor telah kembali berada di landasan pemulihan, Kerajaan Negeri menyedari keperluan untuk meneliti dan memperhalusi segala sasaran dan perancangan yang terdahulu berikutan perubahan yang ketara dalam persekitaran operasi. Proses pemulihan ini perlu

dipercepatkan bagi memastikan asas yang kukuh untuk pembangunan negeri jangka panjang yang mampan.

Sejajar dengan itu, Kerajaan Negeri Selangor telah merangka **Rancangan Selangor Pertama (RS-1)** untuk memenuhi keperluan jangka pendek negeri dan membina daya tahan yang kukuh di masa hadapan, sekali gus mengorak langkah ke arah pencapaian aspirasi **Negeri Pintar, Berdaya Huni dan Makmur** menjelang tahun 2025. Sebagai sebuah Kerajaan Negeri yang prihatin, RS-1 mengutamakan keperluan sosioekonomi rakyat di dalam usaha ke arah pertumbuhan ekonomi dengan memastikan kelestarian alam sekitar dan kehidupan berkualiti.

RS-1 bukan sahaja bakal merancakkan pertumbuhan ekonomi negeri melalui peluang pelaburan yang menarik melalui pendekatan mesra perniagaan, ia juga akan memberi tumpuan kepada pembangunan



sosial yang saksama, terangkum serta lestari, antara lain, melalui peningkatan peluang pekerjaan dan pengurangan kadar kemiskinan bandar. Penekanan terhadap amalan tadbir urus yang baik, memupuk tenaga kerja awam yang tangkas serta penggunaan teknologi dan data secara praktikal dalam merangka dasar akan dapat membantu pengurusan negeri secara efisien dan telus.

Dalam mendepani norma baharu, kita harus terus mara ke hadapan dengan penuh keyakinan bersama visi yang jelas dan ikatan perpaduan yang utuh. Semua ini tidak akan tercapai secara bersendirian. Semangat kebersamaan akan mendorong kita mengecapi kejayaan yang lebih cemerlang dan menjamin masa hadapan yang lebih cerah untuk negeri Selangor (#SelangorMajuBersama). Kita berharap semua pihak berkepentingan bersedia untuk menzahirkan komitmen yang tidak

berbelah bagi dalam menempa kejayaan RS-1 dan bekerjasama menjayakannya demi negeri yang tercinta.

Izinkan saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) Selangor, agensi-agensi di bawah Kerajaan Negeri Selangor, semua pihak berkepentingan dan rakyat Selangor yang memberi kerjasama dan menyokong pembentukan rancangan pembangunan ini. Kemakmuran jangka panjang negeri ini bergantung kepada keazaman kita dalam memberikan yang terbaik ke arah melaksanakan RS-1 sebaik mungkin.

YANG AMAT BERHORMAT  
**DATO' SERI AMIRUDIN BIN SHARI**

## KATA ALUAN

OLEH  
YB SETIAUSAHA KERAJAAN  
NEGERI SELANGOR



# Pendekatan '*Collaborative*' bagi Pelaksanaan Efektif

Era pasca-pandemik ini memberi peluang kepada Selangor untuk menilai semula hala tuju strategik dan kepentingan negeri menerusi pelan pembangunan yang menyeluruh, iaitu Rancangan Selangor Pertama (RS-1). Melangkah ke hadapan, pelaksanaan rancangan ini adalah penting bagi Selangor mencapai aspirasinya untuk menjadi **Negeri Pintar, Berdaya Huni dan Makmur** menjelang tahun 2025. Kerajaan Negeri bersedia untuk memberi komitmen penuh dalam memudahkan pelaksanaan pelan pembangunan ini bagi kepentingan rakyat dan juga perniagaan.

Dalam tempoh lima (5) tahun akan datang, gerak langkah pembangunan Selangor

akan dipacu erat oleh RS-1. Strategi-strategi yang digariskan dalam RS-1 adalah tertumpu kepada pengukuhkan ekonomi negeri secara menyeluruh bersama keterangkuman sosial dan kelestarian yang dipertingkatkan serta penyampaian perkhidmatan awam yang berkesan. Strategi-strategi ini adalah kritikal dalam rangka kerja pelaksanaan. Demi memastikan Selangor kekal di landasannya dan terus berkembang maju, amalan tadbir urus yang baik amatlah penting terutamanya dalam keadaan yang tidak dapat dijangka.

Kerajaan Negeri berhasrat supaya pendekatan tadbir urus yang progresif dan berpaksikan data serta dasar



keterbukaan dapat diterapkan untuk memastikan pelaksanaan yang efektif. Pendekatan ini juga akan memanfaatkan kemajuan teknologi untuk meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan, khususnya untuk rakyat dan para pelabur. Dengan strategi dan inisiatif yang jelas, RS-1 akan menyalurkan sumber sedia ada bersama sektor awam dan swasta ke arah pembangunan yang berimpak tinggi dan inklusif.

Semua pihak memainkan peranan yang penting, tidak kira besar ataupun kecil dalam memastikan kejayaan pelaksanaan RS-1. Dengan pemikiran ‘satu negeri’, RS-1 memberikan ruang yang baik bagi sektor awam untuk berganding bahu bersama-

sama pengusaha industri, komuniti dan rakyat Selangor demi mencapai matlamat yang sama.

A handwritten signature in black ink, appearing to read "Dato' Haji Haris Bin Kasim".

YANG BERHORMAT  
DATO' HAJI HARIS BIN KASIM

## PROLOG

OLEH  
PENGARAH  
UNIT PERANCANG EKONOMI  
NEGERI (UPEN) SELANGOR

# Merangkumkan Keseluruhan Pandangan Pihak Berkepentingan

Selangor merupakan sebuah negeri yang maju dan progresif di Malaysia. Negeri ini juga menjadi pintu masuk utama di samping lokasinya yang strategik dengan ketersambungan infrastruktur yang maju dan memenuhi kehendak kelompok industri utama. Terkenal dengan kepelbagai tenaga kerja yang berkemahiran tinggi dan berpengetahuan inovatif, Selangor telah muncul sebagai nadi pertumbuhan ekonomi negara. Untuk terus menjana ekonomi Malaysia, Selangor telah merangka pelan pembangunan lima (5) tahun buat julung kalinya dan ianya dikenali sebagai **Rancangan Selangor Pertama (RS-1)**. RS-1 akan berperanan sebagai panduan strategi, inisiatif serta hala tuju pembangunan dalam jangka pendek, sederhana dan panjang untuk membangunkan Selangor sebagai **Negeri Pintar, Berdaya Huni dan Makmur** menjelang tahun 2025.

RS-1 ini dihasilkan melalui beberapa sesi perundingan secara fizikal atau maya bersama pihak berkepentingan. Ini termasuk beberapa siri libat urus membabitkan agensi Kerajaan Persekutuan dan negeri, sektor swasta, ahli akademik, masyarakat sivil dan juga rakyat. Pendekatan dalam merangka RS-1 ini berteraskan penyelidikan yang meluas dan pandangan daripada pelbagai pihak berkepentingan. Ini termasuk kajian semula strategi dan rancangan negeri yang sedia ada, kajian penanda aras berdasarkan amalan terbaik antarabangsa, perangkaan visi dan temu bual bersama pelbagai pihak berkepentingan, serta bengkel strategik. Lebih 400 pihak berkepentingan awam dan swasta terbabit dalam libat urus berkenaan dan ia turut disertai oleh lebih 100 organisasi. Beberapa sesi bagi tujuan penilaian data dan maklumat telah dijalankan



bersama pihak berkepentingan negeri dan Persekutuan ketika fasa perangkaan dan pengesahan dokumen RS-1. Turut dilaksanakan juga proses bagi merangka visi dan temu bual bersama semua pihak berkepentingan untuk mendapatkan input awal dan mengesahkan rangka kerja yang dicadangkan. Empat (4) bengkel strategik secara dalam talian turut diadakan selama dua minggu melibatkan 390 peserta daripada agensi negeri dan Persekutuan, serta sektor swasta dan beberapa NGO yang mewakili 130 organisasi. Selain itu, galeri lintas semak juga dianjurkan untuk tujuan pengesahan. Galeri tersebut membentangkan rangka kerja keseluruhan, empat(4) tema strategik utama dan rangka kerja penyampaian RS-1. Acara ini melibatkan 300 peserta, merangkumi EXCO negeri sehinggalah agensi negeri dan Persekutuan serta sektor swasta.

Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam fasa pembangunan RS-1 atas komitmen mereka dalam mengutarakan pandangan, input dan cadangan yang tidak ternilai dalam memastikan Selangor kekal berdaya saing dan mengekalkan kedudukannya sebagai destinasi utama bagi pelaburan berkualiti di rantau ini.

A handwritten signature in black ink, appearing to read "NOR FUAD HAMID".

YANG BERUSAHA  
DR NOR FUAD BIN ABDUL HAMID

## RINGKASAN EKSEKUTIF



Negeri Selangor kekal berdaya tahan walaupun berhadapan dengan krisis COVID-19. Beberapa segmen industri dan komuniti dilihat lebih terkesan dengan pandemik yang melanda, namun ada di antara mereka berjaya mengharungi tempoh mencabar ini. Pasca krisis ini, Selangor boleh memanfaatkan asasnya yang kukuh untuk menggarap peluang baharu dan menangani cabaran utama yang dihadapi di negeri ini.

Seajar dengan itu, RS-1 adalah rancangan menyeluruh yang dirangka untuk menentukan hala tuju strategik Selangor untuk menjadi negeri **Pintar, Berdaya Huni dan Makmur** menjelang tahun 2025. Pelan ini akan dijadikan sumber rujukan utama

untuk rakyat, agensi-agensi Kerajaan Negeri dan juga sektor perniagaan. Tema-tema utama RS-1 merangkumi aspek Ekonomi, Sosial, Kelestarian dan Tadbir Urus.

Tema-tema strategik juga telah dibangunkan dan dikenal pasti sebagai teras RS-1, iaitu 'Pengukuhan Ekonomi', 'Peningkatan Kesejahteraan dan Keterangkuman Sosial', 'Pemacuan Kelestarian' dan 'Tadbir Urus S.M.A.R.T. dan Berkesan'. Sebanyak 25 bidang atau sektor tumpuan, 51 strategi dan 261 projek, program serta inisiatif yang dikenal pasti akan menjadi tunjang utama bagi empat tema strategik tersebut. Kesemuanya bakal dilaksanakan dalam tempoh lima (5) tahun akan datang.

# #SELANGOR MAJUBERSAMA

Walaupun Selangor berjaya menjadi salah sebuah negeri yang progresif dan penyumbang utama kepada ekonomi Malaysia, pelaksanaan projek-projek pemangkin RS-1 yang berkesan akan membolehkan negeri ini melonjak ke tahap yang lebih tinggi. Bagi memastikan matlamat RS-1 direalisasikan menjelang tahun 2025, sasaran makro yang menyeluruh telah ditetapkan bagi setiap tema strategik dengan mengambil kira perkembangan dalam persekitaran global dan dalam negeri.

Pencapaian objektif RS-1 ini bakal diterjemahkan menerusi peningkatan pendapatan dan taraf hidup rakyat Selangor.

Rancangan ini juga akan menyediakan peluang pelaburan untuk perniagaan melalui dasar yang dinamik, ekosistem mesra pelabur dan pelaksanaan projek pemangkin. Selain itu, sektor awam akan turut menerima manfaat dengan menjadi kerajaan yang lebih moden, berwawasan dan berjiwa rakyat untuk memudah cara pembangunan.

Keberhasilan pelaksanaan RS-1 amatlah penting supaya visi dan matlamat RS-1 dapat direalisasikan. Kejayaan ini memerlukan kerjasama dan penyelarasian di antara sektor awam, sektor swasta dan masyarakat sivil supaya semua pihak berkepentingan di Selangor boleh menikmati hasilnya.

## SEKILAS PANDANG RS-1

# 2025

SELANGOR TELAH  
MENETAPKAN VISI  
UNTUK MENJADI  
NEGERI PINTAR,  
BERDAYA HUNI  
DAN MAKMUR  
MENJELANG TAHUN  
2025



## 4 TEMA UTAMA



**Ekonomi**  
Mengukuhkan lagi status sebagai nadi pertumbuhan ekonomi dan destinasi utama pelaburan berkualiti di Malaysia dan di rantau Asia



**Sosial**  
Menjadi negeri ideal untuk didiami dengan memberi penekanan kepada kesejahteraan dan kebajikan secara seimbang dan inklusif



**Kelestarian**  
Menjadi peneraju pembangunan lestari bagi memulihara alam sekitar untuk generasi akan datang




**Tadbir Urus**  
Kerajaan moden, berwawasan dan berjiwa rakyat untuk memudahcara pembangunan



## SEKILAS PANDANG RS-1

RANCANGAN SELANGOR PERTAMA (RS-1) MERUPAKAN RANCANGAN PEMBANGUNAN KOMPREHENSIF YANG MENJADI HALA TUJU STRATEGIK BAGI NEGERI SELANGOR UNTUK TEMPOH LIMA (5) TAHUN AKAN DATANG



## EMPAT TEMA STRATEGIK TELAH DIKENAL PASTI BAGI RS-1

### PENGUKUHAN EKONOMI



### PENINGKATAN KESEJAHTERAAN DAN KETERANGKUMAN SOSIAL



### PEMACUAN KELESTARIAN



### TADBIR URUS S.M.A.R.T. DAN BERKESAN



## SEKILAS PANDANG RS-1



# PEMACU PERUBAHAN

1

CAREY SELANGOR

M/S 63

2

SHAH ALAM CONTEMPORARY  
AND MODERN ARTS (SAMA)

M/S 67

3

JALUR LEBAR INDUSTRI SELANGOR (JALIN)

M/S 71



4

SELANGOR INTERNATIONAL AERO PARK (SAP)

M/S 75

5

WILAYAH PEMBANGUNAN BERSEPADU DI SELATAN SELANGOR

M/S 96

6

KAWASAN PEMBANGUNAN SABAK BERNAM

M/S 97

7

ZON PEMBANGUNAN EKONOMI SELANGOR MARITIME GATEWAY (ZPE SMG)

M/S 98

8

ILTIZAM SELANGOR PENYAYANG

M/S 110

9

PLATFORM PEKERJAAN WARGA EMAS  
SELANGOR (SSWP)

M/S 114

10

SELANGOR MARITIME GATEWAY (SMG) –  
PEMBERSIHAN DAN PEMULIHAN SUNGAI KLANG

M/S 141



**11**  
**SKIM BEKALAN AIR SUNGAI RASAU** M/S 141

**12**  
**PEMBANGUNAN INVENTORI GHG DAN PEMBINAAN KAPASITI BANDAR RENDAH KARBON UNTUK SETIAP PBT** M/S 145

**13**  
**PUSAT PENGURUSAN SISA PEPEJAL BERSEPADU (ISWMC) DENGAN LOJI RAWATAN WASTE-TO-ENERGY (WTE)** M/S 148

**14**  
**JAWATANKUASA PENGURUSAN RISIKO BERPUSAT (RMC)** M/S 163

**15**  
**INTELLIGENCE ANALYTICS UNIT (IAU) NEGERI** M/S 172

**16**  
**PERKONGSIAN AWAM-SWASTA-SIVIL (PPCP)** M/S 173

**17**  
**SELANGOR GOVERNMENT DATA EXCHANGE (SELGDX)** M/S 179

**18**  
**STESEN JANAKUASA PULAU INDAH (PIPP)** M/S 185

**19**  
**PEMBANGUNAN KOMPLEKS SUKAN SHAH ALAM (KSSA)** M/S 186

**20**  
**SELANGOR IMPLEMENTATION AND PERFORMANCE MONITORING UNIT (SIAP)** M/S 203



## SEKILAS PANDANG RS-1

### EMPAT BELAS (14) PETUNJUK MAKRO SEBAGAI INDIKATOR PENCAPAIAN KESELURUHAN KEPADA TEMA STRATEGIK RS-1

SASARAN RS-1	
 <p><b>PENGUKUHAN EKONOMI</b></p>	Pertumbuhan KDNK (tahunan)
	<b>6.5-7.0%</b> (purata 2021-2025)
	Pelaburan yang diluluskan untuk sektor utama dan berkompleksiti tinggi (tahunan)
	<b>RM25-35 billion</b> (purata 2021-2025)
 <p><b>PENINGKATAN KESEJAHTERAAN DAN KETERANGKUMAN SOSIAL</b></p>	Jumlah guna tenaga (tahunan)
	<b>3.5-3.8 juta individu</b> (purata 2021-2025)
	Penembusan jalur lebar tetap (setiap 100 premis)
	<b>70%</b> (Menjelang 2025)
 <p><b>PEMACUAN KELESTARIAN</b></p>	Pendapatan isi rumah penengah
	<b>RM9,290/bulan</b> (Menjelang 2025)
	Kemiskinan mutlak*
	<b>0.7%</b> (Menjelang 2025)
 <p><b>TADBIR URUS S.M.A.R.T. DAN BERKESAN</b></p>	Kemiskinan relatif*
	<b>11.0%</b> (Menjelang 2025)
	Indeks Kesejahteraan Keluarga
	<b>8.0</b> (Menjelang 2025)
 <p><b>TADBIR URUS S.M.A.R.T. DAN BERKESAN</b></p>	Pengurangan intensiti Gas Rumah Hijau (GHG) berdasarkan KDNK
	<b>35%</b> (Menjelang 2025)
	Ketersediaan air bersih harian
 <p><b>TADBIR URUS S.M.A.R.T. DAN BERKESAN</b></p>	<b>24 jam</b> (2021-2025)
	Kadar kitar semula sisa
	<b>15%</b> (Menjelang 2025)
 <p><b>TADBIR URUS S.M.A.R.T. DAN BERKESAN</b></p>	Kadar penyelesaian projek RS-1 berimpak tinggi**
	<b>100%</b> (Menjelang 2025)
	Kedudukan Pihak Berkuasa Tempatan di peringkat kebangsaan
 <p><b>TADBIR URUS S.M.A.R.T. DAN BERKESAN</b></p>	<b>TOP 10</b> (semua pihak berkuasa)
	Perkhidmatan Pendigitalan Awam hujung ke hujung
 <p><b>TADBIR URUS S.M.A.R.T. DAN BERKESAN</b></p>	<b>85%</b> (Menjelang 2025)

\* Index of Multiple Deprivation akan menjadi pelengkap kepada sasaran ini pada masa akan datang

\*\* Projek yang dijadualkan siap pada tahun 2025 ke atas akan dinilai berdasarkan kemajuan pencapaian semasa

SEMUA  
PIHAK HARUS  
MENJALANKAN  
TANGGUNGJAWAB DAN  
BERGANDING BAHU UNTUK  
MEMASTIKAN TRANSFORMASI  
VISIINI MENJADI  
REALITI



—01—

---

# PENDAHULUAN



Rancangan Selangor Pertama (RS-1) merupakan rancangan pembangunan komprehensif yang menjadi hala tuju strategik bagi negeri Selangor untuk tempoh lima (5) tahun akan datang. Pelan ini juga akan dijadikan rujukan utama untuk rakyat, agensi-agensi kerajaan dan pihak swasta.

## PENERANGAN VISI DAN TEMA UTAMA

Selangor telah menetapkan visi untuk menjadi **Negeri Pintar, Berdaya Huni dan Makmur** menjelang tahun 2025. Visi ini boleh didefinisikan melalui empat (4) tema utama iaitu: Ekonomi, Sosial, Kelestarian dan Tadbir Urus.

**PINTAR** – Memperkasa rakyat, sektor awam dan swasta melalui penggunaan teknologi digital yang optimum dalam kehidupan seharian.

**BERDAYA HUNI** – Pertumbuhan ekonomi tinggi untuk memacu pembangunan inklusif, pembangunan masyarakat berkeupayaan, berpencerahan dan berintegriti; dan pembangunan lestari melalui penjagaan dan pemuliharaan alam sekitar.

**MAKMUR** – Hasil yang mampan dan saksama merentas negeri dan daerah; mempunyai komuniti yang terpelajar dan majmuk; kehidupan yang sejahtera serta mencukupi.

Sebagai sebuah kerajaan negeri yang prihatin, RS-1 mengutamakan keperluan sosioekonomi rakyat dalam usaha ke arah pertumbuhan ekonomi dan penggunaan teknologi digital yang meluas dengan memastikan kelestarian alam sekitar dan kehidupan berkualiti.



- Dari aspek **Ekonomi**, Selangor merupakan pusat perkembangan ekonomi negara sejak beberapa dekad yang lalu. Selangor akan mengukuhkan statusnya sebagai nadi pertumbuhan ekonomi dan destinasi utama bagi pelaburan berkualiti di Malaysia dan di rantau Asia. Justeru, ini boleh menggalakkan pertumbuhan ekonomi, membuka peluang pelaburan dan seterusnya menyediakan peluang pekerjaan.
- Dari sudut **Sosial**, Selangor akan menjadi negeri unggul untuk didiami dengan menerapkan tahap kesejahteraan dan kebijikan bagi masyarakat yang lebih baik, seimbang dan inklusif. Segala usaha ini akan memberi impak yang positif kepada peningkatan pendapatan isi rumah, pengurangan kadar kemiskinan dan penambahbaikan kesejahteraan hidup rakyat Selangor secara umum.
- Dari aspek **Kelestarian**, Selangor berazam untuk menjadi peneraju pembangunan lestari bagi memulihara alam sekitar untuk generasi akan datang. Ini merupakan komitmen untuk menjadi negeri yang rendah karbon, menyedia bekalan air bersih dan melestarikan pengurusan sisa.
- Berkenaan amalan **Tadbir Urus**, Selangor beriltizam untuk mentransformasikan sektor awam menjadi lebih moden, berwawasan dan berjiwa rakyat. Dengan ini, sektor perkhidmatan awam bukan sahaja berperanan sebagai pembolehdaya tetapi juga sebagai penggerak utama dalam memudahkan pembangunan negeri. Sejajar dengan itu, Kerajaan Negeri mensasar untuk merealisasikan inisiatif RS-1 yang telah dikenal pasti, menambah baik penyampaian perkhidmatan oleh pihak berkuasa tempatan dan meningkatkan pendigitalan perkhidmatan awam.

SELANGOR TELAH  
MENETAPKAN  
VISI UNTUK  
MENJADI  
NEGERI PINTAR,  
BERDAYA HUNI  
DAN MAKMUR  
MENJELANG  
TAHUN 2025



RANCANGAN SELANGOR PERTAMA (RS-1)



TEMA  
STRATEGIK INI  
DITUNJANGI  
OLEH SEKTOR  
ATAU BIDANG  
TUMPUAN,  
STRATEGI  
UTAMA DAN  
PROJEK,  
PROGRAM  
SERTA  
INISIATIF

## RINGKASAN KESELURUHAN KERANGKA RS-1

Bagi menjayakan visi dan tema utama RS-1, rancangan ini telah menggariskan empat tema strategik iaitu Pengukuhan Ekonomi, Peningkatan Kesejahteraan dan Keterangkuman Sosial, Pemacuan Kelestarian dan Tadbir Urus S.M.A.R.T. dan Berkesan.

Tema strategik ini ditunjangi oleh sektor atau bidang tumpuan, strategi utama serta projek, program dan inisiatif (PPI) yang khusus. Beberapa PPI yang menjadi pemacu perubahan yang berimpak tinggi telah dikenal pasti. PPI ini akan didasari oleh beberapa pemangkin kritikal sebagai pembolehdaya transformasi di dalam negeri menerusi RS-1.

Keutamaan akan difokuskan terhadap mekanisme penyampaian RS-1 bagi memastikan pelaksanaan yang berkesan. Kerangka tadbir urus dan kaedah pelaksanaan telah dibangunkan bagi membantu dalam menjayakan rancangan ini.

CARTA 1.1

# KERANGKA RS-1

Negeri Pintar, Berdaya

## 1 Pengukuhan Ekonomi



- Menyelaraskan **pembangunan** dan **strategi pelaburan** dalam sektor utama bagi menarik minat syarikat bertaraf antarabangsa dan syarikat *unicorn*
- **Memacu projek pemangkin** melalui sektor tumpuan utama dengan memanfaatkan kelebihan negeri dalam menyediakan peluang pekerjaan demi meningkatkan tahap ekonomi pasca-pandemik

## 9 Sektor Tumpuan



Pelabuhan & Logistik



Pelancongan



Ekonomi Digital



Aeroangkasa



Automotif



Elektrik & Elektronik dan Mesin & Peralatan



Industri Halal



Sains Hayat



Agroteknologi

## 2 Peningkatan Kesejahteraan dan Keterangkuman Sosial



- Menyediakan peluang bagi **menjana pendapatan** untuk semua
- **Intervensi** sosial bersasar untuk golongan miskin bandar dan luar bandar
- Memastikan masyarakat inklusif didayakan dengan **perkembangan teknologi**

## 6 Bidang Tumpuan



Penjanaan Pendapatan dan Kebajikan Sosial



Tumpuan Khas kepada Kumpulan Sasar



Wanita, Keluarga dan Masyarakat



Perumahan Mampu Milik



Kesihatan Awam



Pendidikan

Infrastruktur Awam, Pembangunan Sumber Manusia, Pembangunan

Projek, Program,

# Huni dan Makmur

## 3 Pemacuan Kelestarian



- Menyediakan perkhidmatan dan infrastruktur awam yang **pintar dan lestari**
- Meningkatkan kesejahteraan sosial di samping **mengutamakan kelestarian alam sekitar** melalui infrastruktur hijau dan pemeliharaan sumber asli
- Memacu kejayaan melalui komitmen ke arah negeri **rendah karbon**

## 5 Bidang Tumpuan



**Daya Tahan dan Pengurusan Bencana**



**Pengurusan Air**



**Negeri Rendah Karbon**



**Pengurusan Sisa**



**Biodiversiti dan Sumber Asli**

## 4 Tadbir Urus S.M.A.R.T. dan Berkesan



- Merealisasikan sebuah kerajaan S.M.A.R.T. berintegrasi, produktif, tangkas dan bertanggungjawab dalam melaksanakan mandat
- Pendekatan **berjiwa rakyat**
- Mempelbagaikan sumber hasil dan mengadaptasi transformasi teknologi untuk **memacu penyampaian perkhidmatan awam**

## 5 Bidang Tumpuan



**Penajaran Strategik Matlamat dan Dasar**



**Pengurusan Prestasi dan Akauntabiliti**



**Tenaga Kerja Awam Tangkas**



**Kemampunan Hasil**



**Transformasi Teknologi**

## IKS, Digitalisasi, Penambahbaikan Dasar dan Kawal Selia

## Inisiatif

---

02

---

---

## **LANDSKAP MAKRO DAN SASARAN RS-1**



## PERSEKITARAN MAKRO EKONOMI GLOBAL DAN DALAM NEGERI<sup>1</sup>

Dalam tempoh 2021-2025, ekonomi Selangor akan dipengaruhi oleh faktor-faktor global dan dalam negeri.

Meskipun menghadapi persekitaran yang mencabar, pertumbuhan ekonomi global diunjurkan kekal berada di landasan pemulihian. Keadaan ekonomi global dijangka melonjak naik sejurus krisis COVID-19, dan ia terus berkembang tetapi pada kadar yang lebih perlahan di sekitar 3.3% menjelang tahun 2026. Ekonomi serantau dijangka pulih secara beransur-ansur berbanding dengan ekonomi negara maju, disebabkan oleh perintah berkurng yang berlanjutan di samping pelaksanaan program vaksinasi.

Dalam masa yang sama, aliran pelaburan langsung asing (FDI) global akan dipacu oleh pelaburan jangka masa pendek dalam bidang sains hayat, terutamanya dalam sektor farmaseutikal. Momentum pelaburan global dijangka berterusan pada masa akan datang. Ini akan didorong oleh agenda penting berkaitan digitalisasi dan perubahan iklim di serata dunia. Rantau ini juga dijangka akan memperolehi manfaat daripada perjanjian pelbagai hala, termasuk pemeteraian Kerangka Fasilitasi Pelaburan ASEAN pada Oktober 2021 dan Perjanjian Kerjasama Ekonomi Komprehensif Serantau (RCEP) yang mula berkuat kuasa pada Januari 2022.

<sup>1</sup>Penilaian landskap makro sehingga Mac 2022; Sumber: Tinjauan Ekonomi Dunia Tabung Kewangan Antarabangsa (Oktober 2021, Januari 2022), UNCTAD, UNESCAP dan pelbagai badan penyelidikan







Sebagai sebuah negeri yang berintegrasi dengan ekonomi global, kesan limpahan ekonomi positif dari faktor luaran akan menyokong ekonomi Selangor melalui peningkatan aktiviti perdagangan dan pelaburan. Bagi sektor domestik, pelaksanaan pelaburan pemangkin di dalam sektor-sektor tumpuan serta pembangunan infrastruktur mampan akan membantu merancakkan kadar pertumbuhan ekonomi. Pasaran tenaga kerja juga dijangka akan bertambah baik kesan dari pemulihian ekonomi.

Selain itu, sentimen positif dijangka akan terus meningkat dan dapat mengurangkan tahap kerisauan rakyat setelah Selangor memasuki ke Fasa Peralihan Endemik.

Dengan sokongan dasar fiskal dan sosial yang berterusan, kesejahteraan rakyat Selangor akan terus terjamin. Dalam jangka masa sederhana pula, mobilisasi dan penskalaan teknologi sedia ada dan baharu serta penambahbaikan tadbir urus awam akan memacu produktiviti dan kecekapan negeri untuk memenuhi keperluan ekonomi, tuntutan sosial dan agenda kelestarian.

PENETAPAN  
SASARAN  
MENYELURUH  
MAKRO UNTUK  
RS-1 ADALAH  
PENTING BAGI  
MEMASTIKAN  
MATLAMAT  
STRATEGIK  
DAPAT DICAPAI  
MENJELANG  
TAHUN 2025

## SASARAN MENYELURUH MAKRO UNTUK RS-1

Pembangunan petunjuk dan penetapan sasaran makro untuk RS-1 adalah penting bagi memastikan matlamat strategik dapat dicapai menjelang tahun 2025. Empat belas (14) petunjuk makro yang meliputi semua tema strategik telah dipilih berdasarkan empat (4) kriteria utama: Boleh Diukur, Keberhasilan, Spesifik dan Boleh Dikesan.

## CARTA 2.1

### 14 PETUNJUK MAKRO SEBAGAI PENGUKUR PENCAPAIAN KESELURUHAN KEPADA TEMA STRATEGIK

TEMA STRATEGI	14 PETUNJUK MAKRO	APA YANG DICAKUPI
Pengukuran Ekonomi	<ul style="list-style-type: none"> <li>① Pertumbuhan KDNK (tahunan)</li> <li>② Pelaburan yang diluluskan untuk sektor utama dan berkompleksiti tinggi (tahunan)</li> <li>③ Jumlah guna tenaga (tahunan)</li> <li>④ Penembusan jalur lebar tetap (setiap 100 premis)</li> </ul>	Tahap kegiatan ekonomi, pembangunan pelaburan berkualiti dan tahap pendigitalan dalam negeri yang boleh meningkatkan kapasiti produktif ekonomi dan pasaran buruh
Peningkatan Kesejahteraan dan Keterangkuman Sosial	<ul style="list-style-type: none"> <li>⑤ Pendapatan isi rumah penengah</li> <li>⑥ Kemiskinan mutlak</li> <li>⑦ Kemiskinan relatif</li> <li>⑧ Indeks Kesejahteraan Keluarga</li> </ul>	Kemampuan rakyat untuk mencapai dan mengekalkan taraf kehidupan* dan kesejahteraan sosial
Pemacuan Kelestarian	<ul style="list-style-type: none"> <li>⑨ Pengurangan intensiti Gas Rumah Hijau (GHG) berdasarkan KDNK</li> <li>⑩ Ketersediaan air bersih harian</li> <li>⑪ Kadar kitar semula sisa</li> </ul>	Komitmen terhadap persekitaran rendah karbon dan berdaya huni untuk semua warga Selangor
Tadbir Urus S.M.A.R.T. dan Berkesan	<ul style="list-style-type: none"> <li>⑫ Kadar penyelesaian projek RS-1 yang berimpak tinggi</li> <li>⑬ Kedudukan Pihak Berkua Tempatan di peringkat kebangsaan</li> <li>⑭ Perkhidmatan digital awam hujung ke hujung</li> </ul>	Keber tanggungjawaban, kecekapan dan produktiviti pihak Kerajaan Negeri untuk melaksanakan mandat dan memenuhi keperluan Rakyat

\* Taraf kehidupan yang baik\* merujuk kepada "kemampuan untuk menjalani kehidupan yang sihat, jaminan mobiliti fizikal dan sosial, kebebasan berkomunikasi dan penglibatan dalam kehidupan bermasyarakat" (UNDP)

## CARTA 2.2

### PENGUKURAN DAN PENJEJAKAN SASARAN MAKRO BAGI TUJUAN PENETAPAN HALA TUJU DAN PENGUKURAN IMPAK RS-1 2021-2025

TEMA STRATEGI	PETUNJUK	SASARAN RS-1
Pengukuran Ekonomi	<ul style="list-style-type: none"> <li>① Pertumbuhan KDNK (tahunan)</li> <li>② Pelaburan yang diluluskan untuk sektor utama dan berkompleksiti tinggi (tahunan)</li> <li>③ Jumlah guna tenaga (tahunan)*</li> <li>④ Penembusan jalur lebar tetap (setiap 100 premis)</li> </ul>	<b>6.5-7.0%</b> (purata 2021-2025) <b>RM25-35 billion</b> (purata 2021-2025) <b>3.5-3.8</b> (purata 2021-2025) juta individu <b>70%</b> (Menjelang 2025)
Peningkatan Kesejahteraan dan Keterangkuman Sosial	<ul style="list-style-type: none"> <li>⑤ Pendapatan isi rumah penengah</li> <li>⑥ Kemiskinan mutlak**</li> <li>⑦ Kemiskinan relatif**</li> <li>⑧ Indeks Kesejahteraan Keluarga***</li> </ul>	<b>RM9,290/bulan</b> (Menjelang 2025) <b>0.7%</b> (Menjelang 2025) <b>11.0%</b> (Menjelang 2025) <b>8.0</b> (Menjelang 2025)
Pemacuan Kelestarian	<ul style="list-style-type: none"> <li>⑨ Pengurangan intensiti Gas Rumah Hijau (GHG) berdasarkan KDNK</li> <li>⑩ Ketersediaan air bersih harian</li> <li>⑪ Kadar kitar semula sisa</li> </ul>	<b>35%</b> (Menjelang 2025) <b>24 jam</b> (2021-2025) <b>15%</b> (Menjelang 2025)
Tadbir Urus S.M.A.R.T. dan Berkesan	<ul style="list-style-type: none"> <li>⑫ Kadar penyelesaian projek RS-1 yang berimpak tinggi</li> <li>⑬ Kedudukan Pihak Berkua Tempatan di peringkat kebangsaan</li> <li>⑭ Perkhidmatan digital awam hujung ke hujung</li> </ul>	<b>100%</b> (Menjelang 2025) <b>TOP 10</b> (semua pihak berkua) <b>85%</b> (Menjelang 2025)

\* Guna tenaga berdasarkan kemahiran adalah sebahagian daripada "Petunjuk Kemajuan Utama"

\*\* Index of Multiple Deprivation akan menjadi pelengkap kepada sasaran ini pada masa akan datang

\*\*\* Akan dikemas kini mengikut Indeks Kesejahteraan Malaysia (pecahan bagi Negeri Selangor) apabila ianya diterbitkan pada 2023

## SOROTAN UTAMA

- Sasaran bagi **Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK)** bermatlamat untuk memulihkan semula ekonomi Selangor ke tahap pra-pandemik. Krisis COVID-19 telah mengakibatkan kerugian pengeluaran yang ketara dan ianya akan mengambil masa untuk dipulihkan. Sasaran pertumbuhan KDNK Selangor sebanyak 6.5 - 7.0% boleh mengurangkan sebahagian daripada kerugian pengeluaran dalam tempoh lima tahun ini. Sasaran ini lebih tinggi daripada purata pertumbuhan lima (5) tahun Selangor dan pertumbuhan wilayah Tengah yang diunjurkan dalam Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMK-12).
- **Guna tenaga** dijangka mendapat manfaat daripada pertumbuhan dalam aktiviti ekonomi. Saban tahun, pertumbuhan guna tenaga bergerak selari dengan pertumbuhan KDNK di Selangor. Dalam keadaan ekonomi dan pasaran buruh yang bertambah baik, jumlah guna tenaga disasarkan antara 3.5 dan 3.8 juta orang, bersamaan dengan kira-kira 97% daripada jumlah tenaga kerja di Selangor.
- Sasaran **Kelulusan Pelaburan** akan dipacu oleh sektor utama dan kompleks. Selain daripada sektor pembuatan,

sasaran bagi kelulusan juga melibatkan sektor perkhidmatan, memandangkan kepentingannya yang semakin meningkat dari semasa ke semasa. Dengan kelulusan pelaburan yang mencatat pencapaian pada tahap terendah pada tahun 2021, ia dijangka pulih dengan kadar purata sekitar RM25 bilion - RM35 bilion, didorong oleh iklim pelaburan yang mampu.

- Sasaran **Ekonomi Digital** memberi tumpuan dalam meluaskan jangkauan dan liputan perkhidmatan digital yang berkualiti di Selangor. Sasaran ini mengukur jangkauan infrastruktur yang membolehkan capaian perkhidmatan berkelajuan tinggi, diyakini dan kependaman rendah (*low latency*) kepada rakyat dan sektor perniagaan.
- Sasaran **Sosial** bertujuan untuk meningkatkan kesejahteraan kewangan dan taraf hidup rakyat melalui antara lain peningkatan pendapatan isi rumah penengah dan pengurangan kadar kemiskinan. Indeks deprivasi (*deprivation index*) yang baru dan lebih sesuai telah dicadangkan supaya menjadi penanda aras kerana ianya lebih mencerminkan kekurangan yang dihadapi rakyat di



peringkat daerah mahupun pihak berkuasa tempatan, terutama negeri yang mempunyai kadar perbandaran yang tinggi seperti Selangor.

- Agenda **Kelestarian** di Selangor akan dipacu dengan pelbagai sasaran, terutamanya pelepasan karbon, pengurusan air dan sisa. Kadar intensiti pelepasan Gas Rumah Hijau (GHG) berdasarkan KDNK disasarkan akan menurun sebanyak 35% pada tahun 2025 berbanding tahun 2005. Unjuran untuk petunjuk lain selain daripada pelepasan karbon sebahagian besarnya berpandukan oleh sasaran yang digariskan dalam Rancangan Struktur Negeri Selangor 2035.

- Sasaran keseluruhan amalan **Tadbir Urus** adalah untuk menilai akauntabiliti, keberkesanan, kecekapan dan kualiti perkhidmatan awam. Sasaran ini secara langsung akan menilai keberhasilan pelaksanaan RS-1, tahap pendigitalan perkhidmatan kerajaan dan penambahbaikan dalam skor keseluruhan dan penarafan bintang Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Selangor di Malaysia.

Selaras dengan ini, petunjuk-petunjuk utama yang menggambarkan kemajuan ke arah mencapai sasaran makro dan visi RS-1 juga harus dipantau (Carta 2.3).

### CARTA 2.3

#### PEMANTAUAN PETUNJUK KEMAJUAN UTAMA

Tema Strategi	Sasaran Makro	Pemantauan Petunjuk Kemajuan Utama
 Pengukuran Ekonomi	1. Pertumbuhan KDNK (tahunan) 2. Pelaburan yang diluluskan untuk sektor utama dan berkompleksiti tinggi (tahunan) 3. Jumlah guna tenaga (tahunan) 4. Penembusan jalur lebar tetap (setiap 100 premis)	• KDNK per kapita • FDI dan DDI sektor • Nisbah guna tenaga berkemahiran tinggi-sederhana berbanding rendah • Pembiayaan awam untuk pembangunan prasarana infrastruktur • Indeks menjalankan perniagaan • Indeks ekonomi digital negeri
 Peningkatan Kesejahteraan dan Keterangkuman Sosial	5. Pendapatan isi rumah penengah 6. Kemiskinan mutlak 7. Kemiskinan relatif 8. Indeks Kesejahteraan Keluarga	• Indeks Belia Malaysia • Kadar penyertaan tenaga buruh wanita • Keterbantutan tumbesaran kanak-kanak • Kadar jangkitan penyakit (contoh: denggi) • Kadar pendaftaran prasekolah dan sekolah rendah • <i>Index of Multiple Deprivation</i>
 Pemacuan Kelestarian	9. Pengurangan intensiti Gas Rumah Hijau (GHG) berdasarkan KDNK 10. Ketersediaan air bersih harian 11. Kadar kitar semula sisa	• Kadar Penggunaan Air (liter sehari) • Air Tidak Berhasil • Kawasan mudah banjir • Penggunaan tenaga boleh diperbaharui • Kilometer laluan berbasikal/mobiliti rendah karbon
 Tadbir Urus S.M.A.R.T. dan Berkesan	12. Kadar penyelesaian projek RS-1 berimpak tinggi 13. Kedudukan Pihak Berkuasa Tempatan di peringkat kebangsaan 14. Perkhidmatan pendigitalan awam hujung ke hujung	• Tempoh proses kelulusan • Nisbah penyelesaian berbanding penerimaan aduan • Petunjuk persepsi kerajaan negeri • Nisbah kerja kritikal berbanding kerja yang semakin kurang diperlukan • Peratusan data simpanan dalam sistem <i>Cloud</i>

---

03

---

---

# **PENGENALAN TEMA STRATEGIK (TS) RS-1**



Dalam merealisasikan Selangor sebagai **Negeri Pintar, Berdaya Huni dan Makmur** menjelang tahun 2025, empat (4) tema strategik telah dikenal pasti iaitu ‘Pengukuhan Ekonomi’, ‘Peningkatan Kesejahteraan dan Keterangkuman Sosial’, ‘Pemacuan Kelestarian’ dan ‘Tadbir Urus S.M.A.R.T. dan Berkesan’.

Melalui tema strategik ini, **25 sektor tumpuan, 51 strategi utama dan 261 projek, program atau inisiatif (PPI)** akan dilaksanakan dalam masa lima tahun akan datang.



## 4 TEMA STRATEGIK



Pengukuhan  
Ekonomi



Peningkatan  
Kesejahteraan dan  
Keterangkuman  
Sosial



Pemacuan  
Kelestarian



Tadbir Urus  
S.M.A.R.T.  
dan Berkesan

# TEMA STRATEGIK 1: PENGUKUHAN EKONOMI

Sepanjang lima tahun yang lalu, Selangor berjaya mencatatkan pertumbuhan ekonomi yang memberangsangkan. Selangor juga merupakan salah sebuah negeri yang berprestasi tinggi di Malaysia sebagai penyumbang terbesar kepada KDNK dengan jumlah pelaburan serta pendapatan isi rumah penengah yang tinggi. Walaupun pandemik COVID-19 telah memberi kesan kepada kelembapan ekonomi pada tahun 2020, Selangor masih kekal sebagai destinasi pelaburan utama di Malaysia. Struktur ekonomi Selangor didorong oleh sektor perkhidmatan dan pembuatan yang menyumbang lebih daripada 90% daripada jumlah keseluruhan KDNK. Sejak kebelakangan ini, Kerajaan Negeri juga telah memberi penekanan terhadap kemajuan sektor pertanian.

Melangkah ke hadapan, objektif utama tema strategik ini adalah untuk menyelaraskan pembangunan pertumbuhan ekonomi Selangor dan strategi pelaburan untuk menarik minat syarikat bertaraf antarabangsa termasuk syarikat-syarikat *unicorn* yang berpotensi tinggi. Ia juga bertujuan untuk memacu projek pemangkin dalam sektor tumpuan utama dan kawasan geografi terpilih yang bakal memberi manfaat dan kelebihan daya saing negeri. Ini juga akan membantu mewujudkan peluang pekerjaan tambahan dan merancakkan lagi aktiviti pengukuhan ekonomi.

Bagi pembangunan ekonomi berdasarkan sektor, terdapat **sembilan (9) sektor tumpuan utama, empat (4) strategi utama dan 101 projek, program atau inisiatif (PPI)** telah dikenal pasti di bawah tema ini. Antaranya ialah:

- Pelabuhan dan Logistik
- Pelancongan
- Ekonomi Digital
- Aeroangkasa
- Automotif
- Elektrik & Elektronik (E&E) dan Mesin & Peralatan (M&E)
- Industri Halal
- Sains Hayat
- Agroteknologi

Pembangunan **berasaskan geografi** pula, merangkumi tiga (3) pelan utama yang meliputi **Kawasan Pembangunan Sabak Bernam, Wilayah Pembangunan Bersepadu di Selatan Selangor dan Zon Pembangunan Ekonomi Selangor Maritime Gateway (ZPE SMG)** yang melibatkan pembangunan di daerah Sabak Bernam, Kuala Langat, Sepang dan sepanjang Sungai Klang.





## 1 PENGUKUHAN EKONOMI

9

SEKTOR TUMPUAN

4

STRATEGI  
KOMPREHENSIF UTAMA

101

PROJEK, PROGRAM  
DAN INISIATIF

## TEMA STRATEGIK 2: PENINGKATAN KESEJAHTERAAN DAN KETERANGKUMAN SOSIAL

Kesejahteraan dan keterangkuman sosial sentiasa menjadi salah satu aspek terpenting dalam fasa pembangunan negeri Selangor. Memandangkan ia memberi impak secara langsung kepada rakyat, negeri Selangor telah bertindak secara proaktif dalam menangani pelbagai cabaran sosial yang timbul sejak beberapa tahun yang lalu. Tumpuan yang lebih telah diberikan untuk membantu dan mendaya upaya golongan rentan terutamanya yang kurang berkemampuan untuk memastikan pembangunan sosial yang terangkum.

Sehubungan dengan itu, usaha akan terus tertumpu ke arah peningkatan kesejahteraan rakyat. Objektif utama tema strategik ini adalah bagi menyediakan peluang untuk menjana pendapatan buat semua, menggalakkan bantuan bersasar untuk masyarakat miskin bandar dan luar bandar dan memastikan keterangkuman masyarakat didayakan dengan penggunaan teknologi.

Terdapat **enam (6) bidang tumpuan utama, 21 strategi utama dan 72 Projek, Program dan Inisiatif (PPI)** dikenal pasti di bawah tema ini. Enam (6) bidang tumpuan utama itu adalah:

- Penjanaan Pendapatan dan Kebajikan Sosial
- Tumpuan Khas terhadap Kumpulan Sasar (Belia, Warga Emas dan Orang Kurang Upaya)
- Wanita, Keluarga dan Masyarakat
- Perumahan Mampu Milik
- Kesihatan Awam
- Pendidikan





## 2 PENINGKATAN KESEJAHTERAAN DAN KETERANGKUMAN SOSIAL

6

BIDANG TUMPUAN

21

STRATEGI UTAMA

72

PROJEK, PROGRAM  
DAN INISIATIF

Maklumat lanjut berkaitan TS-2 Peningkatan Kesejahteraan Dan Keterangkuman Sosial, sila rujuk Bahagian 5, Halaman 102

## TEMA STRATEGIK 3: PEMACUAN KELESTARIAN

Peningkatan kesedaran dalam aspek Tadbir Urus, Sosial dan Alam Sekitar (ESG) terutama di kalangan kerajaan dan organisasi perniagaan dalam membuat keputusan serta penilaian, telah menjadikan kelestarian sebagai agenda utama di peringkat global. Isu alam sekitar dan kelestarian kekal menjadi cabaran utama di peringkat global dan terus menjadi perhatian utama di negeri Selangor terutamanya berkaitan bencana alam dan gangguan bekalan air yang mana langkah untuk mengatasinya sedang giat dilaksanakan.

Tema strategik 'Pemacuan Kelestarian' akan memberi fokus kepada beberapa aspek kritikal seperti keperluan pembangunan dan penyediaan infrastruktur yang pintar dan lestari, terutamanya untuk menangani ancaman bencana di negeri Selangor. Selain itu, aspek kelestarian alam sekitar akan terus diberikan perhatian di dalam usaha untuk meningkatkan kesejahteraan sosial, melalui pembangunan infrastruktur bandar hijau dan pemuliharaan sumber semulajadi, seiring dengan komitmen Kerajaan Negeri untuk menjadi negeri yang lestari dan rendah karbon.

Terdapat **lima (5) bidang tumpuan utama, 14 strategi utama dan 38 projek, program dan inisiatif (PPI)** yang telah dikenal pasti di bawah tema ini. Bidang-bidang tumpuan itu adalah:

- Daya Tahan dan Pengurusan Bencana
- Pengurusan Air
- Negeri Rendah Karbon
- Pengurusan Sisa
- Biodiversiti dan Sumber Asli





The background image shows a waterfall in a dense tropical forest, symbolizing environmental preservation.

**3**  
**PEMACUAN  
KELESTARIAN**

**5**  
**BIDANG TUMPUAN**

**14**  
**STRATEGI UTAMA**

**38**  
**PROJEK, PROGRAM  
DAN INISIATIF**

Maklumat lanjut berkaitan TS-3 Pemacuan Kelestarian, sila rujuk Bahagian 6 halaman 132

## TEMA STRATEGIK 4: TADBIR URUS S.M.A.R.T. DAN BERKESAN

Ketidaktentuan persekitaran pasca pandemik menuntut Selangor untuk memperkasa jentera pentadbiran bagi memastikan negeri kekal berada dalam fasa pemulihan dan terus berkembang menjadi negeri Pintar, Berdaya Huni dan Makmur. Usaha untuk menjadikan kerajaan negeri sebuah kerajaan yang dipacu data, telus dan berwawasan akan terus diberikan perhatian.

Dalam tempoh lima tahun akan datang, kajian semula tentang definisi kerajaan ‘pintar’ amatlah kritikal. Untuk mencapai visi sebuah kerajaan negeri yang mempunyai tadbir urus S.M.A.R.T. dan berkesan, penekanan diberikan kepada beberapa aspek melangkaui teknologi, termasuklah penyelarasan dasar dan matlamat, peningkatan produktiviti, ketangkasan penjawat awam dan kebertanggungjawaban dalam melaksanakan mandat, serta sentiasa menggunakan pendekatan berjiwa rakyat. Selain itu, Kerajaan Negeri Selangor juga akan berusaha mempelbagaikan sumber hasil awam dalam mendokong keperluan pembangunan negeri serta menyokong transformasi teknologi demi memacu penyampaian perkhidmatan awam yang cekap dan berkesan.

Terdapat **lima (5) bidang tumpuan utama, 12 strategi utama dan 51 projek, program dan inisiatif (PPI)** di bawah tema ini. Lima (5) bidang tumpuan utama yang diberi penekanan kepada S.M.A.R.T. adalah:

- **Strategic Alignment of Goals and Policies** (Penjajaran Strategik Matlamat dan Dasar)
- **Managing Performance and Accountability** (Pengurusan Prestasi dan Akauntabiliti)
- **Agile Public Workforce** (Tenaga Kerja Awam yang Tangkas)
- **Revenue Sustainability** (Kemampaman Hasil)
- **Technological Transformation** (Transformasi Teknologi)





Maklumat lanjut berkaitan TS-4 Tadbir Urus S.M.A.R.T. dan Berkesan, sila rujuk Bahagian 7 halaman 154

04

---

## **TS-1 PENGUKUHAN EKONOMI**



TS-1

## PENGUKUHAN EKONOMI

Walaupun berdepan dengan pelbagai cabaran kesan daripada pandemik, Selangor masih merupakan hab ekonomi utama negara serta negeri yang mempunyai daya tarikan pelaburan. Sejak tahun 2015, Selangor telah mencatatkan pertumbuhan ekonomi yang memberangsangkan dan merupakan penyumbang terbesar kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Malaysia dengan 24.3% atau bersamaan RM327.1 bilion pada tahun 2020.

Dalam usaha memperkuuhkan lagi status Selangor sebagai pusat pembangunan ekonomi dan destinasi utama untuk pelaburan strategik di Malaysia dan di rantau Asia, RS-1 telah mengambil dua pendekatan pembangunan ekonomi, iaitu pendekatan pembangunan ekonomi berdasarkan sektor tumpuan, dan juga pendekatan pembangunan berdasarkan geografi. RS-1 telah mengenal pasti sembilan (9) sektor tumpuan berdasarkan sumbangan KDNK semasa, potensi pertumbuhan pasaran dan permintaan masa hadapan yang akan terus memacu ekonomi Selangor (Carta 4.1 dan Carta 4.2).

Sembilan (9) sektor tumpuan ini termasuk Pelabuhan dan Logistik; Pelancongan; Ekonomi Digital; Aeroangkasa; Automotif; Elektrik & Elektronik (E&E) dan Mesin & Peralatan (M&E); Industri Halal; Sains Hayat dan Agroteknologi. Kesemua sektor ini berpotensi melonjakkan kedudukan ekonomi Selangor untuk menguasai ekonomi serantau di samping menjana peluang pekerjaan yang berkualiti tinggi di seluruh negeri.

Dalam memastikan agihan aktiviti ekonomi yang saksama dan menyeluruh di negeri Selangor, RS-1 juga telah mengenal pasti beberapa wilayah yang akan dibangunkan melalui strategi pembangunan berdasarkan geografi. Antara pelan pembangunan yang telah dikenal pasti di bawah strategi ini adalah Wilayah Pembangunan Bersepadu di Selangor Selatan (IDRISS), Kawasan Pembangunan Sabak Bernam (SABDA) dan Zon Pembangunan Ekonomi Selangor Maritime Gateway (ZPE SMG). Sektor-sektor ekonomi tumpuan yang telah dikenal pasti di bawah RS-1 juga akan menjadi sebahagian fokus di bawah strategi pembangunan berdasarkan geografi ini, di mana projek-projek berimpak tinggi berkaitan sektor tumpuan akan dibangunkan di bawah pelan pembangunan yang telah dikenal pasti.

Usaha bagi memperkuuh sembilan (9) sektor tumpuan akan didorong oleh empat (4) strategi yang komprehensif, iaitu mempermudahkan pemulihran ekonomi pasca COVID-19, memperkuuh industri teras strategik, menggalakkan pembangunan sektor baharu dan sedang membangun serta memperkuuh daya saing negeri. Empat (4) strategi menyeluruh tersebut akan dilaksanakan melalui 101 projek, program dan inisiatif di sembilan (9) daerah di negeri Selangor dengan sasaran peningkatan KDNK sebanyak 6.5% pada Kadar Pertumbuhan Tahunan Terkompaun (CAGR) menjelang 2025.



## CARTA 4.1

## Tema Strategik 1: Pengukuhan Ekonomi

9 Sektor Tumpuan, 4 Strategi Komprehensif Utama, 101 Projek, Program dan Inisiatif

Sektor Tumpuan							
Perkhidmatan				Pembuatan			Pertanian
Pelabuhan & Logistik	Pelancongan	Ekonomi Digital	Aeroangkasa	E&E dan M&E	Industri Halal	Sains Hayat	Agro Teknologi
Meningkatkan kapasiti untuk memenuhi kehendak industri dan menjadikan Selangor sebagai hab logistik utama dan menjadi peneraju dalam menyediakan perkhidmatan pelabuhan dan industri maritim bertaraf antarabangsa	Meningkatkan jumlah ketibaan pelawat serta jumlah perbelanjaan di negeri Selangor	Meningkatkan jumlah penubuhan syarikat startup/unicorn dan Perusahaan Kecil Sederhana (PKS) yang didigitalkan untuk kekal sebagai penyumbang utama kepada KDNK ekonomi digital Malaysia  Melengkapkan liputan dan infrastruktur telekomunikasi yang baik untuk meningkatkan kemudahan aktiviti perniagaan	Selangor sebagai pilihan utama bagi tujuan pelaburan untuk industri aeroangkasa di Asia Pasifik  <b>Automotif</b>  Selangor sebagai hab pembuatan dan perkhidmatan automotif	Meningkatkan pelaburan asing dan domestik untuk E&E dan M&E ke dalam negeri  Menarik segmen nilai tambah yang tinggi untuk aktiviti rantaian nilai E&E dan M&E	Menjadikan Selangor sebagai hab halal global bagi memenuhi kehendak masa hadapan untuk produk halal antarabangsa di samping membangunkan industri halal negeri	Selangor menjadi kelompok sains hayat serantau dalam bidang bioteknologi	Menjadikan Selangor sebagai pengeluar utama produk pertanian bernilai tinggi dengan mempromosi penggunaan teknologi IR 4.0 dalam operasi pertanian dan memanfaatkan teknologi pembenihan/pembiahan terkini


## SEKTOR TUMPUAN AKAN DIPADANKAN MENGIKUT KESESUAIAN STRATEGI

## SEKTOR TUMPUAN

STRATEGI	PELABUHAN & LOGISTIK	PELANCONGAN	EKONOMI DIGITAL	AEROANGKASA	AUTOMOTIF	E&E dan M&E	INDUSTRI HALAL	SAINS HAYAT	AGRO TEKNOLOGI
Memudah cara pemuliharan ekonomi pasca COVID-19									
Mengukuhkan industri teras strategik									
Menggalakkan pembangunan sektor baharu dan sektor yang sedang meningkat naik									
Meningkatkan daya saing negeri									

CARTA 4.2

## PERTUMBUHAN KDNK DAN AKTIVITI EKONOMI MENGIKUT SEKTOR TAHUN 2020 (RM BIL)



\* Merangkumi sektor pembinaan, pertanian, perlombongan, kuari, duti import dan pelbagai sektor lain

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia



## 4.1 SEKTOR TUMPUAN 1

### PELABUHAN DAN LOGistik

#### Pendahuluan

Sektor logistik di Malaysia menyumbang kira-kira 3.5% kepada KDNK negara setiap tahun. Perkhidmatan pos dan kurier pula berjaya mencatatkan pertumbuhan tertinggi dalam KDNK ketika pandemik melanda, kesan daripada peningkatan aktiviti e-dagang dalam kalangan para pengguna, sekali gus Selangor berjaya merekodkan 220,930 individu yang bekerja di dalam sektor logistik dan penyimpanan pada tahun 2020. Ia merupakan jumlah tertinggi yang dicatatkan di seluruh negara dalam sektor ini sekali gus menjadikan sektor pelabuhan dan logistik sebagai sektor pertumbuhan ekonomi utama di Selangor selaras dengan visi Wawasan Kemakmuran Bersama (WKB 2030).

Di rantau Asia, Malaysia merupakan hab pemindahan kontena dan peneraju pasaran utama bagi pengendalian dan pengeksportan produk minyak dan gas. Malah, pelabuhan di negara ini berjaya menguruskan pengendalian kontena setara dengan keseluruhan pengendalian kontena di Pelabuhan Rotterdam dan Antwerp pada tahun 2018. Usaha berterusan untuk mengembangkan dan meningkatkan kapasiti di kesemua pelabuhan utama akan memacukan lagi kemajuan dalam sektor ini. Antara perancangan yang telah dikenal pasti adalah meningkatkan jumlah kapasiti di Pelabuhan Klang sebanyak 50% kepada 30 juta TEU (unit bersamaan 20 kaki) setahun menjelang tahun 2040.

Kedudukan Selangor yang strategik di wilayah tengah menjadikannya nadi kepada sistem logistik di Semenanjung Malaysia. Selangor juga bertanggungjawab menguruskan hampir satu pertiga daripada perdagangan antarabangsa Malaysia yang bernilai RM549 bilion pada tahun 2020, yang mana 72% daripada jumlah tersebut diuruskan oleh

Pelabuhan Klang. Pelabuhan Klang juga menguasai separuh daripada perkongsian pasaran di dalam ekosistem pelabuhan negara.

#### 4.1.1 Isu dan Cabaran

Secara umumnya sektor ini berkembang dengan pesat, namun beberapa masalah telah membenggu sektor ini untuk terus maju. Antaranya, kesesakan di pelabuhan kesan daripada aktiviti pembinaan untuk perluasan, khususnya di Pelabuhan Klang. Faktor kos seperti caj darat yang tidak konsisten juga boleh menyebabkan pelabuhan hilang daya tarikan kepada syarikat-syarikat perkapalan baharu. Isu untuk *last mile connectivity*, termasuk kesesakan lalu lintas, kekurangan pusat pelbagai fungsi dan kekurangan tenaga kerja dalam sektor ini memberi kesan negatif kepada produktiviti dan kapasiti.

#### 4.1.2 Strategi Utama

##### Memperkuuh Industri Teras Strategik

Melalui strategi ini, usaha akan ditumpukan ke arah mengenal pasti peluang perniagaan tambahan dan meningkatkan hasil dengan meneroka pasaran, produk dan perkhidmatan baharu. Sektor ini juga akan mengembangkan kapasiti untuk memenuhi keperluan industri, mempertingkatkan automasi dan pendigitalan untuk meningkatkan produktiviti, serta mencari nilai tambah melalui peningkatan kecekapan operasi.

##### Meningkatkan Daya Saing Negeri

Dasar dan insentif mesra pelabur akan diperkasakan bagi memastikan Selangor menjadi destinasi pelaburan utama bagi sektor ini. Tumpuan juga akan diberikan bagi melahirkan lebih ramai individu berkemahiran tinggi dalam sektor pelabuhan dan logistik bagi memenuhi keperluan industri pada masa depan.



### 4.1.3 Senarai Projek, Program dan Inisiatif

Sembilan (9) projek, program dan inisiatif (PPI) telah dikenal pasti untuk memacu pembangunan dalam sektor ini. Projek permacam perubahan yang telah dikenal pasti di dalam sektor ini adalah pembangunan projek Carey Selangor.

#### JADUAL 4.1

Projek, Program dan Inisiatif Utama	Penerangan Ringkas
Carey Selangor	Carey Selangor adalah pembangunan Zon Ekonomi Khas (SEZ) yang dicadangkan di Pulau Carey untuk pembangunan pelbagai yang terdiri daripada kawasan perindustrian, komersial, logistik, pelabuhan dan aktiviti rekreasi
Pengembangan West Port 2	Pengembangan infrastruktur pelabuhan untuk meningkatkan kapasiti terkini kepada 28 juta TEU
Zon Perdagangan Bebas Pulau Indah	Pusat Sehenti Zon Perdagangan Bebas melalui skim bina, pajakan, penyelenggaraan dan pemindahan di Pulau Indah
Taman Industri Maritim dan Teknologi Tinggi	Pembangunan pusat industri di Pelabuhan Klang, Pulau Indah dan Rantau Panjang
Terminal Kapal Persiaran Pelabuhan Klang	Pembangunan dan promosi Terminal Kapal Persiaran Pelabuhan Klang sebagai destinasi utama bagi kapal persiaran mewah
Inisiatif Pelabuhan Digital Selangor	Pengenalan kepada teknologi digital dan IR 4.0 di pelabuhan-pelabuhan negeri Selangor
Hab Logistik Serendah	Serentak dengan pembangunan ECRL, negeri Selangor berhasrat menjadikan Serendah sebagai hab logistik bagi memenuhi keperluan ekonomi semasa
Klang: Bandar Pelabuhan Utama	Program untuk meningkatkan imej Daerah Klang sebagai bandar pelabuhan utama dan pemerkasaan kepada dasar mesra pelabur untuk memastikan Daerah Klang menjadi destinasi utama pelaburan
Universiti Maritim Selangor	Penubuhan dan pembangunan universiti maritim bertaraf antarabangsa



ANTARA PERANCANGAN YANG TELAH DIKENAL  
PASTI ADALAH MENINGKATKAN JUMLAH KAPASITI  
DI PELABUHAN KLANG SEBANYAK 50% KEPADA  
30 JUTA TEU (UNIT BERSAMAAN 20 KAKI )  
SETAHUN MENJELANG TAHUN 2040



## PEMACU PERUBAHAN 1



### CAREY SELANGOR

#### OBJEKTIF

Carey Selangor adalah pembangunan Zon Ekonomi Khas (SEZ) yang dicadangkan di Pulau Carey untuk pembangunan pelbagai yang terdiri daripada kawasan perindustrian, komersial, logistik, pelabuhan dan aktiviti rekreasi

Pembangunan ini bertujuan untuk merangsang dan meningkatkan ekosistem ekonomi maritim sedia ada di Selangor, menambahbaik penggunaan tanah untuk pembangunan perindustrian, meningkatkan keterhubungan untuk menyokong kegunaan domestik dan perdagangan asing bagi jangka masa panjang

#### SOROTAN UTAMA

Carey Selangor akan mempunyai keluasan 6,000 hektar di mana zon ekonomi khas akan memberi tumpuan kepada tiga (3) industri utama seperti:

- Pembuatan (34%)
- Pelabuhan laut (17%)
- Hab logistik dan pengedaran (14%)

Selain itu pelabuhan baharu yang dicadangkan akan mempunyai kapasiti tambahan sebanyak 35.5 juta TEU kontena dengan 23.9 juta tan pukal kering dan 15.5 juta tan pukal cecair menjelang 2060

#### JANGKA MASA

2025 - 2060

#### HASIL

- Nilai kasar lebih daripada RM40.2 bil akan menyumbang kepada ekonomi menjelang 2060
- Anggaran sumbangan KDNK sebanyak RM4.71 bil pada tahun 2045
- Mewujudkan peluang pekerjaan sebanyak 115,000



## 4.2 SEKTOR TUMPUAN 2

### PELANCONGAN

#### Pendahuluan

Malaysia mempunyai daya tarikan tersendiri dalam industri pelancongan di rantau ini dengan kekayaan budaya dan pelbagai tarikan yang lain. Ia merupakan salah satu penyumbang terpenting kepada ekonomi negara. Semasa pandemik, pertumbuhan sektor ini teruk terjejas dengan mencatatkan penurunan mendadak sebanyak 72% pada tahun 2020. Selain itu, Kempen Tahun Melawat Malaysia 2020 (VMY 2020) juga telah dibatalkan disebabkan oleh penutupan sempadan antarabangsa dan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Ini sekali gus memberi kesan kepada kuasa perbelanjaan pelancong yang dilihat menurun dengan ketara termasuk peningkatan bilangan hotel yang terpaksa menghentikan operasinya. Secara kesimpulannya, pandemik memberi impak yang besar kepada sumber pendapatan dan pekerjaan berkaitan sektor ini.

Sebelum wabak COVID-19 melanda, ekonomi Selangor turut dipacu oleh pertumbuhan industri pelancongan, dengan kebanyakan jumlah pelancong adalah dari negara besar iaitu China, Jepun, Singapura dan Indonesia. Seperti industri lain, aktiviti pelancongan di negeri ini turut terkesan disebabkan oleh pandemik di mana jumlah pelancong domestik telah menurun sebanyak 54% pada tahun 2020. Namun begitu, pelbagai usaha seperti pembangunan Pelan Induk Pelancongan Negeri Selangor 2021-2026 telah diperkenalkan bagi merangsang semula kerancakan industri ini pasca pandemik, Selangor mempunyai banyak daya tarikan berkaitan sektor pelancongan untuk ditawarkan di dalam daerah-daerah negeri Selangor sekali gus berupaya memperkuuhkan potensi sektor pelancongan (Peta).

#### 4.2.1 Isu dan Cabaran

Antara cabaran yang memberi kesan kepada industri pelancongan di Selangor adalah isu ketersediaan pengurusan yang tersusun rapi bagi memastikan destinasi pilihan pelancong diselenggara secara berkala. Kadar penglibatan sektor swasta yang kurang memberangsangkan adalah antara punca kepada kegagalan dalam pertumbuhan sektor pelancongan ini di Selangor, selain daripada isu kekangan dana.

Tambahan pula, beberapa destinasi pelancongan di Selangor mengalami masalah infrastruktur jalan raya, yang mengakibatkan kesesakan jalan raya semasa ketibaan pelancong, terutamanya di waktu puncak.

#### 4.2.2 Strategi Utama

##### Mempermudah Pemulihan Ekonomi Pasca COVID-19

Berdasarkan strategi yang telah disusun dalam membantu fasa pemulihan ekonomi pasca COVID-19, RS-1 menggariskan beberapa inisiatif bagi memperluaskan kadar pemasaran produk pelancongan negeri yang bertujuan merancakkan aktiviti pemulihian perniagaan, terutamanya bagi Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) dalam sektor perkhidmatan yang terjejas teruk oleh wabak COVID-19. Proses pengambilan pekerja bagi sektor pelancongan ini dipermudahkan dengan bantuan pemandanan pekerjaan untuk pekerja berkemahiran rendah dan sederhana.

##### Memperkuuh Industri Teras Strategik

Kadar pembangunan dalam subsektor baharu juga perlu dipertingkatkan, meliputi pembangunan produk baharu dan pemasaran tambahan seperti Ekopelancongan, Agropelancongan dan Pelancongan Kesihatan. Penggunaan teknologi digital perlu dipergiatkan bagi menambah baik pengalaman pelancongan kepada pelancong domestik dan asing. Dasar Kerjasama Awam Swasta (PPP) juga perlu diperhalusi dengan pengurusan aset pelancongan negeri oleh sektor swasta, di samping memastikan tadbir urus dan pemantauan yang efektif.

## PETA

### KEPELBAGAIAN AKTIVITI SEKTOR PELANCONGAN NEGERI SELANGOR MEMPUNYAI POTENSI UNTUK DIKEMBANGKAN



## Meningkatkan Daya Saing Negeri

Pentadbiran negeri juga akan meningkatkan kemudahan pelaburan dalam sektor pelancongan di Selangor serta meningkatkan kapasiti sektor ini melalui pembangunan modal insan dan menggalakkan penggunaan teknologi. Selain itu, kerajaan negeri akan menambah baik infrastruktur keterhubungan digital di lokasi pelancongan utama.

## 4.2.3 Senarai Projek, Program dan Inisiatif

Terdapat sepuluh (10) PPI yang dikenal pasti untuk sektor ini. Lima (5) program telah dilaksanakan untuk mengukuhkan industri teras strategik, iaitu Pelan Induk Ekopelancongan Selangor, Pelancaran Aplikasi ‘Go Selangor’, Program PPP Pelancongan Selangor, Hos Komuniti Selangor dan Kluster Pelancongan Selangor. Projek pemacu perubahan yang telah dikenal pasti di dalam sektor ini adalah pembangunan Shah Alam Contemporary and Modern Arts (SAMA) di bawah inisiatif Kluster Pelancongan Selangor

### JADUAL 4.2

Projek, Program dan Inisiatif Utama	Penerangan Ringkas
Aplikasi Go Selangor	Aplikasi utama untuk melancong di negeri Selangor
Program PPP Pelancongan Selangor	Pembangunan “Permohonan untuk Cadangan” (RFP) untuk PPP bagi aset pelancongan kepunyaan negeri yang mempunyai tarikan pelancong oleh sektor swasta
Kempen Pusing Selangor	Kempen melawat Selangor untuk menarik pelancong tempatan
Selangor Tourism E-baucer	E-baucer pelancongan untuk produk dan perkhidmatan berkaitan pelancong
Program Pengambilan Semula Bekerja untuk sektor pelancongan Selangor	Subsidi pekerjaan dan program padanan kerja bagi pekerja sektor pelancongan
Selangor Ecotourism Master Plan	Pembangunan pelan Induk Ekopelancongan negeri yang memberi fokus kepada tarikan baharu serta meningkatkan promosi dan pembangunan taman geo (iaitu Gombak-Hulu Langat Geopark)
Hos Komuniti Selangor	Latihan dan promosi penduduk tempatan Selangor untuk menjadi pemandu pelancong di kawasan tarikan pelancong
Kluster Pelancongan Selangor	Pengenapstian, pengenalan dan pembangunan kluster pelancongan baharu di Selangor (Kreatif, Kebudayaan, Kesihatan, Pertanian, Peruncitan)
Latihan Pelancongan Digital Selangor	Latihan pelancongan digital untuk pengusaha pelancongan
Pelancongan Digital Selangor- Ketersambungan	Pembangunan infrastruktur digital dan ketersambungan di kawasan tarikan utama pelancongan untuk mempromosikan penerimaan teknologi dalam pelancongan



## PEMACU PERUBAHAN 2



### SHAH ALAM CONTEMPORARY AND MODERN ARTS (SAMA)

#### OBJKTIF

SAMA akan beroperasi bukan sahaja sebagai sebuah galeri tetapi juga sebagai pemangkin kepada pembangunan industri seni visual tanah air melalui program-program pembangunan dan bantuan-bantuan lain yang diperlukan

#### SOROTAN UTAMA

- Memupuk kesedaran, pemahaman dan penghayatan yang tinggi dalam masyarakat awam terhadap pelbagai bentuk seni yang dihasilkan seperti deria, visual, lukisan, fotografi, ukiran dan multimedia
- Memperolehi dan mendokumentasi hasil karya seni visual sebagai himpunan tetap warisan seni visual yang mencerminkan kreativiti dan aspirasi seni budaya di dalam negara
- Mempromosi dan meningkatkan mutu seni visual ke taraf lebih tinggi dengan menganjurkan pameran karyawan tempatan untuk jualan, seminar, bengkel, pertandingan dan aktiviti seni dalam dan luar negara

#### JANGKA MASA

Tarikh mula 2023

#### HASIL

Meningkatkan pendapatan karyawan seni tempatan dan hasil sektor pelancongan negeri Selangor



## 4.3 SEKTOR TUMPUAN 3

### EKONOMI DIGITAL

#### Pendahuluan

Pasaran global bagi e-dagang mencatatkan nilai berjumlah USD4.3 trilion pada tahun 2020 dan dijangka meningkat kepada USD6.4 trilion menjelang tahun 2024. Di Malaysia, Selangor mencatatkan rekod tertinggi hasil dan perbelanjaan e-dagang pada tahun 2019 masing-masing dengan kadar pertumbuhan tahunan sebanyak 27.9% dan 18.5%. Ini menggambarkan potensi Selangor untuk memacu pembangunan dan pertumbuhan e-dagang.

Malaysia mempunyai potensi untuk menjadi hab *e-fulfilment* serantau walaupun terdapat beberapa cabaran dalam mencapai agenda tersebut khususnya dalam aspek operasi dan teknologi.

Bagi keusahawanan teknologi, terdapat beberapa syarikat *startup* ataupun *unicorn* yang semakin meningkat di Asia Tenggara, namun Malaysia hanya mempunyai satu pada masa ini iaitu Carsome manakala negara jiran memiliki beberapa syarikat *unicorn*. Terdapat ruang untuk pembangunan selanjutnya bagi syarikat *unicorn* di Malaysia pada masa depan.

Dari segi infrastruktur, terdapat jurang yang ketara di antara liputan jalur lebar tetap di kawasan bandar dan luar bandar. Kawasan luar bandar lebih bergantung kepada rangkaian mudah alih kerana ia lebih murah berbanding jalur lebar tetap. Akses internet untuk kawasan bandar di Selangor hanya merekodkan 53.1% bagi penggunaan jalur lebar tetap pada tahun 2020, berbanding dengan 93.4% di Singapura. Kebanyakan isi rumah di kawasan luar bandar juga kurang kemahiran asas dan pengetahuan tentang potensi teknologi digital, justeru memiliki jalur lebar bukan satu keperluan penting.





### 4.3.1 Isu dan Cabaran

Kekurangan dana disebabkan oleh institusi kewangan yang tidak mahu mengambil risiko untuk memberi dana kepada projek-projek berisiko tinggi menyebabkan kesukaran kepada ekosistem syarikat *startup*. Ekonomi digital juga mengalami kekurangan tenaga kerja yang bersesuaian. Kelemahan keterhubungan dengan rangkaian global untuk syarikat *startup* juga mengekang pertumbuhan ekonomi digital. Selain daripada itu, terdapat juga liputan jalur lebar yang lemah di kawasan luar bandar dan taman perindustrian.



### 4.3.2 Strategi Utama Menggalakkan Pembangunan Sektor Baharu dan Sedang Membangun

Strategi ini akan memberi tumpuan kepada pembangunan ekosistem *startup*, industri kreatif dan e-dagang di Selangor. Pada masa yang sama, usaha untuk melahirkan lebih ramai usahawan dan syarikat berstatus *unicorn* dalam sektor ekonomi digital akan diperhebatkan. Kerajaan negeri akan terus menjalankan dan meningkatkan program inkubatornya dan juga menyediakan sokongan kewangan melalui bantuan pembiayaan dan juga melalui pelaburan langsung melalui Anak Syarikat Negeri (GLC) negeri.

#### Meningkatkan Daya Saing Negeri

Selangor juga akan menumpukan peningkatan daya saing dengan menyediakan insentif untuk menarik lebih banyak FDI berkaitan ICT dan e-dagang.

Penambahbaikan ketersambungan rangkaian juga akan disasarkan untuk mempercepatkan dan memastikan ekonomi digital boleh dicapai oleh semua rakyat Selangor. Ini selaras dengan hasrat Kerajaan Negeri untuk mencapai 99% liputan rangkaian yang memberi manfaat dalam sektor ekonomi digital termasuk lapan (8) sektor tumpuan lain di bawah RS-1.

### 4.3.3 Senarai Projek, Program dan Inisiatif

Sebanyak 20 PPI bakal dilaksanakan di bawah strategi yang telah dikenal pasti bagi mengukuhkan ekonomi digital. Projek pemacu perubahan yang telah dikenal pasti adalah projek Jalur Lebar Industri Selangor (JALIN).

Melalui PPI ini, RS-1 menyasarkan untuk menambah sekurang-kurangnya 300 syarikat *startup*, 10,000 pengguna aktif dalam pasaran ekonomi gig dan sekitar 20,000 profesional berkemahiran menjelang tahun 2025.

### JADUAL 4.3

Projek, Program dan Inisiatif Utama	Penerangan Ringkas
Jalur Lebar Industri Selangor (JALIN)	Infrastruktur rangkaian berkelajuan tinggi akan dibina di kawasan perindustrian
Selangor e-Commerce Education	Program latihan untuk peniaga e-dagang dalam menyesuaikan diri dengan norma baru
Program Selangor e-Commerce Onboarding	Menyediakan platform perniagaan tradisional e-dagang percuma untuk mengembangkan perniagaan
Malaysia Top e-Commerce Merchant Awards	Pengiktirafan dan peluang untuk meningkatkan tahap penjenamaan dalam kalangan industri
Kempen Selangor E-Bazaar	Kolaborasi antara Kerajaan Negeri Selangor dan platform e-dagang Shopee dan Lazada sebagai inisiatif penambahbaikan jualan
Geran Padanan Pendigitalan PKS Selangor	50% geran padanan atau maksimum RM5,000 untuk PKS negeri
Jelajah Usahawan Digital Selangor	Mempromosi digitalisasi dan e-dagang kepada perniagaan dan usahawan di kawasan luar bandar
Program Accelerator Selangor dan Pitch@Selangor	Program pecutan intensif selama 4 bulan untuk syarikat <i>startup</i> dan aktiviti <i>pitching</i>
Selangor Logistics e-Fulfilment Centre	Pembangunan logistik <i>e-Fulfilment</i> Serantau
Amazon Web Services Smart Selangor Cloud Accelerator Learning Programme (SCALE)	Latihan pengkomputeran <i>cloud</i> bagi kakitangan awam, ahli akademik, rakyat dan peniagaan yang terpilih
Platform IKS SMART Selangor	Platform bagi pasaran IKS, logistik dan pemantauan prestasi IKS
Rakan Digital Selangor/ Platform Selangor – PLATS	Mempromosi platform dan menyediakan direktori digital bagi memacu ekonomi mikro, kecil dan sederhana
Penubuhan Unit Keselamatan Siber	Putus pemantauan infrastruktur sekuriti siber, membangunkan polisi dan protokol dalam dan luaran berkaitan ancaman siber
Wi-Fi Pintar Selangor	Perkhidmatan Wi-Fi percuma bagi kumpulan sasaran di Selangor
Kemudahan Rangkaian 5G di Selangor	SMARTSEL dan KUSEL berperanan sebagai pemudahcara dalam pelaksanaan pembangunan infrastruktur di Selangor
Selangor International Business Summit (SIBS)	Invest Selangor menganjurkan Selangor International Business Summit (SIBS) secara tahunan sebagai platform pemasaran antarabangsa untuk pihak berkepentingan berkumpul dan menerokai pasaran ASEAN dan potensinya
Dana Inovasi Selangor	Dana Modal Teroka dengan permulaan dana sebanyak RM30 juta
Putus Kecemerlangan (CoE) Smart Selangor	Menyediakan pusat kolaboratif fizikal di seluruh negeri bagi kerajaan, ahli akademik dan industri untuk mereka mencari solusi dan mempromosikan produk yang bermutu tinggi sebagai ujian
Sekolah Digital Selangor	Penekanan kepada kurikulum berkaitan digital, kursus jangka pendek, diploma dan ijazah
Rangkaian Sistem Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor (PPAS)	Memperluaskan ketersambungan rangkaian kesemua perpustakaan serta menambah baik ketersambungan rangkaian kawasan luar bandar
*Insentif Kerajaan Selangor (SGI) (rujuk Bahagian 4.6, E&E dan M&E)	Insentif khusus negeri yang melibatkan deposit premium tanah, taksiran dan yuran lesen perniagaan

\* PPI Cross-Cutting



## PEMACU PERUBAHAN 3



### JALUR LEBAR INDUSTRI SELANGOR (JALIN)

#### OBJEKTIF

Penambahbaikan ketersambungan internet di taman perindustrian untuk menarik lebih banyak FDI/ DDI ke negeri ini dan mengukuhkan kedudukan negeri Selangor sebagai negeri pilihan buat syarikat tempatan dan asing.

#### SOROTAN UTAMA

- SMARTSEL pada mulanya meliputi taman/ kawasan industri yang telah dikenal pasti terlibat dengan isu ketersambungan internet yang agak parah, berdasarkan laporan dari Invest Selangor dan pelabur-pelabur
- Negeri mensasarkan untuk menawarkan liputan 20% daripada 228 taman perindustrian
- Mekanisme pelaksanaan JALIN adalah:
  - Mengenal pasti lokasi perindustrian strategik dengan keperluan penggunaan teknologi IR 4.0
  - SMARTSEL akan berkolaborasi bersama pemain industri dan SKMM untuk proses penyediaan infrastruktur
  - Pembangunan infrastruktur telekomunikasi akan mempertimbangkan kos pemerolehan, risiko pelaburan dan faedah kepada negeri dalam industri berteknologi tinggi
  - Harga aset akan disemak serentak dengan harga pasaran jika terdapat permintaan tentang pemerolehan oleh pemain industri swasta

#### JANGKA MASA

2022 - 2024

#### HASIL

- Meningkatkan tahap ketersambungan sebanyak 20% daripada semua taman perindustrian di Selangor (menjelang 2025)
- Mencapai kelajuan muat turun dan muat naik setanding purata ketersambungan di Selangor



## 4.4 SEKTOR TUMPUAN 4

### AEROANGKASA

#### Pendahuluan

Malaysia mempunyai ekosistem aeroangkasa yang komprehensif merangkumi pembangunan dan penyelidikan; kejuruteraan dan reka bentuk; pembuatan; operasi, baik pulih dan penyelenggaraan (MRO) serta pembangunan modal insan. Dianggarkan lebih daripada 63% daripada ekonomi aeroangkasa Malaysia berpangkalan di Selangor sekali gus menjadikan negeri Selangor sebagai hab aeroangkasa.

Industri ini berkembang dengan pesat di Malaysia dan merupakan yang kedua terbesar di kalangan negara-negara Asia Tenggara. Eksport produk aeroangkasa Malaysia meliputi peralatan dan komponen aeroangkasa, telah mencatatkan peningkatan ketara dalam anggaran 72.8% antara tahun 2013 dan 2018.

Subsektor pembuatan dalam industri aeroangkasa juga antara yang terpantas berkembang dan penyumbang terbesar kepada industri aeroangkasa negara dengan mencatatkan hasil sebanyak RM6.6 bilion sehingga tahun 2017. Melihat kepada potensi besar ini, RMK-12 telah menetapkan sasaran untuk meningkatkan hasil industri aeroangkasa mencecah RM30 bilion menjelang tahun 2025 dengan peningkatan sebanyak 158% berbanding tahun 2020.

Selain itu, Rangka Tindakan Industri Aeroangkasa Malaysia 2030 turut dibentuk dengan matlamat menjadikan Malaysia sebuah negara aeroangkasa terkemuka di Asia Tenggara menjelang tahun 2030, selaras dengan matlamat yang digariskan dalam Rangka Tindakan Aeroangkasa Selangor 2020-2030.

Sektor ini turut menyasarkan untuk meningkatkan keuntungan tahunan Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz kepada RM2 bilion menjelang tahun 2025, mewujudkan 110,200 peluang pekerjaan, selain meningkatkan kapasiti operasi kepada lebih lima (5) juta penumpang setahun.

#### 4.4.1 Isu dan Cabaran

Salah satu isu utama yang membelenggu industri aeroangkasa adalah peralatan penerbangan tidak dikecualikan daripada *Sales and Service Tax (SST)* seperti pengecualian yang diberi kepada *Goods and Service Tax (GST)*, sekali gus mengurangkan daya saing industri. Satu lagi cabaran yang dihadapi adalah peraturan yang dikenakan kepada industri melibatkan proses kelulusan yang panjang untuk memperoleh pelbagai pensijilan.

Selain itu, turut menjadi kekangan kepada industri ialah pensijilan tempatan yang tidak diiktiraf oleh Agensi Keselamatan Penerbangan Kesatuan Eropah (EASA) dan Pentadbiran Penerbangan Persekutuan (FAA) yang menyebabkan beban tambahan kepada sektor pembuatan serta jangkaan kekurangan tenaga kerja dan juruteknik penyelenggaraan.

#### 4.4.2 Strategi Utama

##### Memperkuat Industri Teras Strategik

Melalui strategi ini, kerajaan negeri akan memberikan tumpuan untuk menaik taraf dan meningkatkan infrastruktur semasa bagi menambahbaik ketersambungan ke lapangan terbang. Seterusnya, ia juga akan memudahkan akses kepada pasaran baharu dan segmen penciptaan nilai yang lebih tinggi seperti teknologi dron yang sedang berkembang pesat di peringkat global.

LEBIH DARIPADA 63%  
DARIPADA EKONOMI  
AEROANGKASA  
MALAYSIA  
BERPANGKALAN DI  
SELANGOR



### Meningkatkan Daya Saing Negeri

Kerajaan Negeri akan terus menyediakan insentif kewangan dan bukan kewangan bagi menarik dan mengekalkan pelaburan di Selangor. Di samping itu, Kerajaan juga akan terus bekerjasama dan melaksanakan libat urus bersama sektor swasta dan institusi pengajian tinggi untuk memastikan penjajaran program pengajian dengan keperluan industri.

### 4.4.3 Senarai Projek, Program dan Inisiatif

RS-1 menggariskan tujuh (7) PPI untuk merealisasikan matlamat bagi tujuan merangsang sektor aeroangkasa antarabangsa, termasuk projek pemacu perubahan, Selangor International Aero Park (SAP). SAP ini akan menjadi kawasan perindustrian aeroangkasa pertama di Malaysia yang akan dibangunkan bersama pihak Kerajaan Negeri bersama pihak pemaju.





## JADUAL 4.4

04 | TS-1 PENGUKUHAN EKONOMI

Projek, Program dan Inisiatif Utama	Penerangan Ringkas
Selangor International Aero Park (SAP)	Usaha sama antara Kerajaan Negeri Selangor dan pihak pemaju dalam membangunkan kawasan perindustrian aeroangkasa yang pertama di Selangor
Selangor Drone Centre of Excellence (SDCOE)	Penubuhan pusat dron di Bestari Jaya
Bernam River Airfield	Penubuhan lapangan terbang di Bernam untuk pesawat persendirian dan pesawat am
Platform Rangka Kerja Kemahiran Selangor	Platform berpaksikan data dalam talian untuk deskripsi tugas, hala tuju kerjaya dan kemahiran kompetensi untuk kemudahan capaian pihak syarikat;
Meletakkan Selangor sebagai Pusat Pertama Dron dan Negeri Mesra 'Airwaze' di Malaysia	Negeri Selangor mendaftar dan mengaktifkan pusat dron yang pertama serta mesra 'Drone Airwaze' yang menghubungkan negeri Selangor dan KL
Selangor Aviation Show	Pameran penerbangan tahunan bagi mempromosikan industri aeroangkasa Selangor
Apprenticeship 4.0: World-call Engineering Workforce and Aerospace Training for SMEs	Mewujudkan program perintis Selangor dalam industri aeroangkasa dengan kolaborasi Original Equipment Manufacturer (OEM) utama global
*Insentif Kerajaan Selangor (SGI) (rujuk bahagian 4.6, E&E and M&E)	Insentif khusus negeri yang melibatkan deposit premium tanah, taksiran dan yuran lesen perniagaan

\*PPI Cross-Cutting

## PEMACU PERUBAHAN 4



### SELANGOR INTERNATIONAL AERO PARK (SAP)

<b>OBJEKTIF</b>	Untuk memastikan Selangor dan Malaysia terus menjadi hab aeroangkasa di peringkat global dan khususnya di peringkat serantau dalam ASEAN.
<b>SOROTAN UTAMA</b>	<p>SAP akan melengkapkan dan menambah nilai kepada tanah yang semakin berkurangan terutamanya untuk pengembangan dan pelaburan aeroangkasa di Selangor</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• SAP akan merangkumi: : <ul style="list-style-type: none"> <li>• Aktiviti akhir hayat (kitar semula pesawat) dan potensi ekosistem di sekelilingnya</li> <li>• Pembuatan enjin, sel ujian enjin, serta potensi penyelidikan dan pembangunan dalam enjin pesawat dengan sumber bahan api baharu</li> <li>• Gudang bersempadan</li> <li>• Pengecutan pesawat dan pemeriksaan <i>c-checks</i>, galeri dan pemasangan retro pesawat</li> <li>• Aktiviti MRO</li> <li>• Hab latihan dan simulasi</li> <li>• Pembuatan peralatan lapangan terbang, pembuatan aero, pertahanan dan lain-lain</li> </ul> </li> </ul>
<b>JANGKA MASA</b>	2022 - 2023 (jangka masa 10 tahun)
<b>HASIL</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Peningkatan hasil oleh rakan kongsi GLC Selangor</li> <li>• Selangor sebagai hab aeroangkasa pilihan di rantau ASEAN</li> <li>• Peningkatan bilangan syarikat yang ditubuhkan di Selangor</li> <li>• Peningkatan peluang pekerjaan</li> </ul>


## 4.5 SEKTOR TUMPUAN 5

### AUTOMOTIF

#### Pendahuluan

Selangor menjadi tumpuan industri automotif di Malaysia dengan 55% pembekal sektor automotif beroperasi di negeri ini (Carta 4.3).

**CARTA 4.3**  
**PECAHAN PEMBEKAL AUTOMOTIF  
DI MALAYSIA**



Sumber: Invest Selangor, Dasar Automotif Negara 2020

Sektor automotif negara mencatatkan jumlah pelaburan RM15.5 bilion antara tahun 2014 dan 2019 manakala jumlah eksport mencecah RM15.4 bilion. Industri ini juga menyumbang sekitar RM40 bilion atau 4% daripada KDNK negara, dengan tenaga kerja hampir 700,000 orang.

Kadar penembusan kenderaan cekap tenaga (EEV) di Malaysia telah merekodkan peningkatan berterusan semenjak Dasar Automotif Negara (NAP) 2014 dilancarkan. Kadar penembusan EEV mencatatkan peningkatan sebanyak 48% dalam tempoh empat tahun sahaja iaitu daripada 14% pada tahun 2014 kepada 62% pada tahun

2018, lebih tinggi kadar purata ASEAN yang mencatatkan penembusan pada kadar 32% bagi tahun 2018.

Pada masa ini, 38% daripada pengeluar automotif dan kilang pemasangan terletak di Selangor. Selangor Utara, yang meliputi Bukit Beruntung, Rawang, Batang Kali, Serendah dan Bestari Jaya, merupakan hab pembuatan automotif yang strategik dengan kehadiran pelbagai pemain sektor swasta.

Bagaimanapun, KDNK sektor automotif di Selangor mencatatkan penurunan sebanyak RM230 juta pada tahun 2020 berbanding tahun 2019. Pertumbuhan yang rendah pada masa ini memerlukan penerokaan pelbagai peluang baharu. Selaras dengan matlamat yang digariskan dalam NAP, objektif masa depan adalah untuk mengembangkan dan menembusi pasaran luar serta meneroka lebih banyak peluang dalam perkhidmatan automotif dan pembuatan alat ganti automotif.

#### 4.5.1 Isu dan Cabaran

Terdapat lima (5) isu utama yang membekalkan industri automotif di Selangor. Isu-isu tersebut adalah kekurangan tenaga kerja mahir, penggunaan teknologi yang terhad, aktiviti penciptaan nilai yang rendah, skala ekonomi yang rendah dan isu perdagangan.

Isu skala ekonomi yang rendah juga menghalang industri automotif daripada menawarkan produk pada harga yang kompetitif. Isu perdagangan yang dihadapi oleh industri automotif adalah kewujudan halangan bukan tarif seperti embargo dan kuota eksport terhad.



## 4.5.2 Strategi Utama Memperkuuh Industri Teras Strategik

Salah satu strategi utama untuk memajukan lagi industri automotif adalah dengan melaksanakan transformasi digital. Di samping itu, usaha Selangor untuk menarik pemain global untuk menubuhkan pusat operasi di Selangor akan memberi kebaikan kepada industri ini.

### Meningkatkan Daya Saing Negeri

Antara strategi untuk meningkatkan daya saing negeri adalah melalui insentif cukai tanah berkonsesi dan kadar tarif air untuk mengekalkan pelabur semasa. Di samping itu, memudahkan penggunaan teknologi Kenderaan Elektrik (EV) dan EEV adalah salah satu strategi yang akan digunakan. Program *Cross-Fertilization* antara sektor swasta dan institusi pendidikan juga akan menyediakan kumpulan bakat yang diperlukan untuk mengembangkan industri automotif.

## 4.5.3 Senarai Projek, Program dan Inisiatif

Antara inisiatif yang digariskan dalam RS-1 ialah memajukan Kilang Pintar Malaysia (MSF) 4.0 sebagai Pusat Kemunculan Teknologi selain melaksanakan pembangunan infrastruktur EV dengan mewujudkan 10,000 stesen pengecas menjelang tahun 2025.

Selangor juga akan menawarkan Insentif Kerajaan Selangor (SGI) dan Program Pembangunan Kurikulum Industri TVET di bawah Inisiatif Kemahiran Teknikal dan Program Profesional Pintar Selangor (IKTISASS).

### JADUAL 4.5

Projek, Program dan Inisiatif Utama	Penerangan Ringkas
Pembangunan Infrastruktur EV	10,000 stesen pengecas dibangunkan menjelang tahun 2025
* Pengembangan Malaysian Smart Factory 4.0 untuk Centre of Emerging Technologies (MSF4.0 – CET) (rujuk bahagian 4.6, E&E dan M&E)	Pengembangan MSF4.0 ke arah Pusat Kemunculan Teknologi akan menyediakan integrasi teknologi yang unik dan komprehensif, cekap dan inovatif dalam ekosistem yang bersepadu
* Pinjaman penyambung untuk pembangunan PKS (rujuk bahagian 4.6, E&E dan M&E)	Bantuan pinjaman sebagai perantara untuk geran persekutuan yang disalurkan secara pembayaran balik
SIBS (rujuk bahagian 4.3, Ekonomi Digital)	Invest Selangor menganjurkan Selangor International Business Summit (SIBS) secara tahunan sebagai platform pemasaran antarabangsa untuk pihak berkepentingan berkumpul dan menerokai pasaran ASEAN dan potensinya
* Insentif Kerajaan Selangor (SGI) (rujuk bahagian 4.6, E&E dan M&E)	Insentif khusus negeri yang melibatkan deposit premium tanah, taksiran dan yuran lesen perniagaan
* IKTISASS - Pembangunan Kurikulum TVET Industri (rujuk bahagian 4.6, E&E dan M&E)	Pembangunan kursus TVET untuk ditawarkan di institusi pendidikan dengan input dan maklum balas daripada industri
* IKTISASS - Penawaran Persijilan Profesional yang Diiktiraf oleh Industri (rujuk bahagian 4.6, E&E dan M&E)	Pensijilan profesional yang diiktiraf oleh industri untuk memastikan bakat dilatih dan mempunyai pengetahuan yang berkaitan dengan keperluan industri

\*PPI Cross-Cutting

## 4.6 SEKTOR TUMPUAN 6


### ELEKTRIK & ELEKTRONIK DAN MESIN & PERALATAN

#### Pendahuluan

Sektor elektrik dan elektronik (E&E) global dianggarkan bernilai USD2.8 trillion pada tahun 2020 dan dijangka terus berkembang pada kadar CAGR 6% menjelang tahun 2025 (Carta 4.4).

CARTA 4.4

#### SASARAN SAIZ PASARAN SEKTOR ELEKTRIK DAN ELEKTRONIK GLOBAL



Sumber: The Business Research Company

Pada masa ini, Malaysia berada di kedudukan ke sembilan dalam senarai pengeksport E&E global terbesar dan ketiga terbesar dalam kalangan negara ASEAN, selain daripada menjadi salah satu pengeluar semikonduktor utama pasaran global. Pasaran semikonduktor menunjukkan tanda-tanda awal bahawa ia mempunyai daya tahan terhadap kesan ekonomi akibat pandemik COVID-19.

Bagaimanapun, kebanyakan syarikat E&E di Malaysia masih tertumpu kepada segmen penciptaan nilai yang rendah dalam rantaian nilai sektor, serta menghadapi cabaran dalam meningkatkan penglibatan

dalam segmen penciptaan nilai tinggi seperti pembuatan dan reka bentuk cip serta penyelidikan dan pembangunan (R&D).

Pada masa ini, Selangor mempunyai salah satu rantaian nilai E&E yang luas di Malaysia. Selangor juga menduduki tempat kedua dalam senarai pengeluar E&E selepas Pulau Pinang dan menyumbang RM25.1 bilion atau 28.5% kepada KDNK bagi sektor E&E negara. Selangor juga merupakan negeri kedua tertinggi yang menerima FDI di Malaysia dalam sektor pembuatan dengan jumlah pelaburan bernilai RM10.4 bilion pada tahun 2019.

Bagi Mesin & Peralatan (M&E), sejumlah 1,418 syarikat berlainan kategori daripada pelbagai bidang telah didaftarkan di Malaysia, dengan sekurang-kurangnya 85% daripada syarikat itu merupakan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) milik tempatan. Sehubungan dengan itu, sokongan untuk industri ini adalah penting.

Subsektor M&E adalah antara sektor yang menjana upah dan gaji tertinggi di Malaysia. Elektrik, gas, wap dan subsektor bekalan arus ulang alik (AC) mencatatkan purata kedua tertinggi upah dan gaji tahunan sebanyak RM77,410 manakala subsektor petroleum, getah, kimia dan plastik menduduki tempat kesembilan dengan purata gaji tahunan sebanyak RM37,836.

Sejak beberapa tahun kebelakangan ini, bilangan pelabur dalam industri M&E telah meningkat dengan ketara. Jumlah FDI yang diluluskan untuk industri ini telah meningkat daripada RM1 bilion pada tahun 2016 kepada RM2 bilion pada tahun 2020. Dalam pada itu, jumlah pelaburan langsung domestik (DDI) melonjak daripada RM540 juta kepada RM4.7 bilion dalam tempoh yang sama. Subsektor M&E adalah penyumbang terbesar kepada pelaburan pada tahun 2020 dengan 21 projek diluluskan.

Sektor M&E di Selangor menyumbang kepada peningkatan dalam keseluruhan eksport M&E Malaysia, yang kini bernilai RM41.4 bilion, dengan destinasi eksport termasuk gergasi ekonomi dunia seperti Amerika Syarikat dan Jepun.

### 4.6.1 Isu dan Cabaran


Antara isu utama yang mempengaruhi sektor ini termasuk persaingan daripada pengeluar kos rendah di rantau ini seperti Vietnam, China dan Indonesia. Kekurangan akses kepada tanah dan modal juga mempengaruhi sektor tersebut. Perkembangan sektor-sektor ini juga diperlakukan oleh kekurangan infrastruktur yang sempurna dan pekerja berkemahiran.

Liputan data mudah alih yang lemah (3G, 4G, 5G) di kebanyakan taman perindustrian memperlambangkan kadar pertumbuhan sektor di mana ia mengehadkan syarikat daripada menyediakan infrastruktur berteknologi tinggi, jentera dan perkhidmatan. Selain itu, pengeluaran di sektor ini masih bergantung kepada tenaga kerja manusia dan belum beralih kepada automasi secara besar-besaran.

### 4.6.2 Strategi Utama

#### Memperkuuh Industri Teras Strategik

Salah satu strategi utama untuk sektor ini adalah pengenalan program bantuan kewangan berdasarkan hasil kepada pengeluar tempatan, untuk membina keupayaan reka bentuk mereka dan menjalankan aktiviti R&D. Di samping itu, automasi dan penyelesaian transformasi digital hendaklah diperkenalkan kepada pemain industri untuk meningkatkan produktiviti dan meneroka segmen lain dalam rantai nilai.



**SUBSEKTOR  
M&E ADALAH  
PENYUMBANG  
TERBESAR KEPADA  
PELABURAN  
PADA TAHUN  
2020 DENGAN  
21 PROJEK  
DILULUSKAN**

#### Meningkatkan Daya Saing Negeri

Untuk menambahbaik kualiti tenaga kerja, institut pengajian tinggi dalam negeri Selangor hendaklah bekerjasama lebih rapat dengan pemain industri melalui peningkatan kemahiran dan latihan terhadap tenaga kerja masa kini dan masa hadapan, yang membawa kepada ketersediaan bakat mahir berdasarkan permintaan industri.

MALAYSIA  
BERADA DI  
KEDUDUKAN  
KE SEMBILAN  
DALAM SENARAI  
PENGEKSPORT  
E&E GLOBAL  
TERBESAR  
DAN KETIGA  
TERBESAR DALAM  
KALANGAN  
NEGARA ASEAN





### 4.6.3 Senarai Projek, Program dan Inisiatif

RS-1 menggariskan tujuh (7) PPI untuk meningkatkan sektor E&E dan M&E negeri sekali gus merealisasikan matlamat mengukuhkan ekonomi negeri Selangor. Antaranya ialah mewujudkan Pusat Kecemerlangan Solar Fotovolta dengan matlamat menjadikan Selangor sebagai pusat kecemerlangan bagi Latihan dan Pembangunan Bakat untuk Industri PV Solar di Malaysia.

Insentif Kerajaan Negeri Selangor dan insentif Kerajaan Persekutuan juga akan diberikan kepada pelabur antarabangsa dan domestik yang melibatkan deposit premium tanah, penilaian dan yuran lesen perniagaan untuk menarik dan mengekalkan pelabur di Selangor .

#### JADUAL 4.6

Projek, Program dan Inisiatif Utama	Penerangan Ringkas
Pengembangan Malaysian Smart Factory 4.0 untuk Centre of Emerging Technologies (MSF4.0 – CET)	Pengembangan MSF4.0 ke arah Pusat Kemunculan Teknologi akan menyediakan integrasi teknologi yang unik dan komprehensif, cekap dan inovatif dalam ekosistem yang bersepadu
Pusat Kecemerlangan (COE) PV Solar	Menjadi pusat kepada kecemerlangan untuk latihan dan pembangunan bakat industri PV Solar di Malaysia
Insentif Kerajaan Selangor (SGI)	Insentif khusus negeri yang melibatkan deposit premium tanah, taksiran dan yuran lesen perniagaan
Pinjaman penyambung untuk pembangunan PKS	Bantuan pinjaman untuk memudahkan geran persekutuan jenis pembayaran balik
Program beli produk tempatan	Menggalakkan GLC di Selangor untuk membeli bahan daripada PKS tempatan
IKTISASS - Pembangunan Kurikulum TVET Industri	Pembangunan kursus TVET untuk ditawarkan di institusi pendidikan dengan input dan maklum balas daripada industri
IKTISASS - Penawaran Persijilan Profesional yang Diiktiraf oleh Industri	Persijilan profesional yang diiktiraf oleh industri untuk memastikan bakat dilatih dan mempunyai pengetahuan yang berkaitan dengan keperluan industri
*SIBS (rujuk Bahagian 4.3, Ekonomi Digital)	Invest Selangor menganjurkan Selangor International Business Summit (SIBS) secara tahunan sebagai pemasaran antarabangsa untuk pihak berkepentingan berkumpul dan menerokai pasaran ASEAN dan potensinya
*Jalur Lebar Industri Selangor (JALIN) (rujuk Bahagian 4.3, Ekonomi Digital)	Infrastruktur rangkaian berkelajuan tinggi untuk dibina di kawasan perindustrian

\*PPI Cross-Cutting



## 4.7 SEKTOR TUMPUAN 7

### INDUSTRI HALAL


#### Pendahuluan

Pasaran halal global dijangka berkembang kepada USD5 trillion menjelang tahun 2030 daripada USD3.1 trillion pada tahun 2018. Sektor ini mempunyai potensi besar di Asia Pasifik untuk Malaysia kerana rantau ini mempunyai populasi penduduk Islam terbesar dan menyumbang hampir 90% daripada jumlah pasaran.

Pasaran halal Malaysia dijangka berkembang kepada USD113.2 bilion menjelang tahun 2030, dipacu oleh empat (4) sektor teras iaitu makanan dan minuman, farmaseutikal, kosmetik dan penjagaan peribadi serta sektor lain seperti fesyen, peralatan perubatan dan pelancongan perubatan (Carta 4.5).

Pada tahun 2015, bilangan syarikat yang berdaftar sebagai organisasi halal di Selangor meningkat kepada 6,138 yang dimonopoli oleh sektor pembuatan dan perkhidmatan. Industri pembuatan halal juga telah merekodkan nilai produk kasar bernilai RM178 bilion pada tahun 2015 manakala industri perkhidmatan halal merekodkan RM29 bilion.

Industri makanan halal global yang melibatkan daging dan alternatif, susu dan produk tenusu, produk bijirin, buah-buahan dan sayur-sayuran dijangka berkembang kepada USD1.7 bilion menjelang tahun 2027. Pemain industri di Selangor berada dalam kedudukan terbaik untuk memanfaatkan permintaan masa depan kerana majoriti pemegang sijil halal ini terlibat dalam produk makanan.



Sumber: Pelan Induk Industri Halal 2030

Dalam usaha menarik lebih ramai pelabur yang terdiri daripada pemain utama industri, Hab Halal Selangor di Pulau Indah diasaskan sebagai kawasan perindustrian untuk industri ini. Aspire Flagship Sdn Bhd (anak syarikat MBI) turut ditubuhkan dengan peranan mengembangkan sektor halal serta memacu program dan inisiatif pembangunan dalam Pelan Tindakan Halal Selangor (SHAP) 2021-2031.

#### 4.7.1 Isu dan Cabaran

Antara isu yang mempengaruhi industri halal adalah akses kepada pembiayaan serta proses mendapat pensijilan halal yang perlu dipermudahkan. Di samping itu, aliran dan pengumpulan maklumat yang kurang efisien, penggunaan sumber yang tidak cekap serta kekurangan tenaga pakar juga merupakan isu industri yang perlu diselesaikan.



## 4.7.2 Strategi Utama

### Memperkuuh Industri Teras Strategik

Mencebur pasaran yang belum diterokai adalah salah satu strategi utama untuk membangunkan pasaran halal. Di samping itu, meningkatkan rantaian nilai dan menghasilkan produk bernilai tambah juga menjadi keutamaan. Sama seperti sektor lain, automasi dan penyelesaian transformasi digital hendaklah didorong ke hadapan untuk meningkatkan produktiviti dan output bagi pemain industri halal.

### Meningkatkan Daya Saing Negeri

Kerajaan Negeri juga akan mewujudkan ekosistem yang menggalakkan keusahawanan dan pendidikan perniagaan dalam kalangan pemain industri. Kerajaan Negeri juga membantu dalam penambahbaikan keupayaan dan kapasiti Perusahaan Mikro Kecil dan Sederhana (PMKS) melalui inisiatif pembangunan modal insan.

PASARAN HALAL  
MALAYSIA DIJANGKA  
BERKEMBANG  
KEPADА USD113.2  
BILION MENJELANG  
TAHUN 2030,  
DIPACU OLEH  
EMPAT (4)  
SEKTOR TERAS  
IAITU MAKANAN  
DAN MINUMAN,  
FARMASEUTIKAL,  
KOSMETIK DAN  
PENJAGAAN  
PERIBADI

## 4.7.3 Senarai Projek, Program dan Inisiatif

Terdapat sepuluh (10) PPI untuk sektor ini. Salah satu inisiatif baharu adalah program PKS Halal Selangor. Pelaksanaan PPI ini akan memastikan Selangor mendapat hasil dan manfaat penuh daripada pertumbuhan pesat dalam pasaran halal.

### JADUAL 4.7

Projek, Program dan Inisiatif Utama	Penerangan Ringkas
Platform Maklumat Berpusat	Pembangunan portal halal dalam talian berpusat untuk semua pihak berkepentingan industri yang menempatkan semua maklumat berkaitan industri
Zon Ekonomi Halal Selangor	Pewujudan zon ekonomi yang bertumpu kepada produk dan perkhidmatan halal yang berkualiti tinggi
Pengusaha Halal Berautoriti	Membangunkan keseluruhan ekosistem halal melalui program berautoriti
Koperasi Halal Selangor	Penyediaan barang dan perkhidmatan untuk mengurangkan kos operasi dan membolehkan peningkatan pendapatan dan simpanan
Program Dana Halal Selangor	Penyediaan bantuan kewangan patuh Syariah serta pembangunan rangkaian dan ekosistem R&D Halal
Pangkalan Data Bahan Halal	Pembangunan pangkalan data bahan halal yang menjadi rujukan utama untuk mitigasi pensijilan
Promosi Halal Selangor	Pelaksanaan "Halal Selangor" sebagai teknik pemasaran dan strategi promosi untuk barang halal buatan negeri Selangor
Program Pembangunan PKS Halal Selangor	Program pembangunan untuk memberi panduan kepada PKS untuk beralih kepada produk/ perkhidmatan berkualiti dengan mengasingkan rantai nilai industri
Hab Perniagaan Halal Selangor	Penubuhan platform bantuan berdasarkan teknologi dan pengenalan program pembangunan untuk meningkatkan mutu pensijilan PKS
Pembangunan Kapasiti Halal Selangor	Program latihan untuk melengkapkan industri dengan kepakaran profesional, program inkubasi syarikat <i>startup</i> dan melatih pekerja di agensi kerajaan negeri
* Insentif Kerajaan Selangor (SGI) (rujuk Bahagian 4.6, E&E dan M&E)	Insentif khusus negeri yang melibatkan deposit premium tanah, taksiran dan yuran lesen perniagaan

\*PPI Cross-Cutting

INDUSTRI PEMBUATAN  
HALAL JUGA TELAH  
MEREKODKAN NILAI  
PRODUK KASAR  
BERNILAI RM178 BILION  
PADA TAHUN 2015  
MANAKALA INDUSTRI  
PERKHIDMATAN HALAL  
MEREKODKAN RM29  
BILION

## 4.8 SEKTOR TUMPUAN 8

### SAINS HAYAT

#### Pendahuluan

Peningkatan umur penduduk di negara maju dan membangun serta jurang perbelanjaan kesihatan dibandingkan dengan KDNK rantau Asia Pasifik (APAC), memberi peluang untuk mengembangkan lagi sektor sains hayat. Perbelanjaan kesihatan di APAC mewakili hanya 6% daripada KDNK rantau ini, berbanding 17% daripada KDNK di Amerika Syarikat.

Malaysia mempunyai sektor kesihatan yang kukuh dan berkembang tetapi sektor ini masih jauh ketinggalan jika dibandingkan dengan negara jiran seperti Vietnam dari segi peratusan KDNK dan Singapura dari segi perbelanjaan kesihatan per kapita. Perbelanjaan kesihatan dalam sektor awam dan swasta Malaysia diunjurkan mencapai 5% atau RM72.7 bilion daripada KDNK pada tahun 2021 berbanding Vietnam yang telah mencapai 5.9% daripada KDNK pada tahun 2018.

Di peringkat global, inovasi dalam industri bioteknologi, farmaseutikal dan perubatan berkembang secara pesat. Permohonan dalam Perjanjian Kerjasama Paten (PCT) bagi ketiga-tiga industri itu secara global meningkat antara 5 -7% dari tahun 2016 hingga 2020, tetapi situasi ini berbeza di Malaysia apabila permohonan PCT untuk ketiga-tiga industri itu merosot antara tahun 2015 hingga 2020.

Nilai pasaran farmaseutikal global melebihi USD1 trilion menjelang tahun 2020 dan diunjur untuk terus berkembang. Di Malaysia, pasaran industri farmaseutikal berkembang dengan stabil pada kadar 9.7% setahun daripada RM3.4 bilion pada tahun 2006 kepada RM8.6 bilion pada tahun 2016. Walau bagaimanapun, Malaysia masih bergantung kepada import farmaseutikal. Antara tahun

2009 dan 2020, import Malaysia bagi produk perubatan dan farmaseutikal mencatatkan peningkatan purata sebanyak 5.2% setahun kepada USD391 juta, berbanding eksport yang hanya meningkat 3.4% setahun kepada USD187 juta.

Industri farmaseutikal di Malaysia lebih menonjol di wilayah tengah Semenanjung khususnya di Selangor. Kesemua enam (6) syarikat pembuatan farmaseutikal yang disenaraikan di Bursa Malaysia berpusat di Selangor dan menyumbang 59% daripada bahagian pasaran dalam Malaysia bernilai RM1.7 bilion pada tahun 2015 (Carta 4.6). Data pada tahun 2019 menunjukkan purata perbelanjaan isi rumah sebanyak RM105.60 sebulan untuk penjagaan kesihatan, dengan RM54 atau lebih daripada 50% untuk produk farmaseutikal.

Sementara itu, industri bioteknologi mencatatkan peningkatan permintaan di pasaran Asia Pasifik dan global. Hasil dalam industri bioteknologi global diunjurkan terus berkembang daripada USD414 bilion pada tahun 2018 kepada USD600 bilion pada tahun 2023. Manakala hasil yang dijana industri bioteknologi di Malaysia juga berkembang konsisten dengan pertumbuhan bilangan syarikat berasaskan bio. Dalam tempoh sembilan tahun dari tahun 2007 hingga 2015, hasil industri ini mencatatkan pertumbuhan 44.7% setahun daripada RM80 juta kepada RM1.5 bilion.

Pada tahun 2017, sebanyak 283 syarikat telah dianugerahkan Status BioNexus oleh Kerajaan berbanding hanya 38 syarikat pada tahun 2007, dengan 102 syarikat tersebut beroperasi Selangor. Status BioNexus diberikan kepada syarikat berkelayakan yang melaksanakan nilai tambah bioteknologi atau aktiviti sains hayat. Sebanyak 32% daripada jumlah keseluruhan pelaburan dalam industri bioteknologi pertanian di seluruh negara terletak di Selangor. Selain itu, 71% daripada jumlah hasil bioteknologi pertanian disumbangkan oleh Selangor.



CARTA 4.6

## PENGUASAAN PASARAN SYARIKAT MALAYSIA DALAM PEMBUATAN FARMASEUTIKAL, 2015



SYARIKAT PEMBUATAN	BAHAGIAN PASARAN
<b>pharmaniaga</b>	<b>12.4%</b>
<b>hovid</b>	<b>11.3%</b>
DUOPHARMA	<b>10.6%</b>
YSPSAH™	<b>10.5%</b>
KOTRA	<b>8.7%</b>
Apex Healthcare	<b>5.7%</b>

Industri peranti perubatan juga berkembang pesat di Asia Pasifik. Di Jepun, pasaran peranti perubatan ini dianggarkan bernilai USD32.9 bilion dan merupakan antara negara yang menguasai pasaran global disebabkan faktor populasi menua, perlindungan insurans kesihatan universal dan perundangan yang kukuh. Pada masa yang sama, pasaran di Malaysia, India, Australia dan Thailand berkembang dengan pantas kerana faktor pembangunan kelas pertengahan yang menyokong pembangunan sektor swasta, perundangan pembuatan peranti perubatan yang bertambah baik dan peningkatan pelancongan perubatan.

Di Malaysia, lebih 90% peralatan perubatan yang dikeluarkan dalam negara dieksport, dengan 50% daripadanya ke Amerika Syarikat, Jerman, Jepun dan China. Pada tahun 2020, eksport peralatan perubatan Malaysia mencatatkan pertumbuhan tahunan dua (2) digit sebanyak 25% dengan nilai RM30 bilion disebabkan peningkatan permintaan untuk topeng muka dan sarung tangan getah ketika pandemik COVID-19 melanda dunia. Bagaimanapun, kira-kira 50% daripada

eksport peranti perubatan Malaysia lebih banyak tertumpu kepada produk bernilai rendah sekali gus mewujudkan peluang untuk industri terus berkembang dan beralih ke rantaian nilai industri peranti perubatan yang lebih tinggi.

Melalui beberapa strategi yang digariskan dalam RS-1 peningkatan disasarkan terhadap nilai pelaburan baharu bioteknologi di Selangor kepada RM423 juta menjelang tahun 2023. Dalam tempoh yang sama, hasil industri bioteknologi negeri dijangka meningkat kepada RM712 juta berserta dengan tambahan 800 pekerjaan baharu dalam industri sains hayat di Selangor.

## 4.8.1 Isu dan cabaran

Kekurangan bakat berkemahiran adalah salah satu isu mendesak yang mempengaruhi sektor sains hayat. Selain daripada itu, kekurangan dana untuk R&D juga menjadikekangan kepada pembangunan sektor ini, seterusnya mengakibatkan kekurangan inovasi.

Kekurangan bakat dalam sektor ini menjadi lebih mendesak dengan penghijrahan keluar golongan mahir (*brain drain*) yang melanda sektor ini.

## 4.8.2 Strategi Utama

### Menggalakkan Pembangunan Sektor Baharu dan Sedang Membangun

Ketersediaan dana terus menjadi salah satu kebimbangan utama yang boleh menghalang pertumbuhan sektor ini. Justeru salah satu strategi utama yang akan digunakan oleh negeri Selangor adalah menyediakan akses kepada pembiayaan melalui pelaburan langsung atau melalui padanan pelaburan.

Program pemecut juga akan dijalankan untuk usahawan atau *start-ups* untuk mencipta produk berdaya maju minimum dan menjalin rangkaian dengan pelabur.

### Meningkatkan Daya Saing Negeri

Antara strategi lain adalah menyediakan insentif supaya R&D dapat dijalankan untuk bergerak ke rantaian nilai tinggi. Selain itu, insentif dan gaji yang kompetitif untuk pekerja mahir dalam sektor ini juga perlu diberi perhatian untuk menyelesaikan masalah kekurangan bakat mahir dalam industri.





## 4.8.3 Senarai Projek, Program dan Inisiatif

Terdapat lapan (8) PPI digariskan dalam RS-1. Sebagai contoh, penubuhan S-BIOCO di bawah Invest Selangor sebagai pelaksana Rancangan Bioteknologi Selangor.

JADUAL 4.8

Projek, Program dan Inisiatif Utama	Penerangan Ringkas
Penubuhan S-BIOCO	Pelaksana bagi Pelan Tindakan Bioteknologi Selangor 2021-2030
SELBIO Accelerate	Program Pecutan Biotech Selangor
Rangkaian Bioteknologi Dalam Talian dan Portal Promosi	Portal untuk tujuan promosi dan rangkaian dengan organisasi awam dan swasta
Program Pendanaan Bioteknologi Selangor (pemadanan dana)	Memudahkan syarikat bioteknologi dalam mendapatkan pendanaan awam dan swasta yang mencukupi
Latihan untuk memudah cara <i>University-Industry-Government</i> dan memperkasakan bakat	Program pembangunan profesional untuk mengukuhkan pengetahuan pekerja
Elaun Insentif Khas (SIA)	Elaun untuk pekerja berpengetahuan
Soft Landing Centre	Pusat perhubungan dengan pelanggan tempatan dan pihak berkepentingan untuk pelabur
Program kerjasama makmal dengan Institusi Pengajian Tinggi (IHL) dan Institusi Penyelidikan (RI)	Program khas kerjasama makmal
* SIBS (rujuk bahagian 4.3, Ekonomi Digital)	Invest Selangor menganjurkan Selangor International Business Summit (SIBS) secara tahunan sebagai platform pemasaran antarabangsa untuk pihak berkepentingan berkumpul dan menerokai pasaran ASEAN dan potensinya
* Insentif Kerajaan Selangor (SGI) (rujuk Bahagian 4.6, E&E dan M&E)	Insentif khusus negeri yang melibatkan deposit premium tanah, yuran taksiran dan lesen perniagaan

\*PPI Cross-Cutting

## 4.9 SEKTOR TUMPUAN 9

### AGROTEKNOLOGI

#### Pendahuluan

Sektor pertanian di Malaysia telah berkembang dengan pesat sejak beberapa tahun kebelakangan dan menyumbang RM101.6 bilion kepada KDNK negara pada tahun 2019 berbanding RM94 bilion pada tahun 2016. Bagaimanapun, seperti kebanyakan sektor lain, pertanian juga mencatatkan penyusutan kesan daripada pandemik COVID-19 apabila sumbangannya kepada KDNK pada tahun 2020 menyusut sebanyak 2.4% kepada RM99.1 bilion.

Keluasan tanah pertanian di Malaysia dianggarkan sekitar 5.5 juta hektar daripada 33 juta hektar jumlah keseluruhan keluasan tanah. Malaysia juga mampu mengeluarkan hasil pertanian secara berterusan kerana musim penanaman yang berterusan sepanjang tahun. Antara hasil pertanian utama di Malaysia termasuk ternakan dan tenusu, perikanan, bijirin dan produk tepung, koko dan gula, cili, buah-buahan, sayur-sayuran serta produk kelapa sawit.

Bagaimanapun, sektor pertanian negara mencatatkan pertumbuhan yang lebih perlahan antara tahun 2015 hingga 2020 dengan mencatatkan kadar CAGR 0.4%. Di samping itu, prestasi kesemua subsektor pertanian seperti getah, perhutanan dan pembalakan, perikanan dan kelapa sawit merosot disebabkan oleh pandemik COVID-19 pada tahun 2020. Walau bagaimanapun, industri pertanian dan makanan kekal berpotensi untuk menarik minat para pelabur disebabkan wujudnya aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D) dan insentif yang ditawarkan oleh

agensi kerajaan kepada para pelabur. Antara agensi yang terlibat dalam industri R&D sektor pertanian adalah Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB), Lembaga Koko Malaysia (LKM), Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) dan Institut Penyelidikan Perikanan (FRI).

Di samping itu, usaha untuk mengadaptasi penggunaan teknologi dalam pertanian telah bermula pada tahun 2017 dan berjaya memulakan industri agroteknologi. Beberapa pemain penting juga telah muncul dan melalui penjenamaan semula serta memperkenalkan amalan baharu dalam pertanian negara. Antaranya ialah penggunaan dron dan satelit, pertanian pintar, *Internet of Things* (IoT), *blockchain* dan data raya, bioteknologi serta teknologi pengeluaran dan inovasi.

Di Selangor, sektor pertanian berkembang pada kadar 3% setahun dari tahun 2015 hingga 2020 dan terus berkembang meskipun dalam keadaan berlakunya pandemik COVID-19. KDNK sektor pertanian Selangor mencatatkan peningkatan marginal kepada RM4.72 bilion pada tahun 2020, berbanding RM4.71 bilion pada tahun 2019. Selangor memberikan komitmen terhadap sektor pertanian khususnya agroteknologi melalui peruntukan khusus dalam Belanjawan Negeri Selangor 2021 termasuk inisiatif menghasilkan tanaman nilai tinggi melalui penggunaan IoT dan teknologi yang melibatkan peruntukan RM26.4 juta. Selangor Accelerator Programme juga menjurus ke arah pembangunan industri agroteknologi selari dengan aspirasi negara. Tambahan lagi, Pelan Transformasi Agro Selangor (PeTA) juga mensasarkan untuk meluaskan beberapa bidang utama sektor pertanian negeri. Ini termasuklah menggalakkan pertanian bernilai tinggi serta penggunaan teknologi moden dan mesra alam, membangunkan



rantaian bekalan makanan yang lengkap, pembangunan agropreneur dan merancakkan aktiviti agro pelancongan di Selangor.

RS-1 menggariskan beberapa strategi untuk menggalakkan industri agroteknologi di Selangor melalui penggunaan amalan pertanian baharu bagi menghasilkan produk pertanian bernalaitinggi, melahirkan lebih ramai usahawan berteknologi dan memperkuuh keupayaan PKS. Melalui inisiatif yang dirancang dalam RS-1, sumbangan KDNK oleh sektor pertanian disasarkan meningkat kepada RM6 bilion menjelang tahun 2026.

### 4.9.1 Isu dan Cabaran

Antara isu yang menjelaskan pertumbuhan sektor ini termasuklah ketersediaan tanah, penggunaan teknologi, ketersambungan internet dan ketersediaan teknologi penyelesaian.

Cabaran utama bagi sektor ini adalah ketidakpadanan antara apa yang boleh ditawarkan oleh industri agroteknologi (contoh: IoT) dan apa yang diharapkan oleh petani.

### 4.9.2 Strategi Utama

#### Memperkuuh Industri Teras Strategik

Selangor akan mengadaptasi segera penggunaan teknologi untuk meningkatkan produktiviti dan membuka ruang penciptaan nilai baharu dalam sektor pertanian dengan pengenalan dan penggunaan teknologi penyelesaian sedia ada seperti teknologi dron dan pengurusan ladang pintar.

#### Menggalakkan Pembangunan Sektor Baharu dan Sedang Membangun

Negeri Selangor akan meningkatkan keusahawanan digital dengan menggalakkan pembangunan teknologi penyelesaian tinggi berkaitan dengan sektor pertanian.

Di samping itu, Selangor akan membangunkan keupayaan untuk menghasilkan tanaman bernalaitinggi dengan memanfaatkan penggunaan teknologi untuk meningkatkan pulangan hasil pertanian.

#### Meningkatkan Daya Saing Negeri

Melalui strategi ini, Selangor akan mewujudkan ekosistem yang memudahkan operasi perniagaan dalam sektor agroteknologi dengan menambah baik kemudahan menjalankan perniagaan, menyediakan insentif khas dan membangunkan infrastruktur yang berkaitan untuk memastikan Selangor terus menjadi destinasi pilihan pelabur.

### 4.9.3 Senarai Projek, Program dan Inisiatif

Terdapat enam (6) PPI untuk sektor ini. Contoh inisiatif untuk meningkatkan hasil pertanian adalah Program Pemodenan Pertanian Selangor.

**JADUAL 4.9**

<b>Projek, Program dan Inisiatif Utama</b>	<b>Penerangan Ringkas</b>
Program Pemodenan Pertanian Selangor – Fasa 1	Menggalakkan amalan pertanian moden dengan memudahkan penggunaan teknologi penyelesaian tinggi yang sedia ada (dron, pengurusan pengairan) dalam kalangan petani yang menghasilkan tanaman utama Selangor (kelapa, ubi kayu, nenas, pisang dan tembikai)
Program Pemodenan Pertanian Selangor – Fasa 2	Mempromosikan amalan pemodenan pertanian dengan memudahkan penerimaan teknologi penyelesaian canggih
Program Pertanian Berkualiti Tinggi Selangor	Membangunkan keupayaan gantian import dengan adaptasi teknologi penyelesaian dan meningkatkan pengeluaran tanaman bernilai tinggi di Selangor
Taman Agro Smart Selangor & Ladang Agro Smart Selangor	Penubuhan taman agro dan ladang agro untuk promosikan pelbagai aktiviti pertanian, yang terdiri daripada aktiviti R&D sehingga aktiviti latihan dan pembangunan kapasiti dalam memperkenalkan tanaman baharu dalam kalangan petani
Program Selangor Agri-Tech Accelerator	Program ini bertujuan mempromosikan dan memudahkan keusahawanan digital di Selangor dengan menyokong pembangunan teknologi penyelesaian pertanian baharu
Pembangunan infrastruktur digital dan ketersambungan	Pembangunan infrastruktur digital dan ketersambungan di lokasi pertanian utama untuk memastikan ketersediaan liputan internet yang menjadi kunci kepada penerimaan teknologi penyelesaian pertanian
* Insentif Kerajaan Selangor (SGI) (rujuk Bahagian 4.6, E&E dan M&E)	Insentif khusus negeri yang melibatkan deposit premium tanah, taksiran dan yuran lesen perniagaan

\*PPI Cross-Cutting



RS-1 MENSASARKAN  
PENINGKATAN  
SUMBANGAN KDNK  
DALAM SEKTOR  
PERTANIAN SEBANYAK  
**RM6 BILION**  
MENJELANG 2026



## 4.10 SEKTOR TUMPUAN 10

### PEMBANGUNAN BERASASKAN GEOGRAFI

#### PEMACU PERUBAHAN 5



#### WILAYAH PEMBANGUNAN BERSEPADU DI SELANGOR SELATAN

##### OBJEKTIF

Wilayah Pembangunan Bersepadu di Selangor Selatan (IDRISS) merupakan pembangunan pelaburan swasta bersepadu di daerah Sepang dan Kuala Langat, didorong dan dilengkapi dengan kemudahan oleh pihak Kerajaan Negeri dan disokong dengan insentif negeri dan Persekutuan

##### SOROTAN UTAMA

- Projek IDRISS merangkumi jumlah keluasan 40,000 ekar dan dengan anggaran Nilai Pembangunan Kasar (GDV) sebanyak RM 1 trillion
- Penubuhan jawatankuasa pasukan petugas bertindak sebagai fasilitator serta penyelaras untuk pelaksanaan projek-projek yang telah dikenal pasti dan juga penyelesaian isu serta bertanggungjawab untuk perkara-perkara berikut:
  - Menggalakkan aktiviti pembangunan dan pelaburan berimpak dan bernilai tinggi di daerah Sepang dan Kuala Langat
  - Membantu dan menyelaras ke arah penyelesaian isu-isu yang timbul, sekaligus merealisasikan cadangan pembangunan
  - Memastikan proses pembangunan dilaksanakan secara mampan dengan memberi tumpuan kepada penjagaan alam semula jadi
  - Memantau pelaksanaan cadangan pembangunan projek dan memastikan kebajikan penduduk dan kawasan sekitarnya kekal terpelihara
  - Menyelaras penyediaan laporan prestasi kemajuan projek

##### JANGKA MASA

Sedang dijalankan

##### HASIL

Pembangunan ekonomi di daerah Sepang dan Kuala Langat dengan nilai GDV berjumlah RM 1 trillion



## PEMACU PERUBAHAN 6

### KAWASAN PEMBANGUNAN SABAK BERNAM



#### SELAT MELAKA

<b>OBJETIF</b>	Kawasan Pembangunan Sabak Bernam (SABDA) ini bertujuan untuk merangsang pertumbuhan ekonomi di daerah ini melalui 5 aktiviti teras
----------------	--

<b>SOROTAN UTAMA</b>	<p>Lima (5) aktiviti teras termasuk:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Menambah komoditi bernilai tinggi dan meningkatkan tahap produktiviti dengan penggunaan teknologi pertanian terkini</li> <li>Membangunkan pertumbuhan rantaian industri serta mencipta peluang pekerjaan dan pasaran</li> <li>Membangunkan produk pelancongan yang berkaitan dengan Agropelancongan dan Ekopelancongan</li> <li>Menarik perhatian pelaburan baharu untuk membangunkan aktiviti perindustrian hilir</li> <li>Membangunkan infrastruktur dan kemudahan awam</li> </ul>
----------------------	--


<b>JANGKA MASA</b>	Sedang dijalankan
--------------------	-------------------

<b>HASIL</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Unjuran hasil kira-kira RM 248 juta setahun daripada aktiviti teras ekonomi</li> <li>Mewujudkan kira-kira 3,600 pekerjaan melalui pengambilan di dalam aktiviti teras ekonomi</li> </ul>
--------------	---

## PEMACU PERUBAHAN 7



### ZON PEMBANGUNAN EKONOMI SELANGOR MARITIME GATEWAY (ZPE SMG)



**OBJEKTIF** Zon Pembangunan Ekonomi Selangor Maritime Gateway (ZPE SMG) merupakan koridor pembangunan ekonomi baharu bagi Selangor yang akan meliputi kawasan seluas 27,960 hektar di sekitar Sungai Klang.

**SOROTAN UTAMA** Dua zon pembangunan utama yang telah dikenal pasti dalam ZPE SMG bermula dari hulu ke hilir sungai dan termasuk pulau-pulau di sekitarnya:

- Zon Pembangunan Ekonomi kira-kira 22,780 hektar yang telah diiktiraf dalam Rancangan Tempatan MPK 2035
- Zon Pembangunan Ekonomi merangkumi 3 Majlis Bandaraya iaitu MBSA, MBSJ dan MBPJ dengan keluasan lebih kurang 5,180 hektar

Anggaran jumlah pelaburan RM 2.2 bilion untuk pembangunan ZPE SMG merentasi kawasan seluas 27,960 hektar

**JANGKA MASA** 2022 - 2024

**HASIL**

- Menjelang 2023
  - Penubuhan Pelan Induk ZPE SMG
  - Pelaksanaan Projek Pengurusan Sumber Air Bersepadu (IWRM)
  - Pembangunan 50% daripada jumlah keseluruhan unit rumah mampu milik di atas tanah seluas 234 ekar

Menjelang 2024

- Pelancaran Pembangunan Riverfront di Seksyen 24, Shah Alam



SELANGOR  
MERUPAKAN  
PENYUMBANG  
TERBESAR KEPADA  
KELUARAN DALAM  
NEGARA KASAR  
(KDNK) MALAYSIA  
DENGAN **24.3%**  
ATAU BERSAMAAN  
**RM326.8 BILION**  
PADA TAHUN 2020






---

05

---



---

## TS-2 PENINGKATAN KESEJAHTERAAN DAN KETERANGKUMAN SOSIAL

TS-2

## PENINGKATAN KESEJAHTERAAN DAN KETERANGKUMAN SOSIAL

Keterangkuman sosial dan kesejahteraan rakyat antara aspek yang paling penting dalam pembangunan negeri kerana ia mempunyai kesan langsung kepada rakyat. Kerajaan Negeri Selangor sentiasa berusaha untuk memastikan pembangunan ekonomi adalah selari dengan peningkatan kesejahteraan rakyat serta bersifat inklusif untuk memberi manfaat kepada semua lapisan masyarakat. Kerajaan Negeri Selangor telah melancarkan pelbagai inisiatif berjiwa rakyat terutamanya semasa pandemik untuk memastikan kesejahteraan rakyat sentiasa diberi perhatian terutamanya bagi golongan rentan.

Enam (6) bidang tumpuan telah dikenal pasti berdasarkan kajian yang terperinci terhadap pelbagai indeks kesejahteraan di Malaysia dan peringkat global untuk mengenal pasti faktor-faktor utama yang memberi impak kepada kesejahteraan rakyat. Sebanyak 21 strategi utama telah dikenal pasti dengan 72 program, projek dan inisiatif (PPI) untuk mencapai hasil yang disasarkan bagi memartabatkan kesejahteraan rakyat dan merealisasikan negeri Selangor sebagai sebuah negeri yang inklusif dan sejahtera (Carta 5.1).

CARTA 5.1

### Tema Strategi 2: Peningkatan Kesejahteraan dan Keterangkuman Sosial

6 Bidang Tumpuan, 21 Strategi Utama, 72 Projek, Program dan Inisiatif

Penjanaan Pendapatan dan Kebajikan Sosial	Tumpuan Khas Kepada Kumpulan Sasar	Wanita, Keluarga dan Masyarakat	Perumahan Mampu Milik	Kesihatan Awam	Pendidikan
<p>S1: Mendayaupayakan sektor keusahawanan bagi meningkatkan taraf hidup</p> <p>S2: Meningkatkan kemahiran untuk kebolehpasaran</p> <p>S3: Memperkasakan sokongan kebijakan sosial yang disasarkan kepada kumpulan rentan</p> <p>S4: Meningkatkan penyampaian dan penilaian hasil untuk program kebijakan sosial</p>	<p>S5: Memacu pembangunan belia di negeri Selangor</p> <p>S6: Melaksanakan persediaan menangani isu negeri berpopulasi tua</p> <p>S7: Menjadikan Selangor mesra Orang Kelainan Upaya (OKU)</p>	<p>S8: Memperkasa wanita dalam sektor pekerjaan serta kesamarataan jantina di negeri Selangor</p> <p>S9: Peningkatkan akses kepada pendidikan awal dan pendidikan keperluan khas</p> <p>S10: Memperkuuh nilai teras kekeluargaan</p> <p>S11: Menjadikan Selangor negeri selamat</p>	<p>S12: Meneroka model baharu untuk perumahan mampu milik</p> <p>S13: Memperluas program penyewaan dan pembaikan rumah</p>	<p>S14: Melengkapi perkhidmatan kesihatan untuk mencapai akses sama rata</p> <p>S15: Memperkuuh advokasi untuk Pencegahan dan pengesahan awal penyakit</p> <p>S16: Melaksanakan Pengurusan pandemik bertaraf dunia</p> <p>S17: Membendung isu kesihatan yang semakin meningkat</p> <p>S18: Melaksanakan pendigitalan program penjagaan kesihatan</p>	<p>S19: Memastikan akses pendidikan sama rata untuk semua</p> <p>S20: Memperluas pendidikan tambahan untuk meningkatkan prestasi pelajar</p> <p>S21: Memastikan landskap pendidikan tinggi sejarah dengan permintaan tenaga kerja dalam industri</p>



## 5.1 BIDANG TUMPUAN 1

# PENJANAAN PENDAPATAN DAN KEBAJIKAN SOSIAL

### Pendahuluan

Penjanaan pendapatan dan kebajikan sosial tertumpu kepada pendapatan isi rumah, kemiskinan dan pengangguran merentas semua kumpulan demografi di negeri ini. Mengurangkan kadar kemiskinan, sama ada luar bandar, bandar serta kemiskinan mutlak dan relatif, adalah kunci aspirasi untuk negeri Selangor dalam tempoh lima (5) tahun akan datang. Walaupun strategi penjanaan pendapatan memainkan peranan utama dalam membantu isi rumah keluar daripada garis kemiskinan, kebajikan sosial juga penting untuk menangani cabaran bagi kumpulan yang rentan untuk meneruskan kehidupan.

### 5.1.1 Isu dan Cabaran

Negeri Selangor merupakan negeri ketiga tertinggi dari segi pendapatan isi rumah di Malaysia dan mempunyai kadar pengangguran yang lebih rendah berbanding kadar purata negara. Walau bagaimanapun, terdapat jurang pendapatan yang ketara di antara daerah di negeri Selangor, dengan dua daerah diletakkan di bawah paras pendapatan isi rumah penengah negara (Carta 5.2). Selain itu, kadar pengangguran turut meningkat dengan jumlah 52,800 penganggur ketika wabak COVID-19.


Negeri Selangor menduduki tempat ketiga terendah di dalam negara bagi kemiskinan mutlak dan kedudukan ketiga tertinggi kemiskinan relatif (Carta 5.3).

Negeri Selangor juga mencatatkan Indeks Harga Pengguna (CPI) yang kedua tertinggi di Malaysia pada tahun 2020 serta mencatatkan kadar inflasi ketiga tertinggi pada tahun 2019. Ini menunjukkan kos sara hidup yang tinggi dan kian meningkat di Selangor. Kadar perbelanjaan isi rumah juga meningkat dengan lebih ketara jika dibandingkan dengan kadar pertumbuhan pendapatan isi rumah.

Mengukur tahap kesejahteraan rakyat di negeri yang mempunyai kadar perbandaran dan pemodenan tinggi seperti negeri Selangor merupakan satu cabaran kerana penunjuk kesejahteraan sedia ada tidak dibuat pemukuran di peringkat daerah. Selain itu, penunjuk kemiskinan peringkat negeri sedia ada seperti kemiskinan mutlak dan relatif serta indeks kemiskinan pelbagai dimensi hanya memberi daya ukur asas seperti pendapatan dan tidak merangkumi semua isu yang memberi kesan kepada kesejahteraan di dalam sebuah negeri yang mempunyai kadar perbandaran yang tinggi.





Pekali Gini (2016-2020)



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

**CARTA 5.2****PENDAPATAN ISI RUMAH PENENGAH DAN PURATA MENGIKUT DAERAH DI SELANGOR**

(Definisi: Pendapatan isi rumah B40 di bawah RM4,850; pendapatan isi rumah M40 di antara RM4,850-RM10,959; pendapatan isi rumah T20 melebihi RM10,960)

**Purata Pendapatan Isi Rumah Kasar Bulanan (2016, 2019), RM****Penengah Pendapatan Isi Rumah Kasar Bulanan (2016, 2019), RM**

■ 2016 ■ 2019

● CAGR Tertinggi

● CAGR Terendah

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

**5.1.2 Strategi Utama****STRATEGI 1: Mendayaupayakan sektor keusahawanan bagi meningkatkan taraf hidup**

Strategi ini memberi tumpuan untuk meningkatkan tahap pendapatan isi rumah dan pembasmian kemiskinan melalui program bantuan keusahawanan. Contohnya, Skim Hijrah Selangor yang menawarkan pelbagai skim pembiayaan mikro antara RM1,000 hingga RM50,000 dengan pembayaran balik dalam tempoh 6 bulan hingga 3 tahun.

**STRATEGI 2: Peningkatan kemahiran untuk meningkatkan kebolehpasaran**

Strategi ini tertumpu kepada program peningkatan kemahiran untuk mendapatkan pekerjaan yang bernilai tinggi sekali gus berupaya meningkatkan pendapatan isi rumah, melalui program seperti kemahiran teknikal dan latihan vokasional serta peningkatan kemahiran profesional melalui pensijilan dan kursus profesional.




## CARTA 5.3

## INSIDEN KEMISKINAN MUTLAK DAN RELATIF DI MALAYSIA


## Insiden Kemiskinan MUTLAK (%)

Pendapatan isi rumah kurang daripada pendapatan garis kemiskinan (PLI)  
Nasional PLI : RM2,208



## Insiden Kemiskinan RELATIF (%)

Pendapatan isi rumah kurang daripada pendapatan garis kemiskinan (PLI)  
Nasional PLI : RM2,208



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

### STRATEGI 3: Memperkasakan sokongan kebijakan sosial yang disasarkan kepada kumpulan rentan

Isi rumah yang hidup dalam kemiskinan akan dibantu melalui program kebijakan sosial dan program bantuan sebagai penyelesaian jangka pendek.

### STRATEGI 4: Meningkatkan penyampaian dan penilaian hasil untuk program kebijakan sosial

Pemantauan untuk semua program kebijakan sosial yang dibiayai oleh Kerajaan Negeri Selangor akan dilaksanakan untuk memastikan keberkesanan dalam penyampaian dan mencapai hasil yang disasarkan. Dalam pada masa yang sama, indeks kesejahteraan baharu akan dibangunkan untuk mengukur secara menyeluruh kesejahteraan rakyat pada tahap yang lebih terperinci dengan petunjuk yang lebih tepat untuk mengenal pasti kekurangan yang dihadapi di dalam bandar.





### 5.1.3 Senarai Projek, Program dan Inisiatif

Daripada tiga belas (13) projek, program dan inisiatif yang digarisikan dalam bidang tumpuan, projek pemacu perubahan adalah Iltizam Selangor Penyayang; sebuah program kebajikan sosial mega yang berinspirasi untuk memperkasakan rakyat dalam meningkatkan kesejahteraan serta meningkatkan '*social safety net*' selaras dengan Matlamat Pembangunan Lestari (SDG).

JADUAL 5.1

Projek, Program dan Inisiatif Utama	Penerangan Ringkas
Iltizam Selangor Penyayang	Iltizam Selangor Penyayang yang berpaksikan kepedulian, penyayang dan kesejahteraan rakyat yang lebih luas bertujuan untuk membantu kebajikan rakyat. Antara program di bawah Iltizam Selangor Penyayang adalah Bantuan Kehidupan Sejahtera Selangor (BINGKAS), Iltizam Sihat Selangor dan Program Selangor Sarng. Kesemua program ini adalah hasil daripada penambahbaikan dan kesinambungan program-program sedia ada untuk memberi lebih banyak manfaat kepada rakyat
Skim Hijrah Selangor	Menyediakan skim pinjaman mikro bernilai RM1,000 - RM50,000 untuk membantu usahawan mikro
Dana Usahawan Mikro Selangor	Menyediakan geran bernilai sehingga RM30,000 dalam bentuk peralatan kepada usahawan Selangor
Indeks Kesejahteraan yang baharu bagi negeri Selangor	Indeks Kesejahteraan yang baharu di peringkat daerah/PBT untuk menyokong penetapan keputusan dan pemantauan impak
Putus Wanita Berdaya (PWB)	Menyediakan latihan pemerksaan wanita dan program mempertingkatkan kemahiran di 56 PWB di seluruh negeri Selangor
Program Blueprint Pembasmian Kemiskinan Skim Geran Mikro	Menyediakan geran mikro bernilai RM10,000 dalam bentuk peralatan kepada usahawan mikro
Pembangunan Dan Pemerksaan India Selangor (I-SEED)	Menyediakan geran dalam bentuk peralatan dan menyediakan latihan untuk usahawan mikro India
Selangor Freelance (Platform pemandanan kerja)	Memudahkan pemandanan pekerjaan bebas di Selangor melalui platform atas talian
Insentif dan galakan untuk pensijilan profesional	Menyediakan bantuan yuran untuk mendapatkan pensijilan profesional bagi meningkatkan kemahiran dan kebolehpasaran
Skim Mesra Usia Emas (SMUE)	Menyediakan bantuan tunai RM100 dalam bentuk baucar sekali setahun untuk warga emas dan bantuan tunai <i>one-off</i> untuk menyokong keluarga yang kematian warga emas
Program bantuan pusat kebajikan	Menyediakan bantuan kewangan dan bekerjasama dengan NGO untuk meningkatkan kesejahteraan OKU, anak yatim dan warga emas di rumah kebajikan
Menyediakan rangka kerja pemantauan untuk semua program kebajikan	Membina pangkalan data pusat, sasaran berdasarkan hasil, penilaian impak tahunan untuk semua projek kebajikan yang dibiayai oleh Kerajaan Negeri Selangor
Meningkatkan promosi dan kerjasama bersama pihak NGO untuk pelaksanaan program kebajikan sosial	Menambah capaian dan bilangan mereka yang dibantu melalui program kebajikan sosial dengan kerjasama NGO dan kampen promosi

**Jelajah Selangor Penyayang  
Kehidupan Bermartabat**

Hulu Langat  
Padang Taman Kosas Ampang

19 Jun 2022  
Ahad  
8 pagi

## PEMACU PERUBAHAN 8

### ILTIZAM SELANGOR PENYAYANG

**OBJEKTIF** Sebuah program kebajikan sosial mega yang mempunyai aspirasi untuk memperkasakan rakyat dalam meningkatkan kesejahteraan serta jaringan keselamatan sosial selaras dengan Matlamat Pembangunan Lestari (SDG)

**SOROTAN UTAMA** Meliputi 44 program sosial yang diperkenalkan oleh Kerajaan Negeri Selangor seperti kebajikan sosial, geran dan bantuan kewangan kepada usahawan mikro, insentif dan skim kesihatan, skim rumah mampu milik, program pendidikan dan pelbagai program bantuan lain

Antara inisiatif program ini termasuklah:

- Bantuan Kehidupan Sejahtera Selangor (BINGKAS) yang menyediakan bantuan tunai RM300 melalui e-wallet bagi mengurangkan beban perbelanjaan sara hidup
- Iltizam Selangor Sihat yang menyediakan kemudahan insuran kesihatan bagi keluarga yang berpendapatan rendah
- Skim Hijrah Selangor bagi membantu usahawan mikro dengan pembiayaan bermula daripada RM1,000 sehingga RM50,000
- Program Tuisyen Rakyat Selangor yang menyediakan kelas tambahan secara percuma kepada pelajar tingkatan 5 sebagai persediaan menghadapi peperiksaan SPM
- Skim Rumah Selangorku dan Skim Smart Sewa yang menyediakan rumah mampu milik kepada rakyat

**JANGKA MASA** Sedang berjalan

**HASIL** Meningkatkan kesejahteraan rakyat, meningkatkan pendapatan isi rumah, mengurangkan beban kos sara hidup dan membantu mengurangkan kemiskinan



## BANTUAN KEHIDUPAN SEJAHTERA SELANGOR (BINGKAS)

Program bantuan kewangan bertujuan untuk mengurangkan kos sara hidup dan meningkatkan kesejahteraan keluarga yang berpendapatan rendah. Bantuan sebanyak RM300 sebulan akan dibayar terus melalui aplikasi e-wallet kepada isi rumah yang layak bagi membeli barang asas daripada peniaga yang berdaftar. Inisiatif yang sedang berjalan ini menyasarkan 30,000 penerima pada tahun 2022.

## 5.2 BIDANG TUMPUAN 2

# TUMPUAN KHAS KEPADA KUMPULAN SASAR

### Pendahuluan

Kerajaan Negeri Selangor melalui RS-1 menyasarkan untuk memastikan kesejahteraan seluruh rakyat. Bidang Tumpuan 2 memberi fokus khas pada tiga (3) kumpulan sasaran iaitu Belia, Warga Emas dan Orang Kurang Upaya (OKU).

### 5.2.1 Isu dan Cabaran

Tumpuan khusus akan diberikan kepada kumpulan sasaran bagi menilai dan meningkatkan kesejahteraan belia, warga emas dan Orang Kurang Upaya (OKU). Negeri Selangor kini sedang berada dalam fasa peralihan kepada populasi yang semakin berumur dan diunjurkan menjadi negeri *super-aged* menjelang tahun 2040. Menurut Bank Dunia, negeri *super-aged* dikategorikan apabila sekurang-kurangnya 20% daripada populasi terdiri daripada warga emas yang berumur 65 tahun dan ke atas. Oleh itu, isu-isu yang melibatkan warga emas seperti kesihatan fizikal dan

mental serta pendapatan rendah dijangka memberi kesan kepada perbelanjaan awam, kebijakan sosial dan sistem kesihatan.

Peratusan populasi belia di negeri Selangor telah menurun daripada 29% (2015) kepada 25% (2020) manakala bilangan penduduk di negeri Selangor berumur 65 tahun ke atas telah meningkat pada kadar 5.8% setahun dalam tempoh enam (6) tahun terakhir (Carta 5.4).

Golongan belia di Selangor mempunyai tahap kesejahteraan yang rendah, berdasarkan Indeks Belia Malaysia, yang menunjukkan skor negeri Selangor secara konsisten berada antara kedudukan terendah di Malaysia. Indeks ini mengukur kesejahteraan belia merentasi beberapa bidang seperti ekonomi, pendidikan, kesihatan dan lain-lain. Pengangguran dan pekerjaan yang tidak setimpal dengan kelayakan adalah antara punca utama ketidakpuashatian dalam kalangan belia di Malaysia.


Negeri Selangor mempunyai visi untuk menjadi negeri yang mesra OKU. Sehingga kini, seramai hampir 90,000 OKU yang berdaftar di negeri Selangor. OKU dan anak yatim berumur 18 tahun ke atas didapati antara golongan yang paling kurang mendapat sokongan dan paling rentan selepas mereka meninggalkan rumah kebijakan.

CARTA 5.4

### POPULASI BERUMUR 65 TAHUN DAN KE ATAS DI SELANGOR

#### Populasi Berumur 65 tahun dan ke atas ('000)

% daripada keseluruhan populasi



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

*Selangor  
diunjurkan menjadi  
negeri *super-aged*  
menjelang  
2040*



## 5.2.2 Strategi Utama

### STRATEGI 5: Memacu pembangunan belia di Negeri Selangor

Tumpuan diberikan kepada peningkatan tahap kesejahteraan belia merentasi sepuluh (10) domain utama yang telah dikenal pasti dalam Dasar Belia Selangor 2020 (DBS 2020) yang bertujuan untuk menghasilkan generasi belia Selangor yang progresif, berdaya saing dan mampan selaras dengan slogan "Maju Bersama". Selain itu, tumpuan juga diberikan kepada penambahbaikan kebolehpasaran belia untuk menangani isu pengangguran.

### STRATEGI 6: Persediaan menangani isu negeri berpopulasi tua

Strategi ini menekankan peralihan Selangor kepada masyarakat yang semakin berumur dan persediaan untuk menangani cabaran utama warga emas termasuk kesihatan fizikal, pendapatan rendah dan kesejahteraan sejagat.

### STRATEGI 7: Menjadikan Negeri Selangor mesra OKU

Strategi ini tertumpu kepada meningkatkan kesejahteraan dan menyediakan peluang penjanaan pendapatan untuk Orang Kurang Upaya (OKU).

#### JADUAL 5.2

Projek, Program dan Inisiatif Utama	Penerangan Ringkas
Program Kecemerlangan Belia Selangor	Meningkatkan kebolehpasaran belia melalui program pementoran, Bahasa Inggeris dan 'soft skills'
Pelaksanaan Dasar Belia Selangor	Melaksanakan pelbagai program di bawah DBS 2020 untuk meningkatkan kesejahteraan belia Selangor dari segi sukan, mental, kesihatan dll
Penggerak Belia Selangor (PeBS)	Program pembangunan belia yang dijalankan oleh sukarelawan di setiap DUN untuk memupuk penyertaan dan kesejahteraan belia
Program Sukarela Komuniti Belia Selangor	Program pemerkasaan belia untuk meningkatkan kesejahteraan dan kemahiran belia
Selangor Kerjaya (Platform Pemadanan Kerja)	Memudahkan pengambilan pekerja melalui pemadanan kerja dan platform latihan
Jelajah Selangor Bekerja	Memudahkan pengambilan pekerja melalui ekspo kerjaya yang melibatkan majikan dan pekerja

## 5.2.3 Senarai Projek, Program dan Inisiatif

Untuk melaksanakan bidang tumpuan ini, dua belas (12) program dan inisiatif telah digariskan, dengan Platform Pekerjaan Warga Emas Selangor sebagai projek pemacu perubahan. Platform padanan pekerjaan akan disediakan bagi mewujudkan peluang pekerjaan yang bersesuaian untuk warga emas. Platform ini akan membantu dalam pemadanan pekerjaan dengan waktu fleksibel dan sesuai dengan keupayaan warga emas seperti bidang perkeranian, penjagaan kanak-kanak, memasak dan mengajar.

Projek, Program dan Inisiatif Utama	Penerangan Ringkas
Platform Pekerjaan Warga Emas Selangor	Menubuhkan platform pemadanan kerjaya yang memberi tumpuan kepada kerjaya dan perkhidmatan yang bersesuaian dengan warga emas, untuk menyediakan peluang pendapatan dan kesejahteraan dapat dipertingkatkan
Program Penuaan Aktif Selangor	Menggalakkan penglibatan aktif warga emas di negeri Selangor melalui pelbagai program pemeriksaan kesihatan, kempen advokasi, program komuniti untuk warga emas dan perancangan kewangan bagi golongan bekerja
Membina fasiliti persaraan dan menyediakan latihan penjaga untuk warga emas	Menambah bilangan penjaga dengan menyediakan latihan khusus untuk penjagaan warga emas dan menggalakkan pembinaan kampung persaraan yang boleh menampung keperluan warga emas
Pelaksanaan Dasar Mesra OKU	Melaksanakan pelbagai program untuk menjadikan negeri Selangor mesra OKU
SAY LEAD	Memperkasa OKU supaya mereka boleh menjana pendapatan sendiri
Pengembangan Bengkel Terlindung dan Pusat Pembelajaran Berdikari (ILC)	Memperkasa OKU untuk berdikari dari segi kewangan melalui pengembangan bengkel terlindung dan pusat pembelajaran berdikari yang menyediakan peluang pekerjaan, pemerkasaan dan latihan kemahiran

## PEMACU PERUBAHAN 9



### PLATFORM PEKERJAAN WARGA EMAS SELANGOR (SSWP)

<b>OBJKTIF</b>	Pembangunan platform pekerjaan untuk warga emas di Selangor dengan pusat sokongan fizikal
<b>SOROTAN UTAMA</b>	<p>Platform Pekerjaan Digital:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Pekerjaan yang bersesuaian kepada warga emas boleh diiklankan oleh peniaga dan komuniti</li> <li>Warga emas boleh memohon pekerjaan menggunakan platform atau menghubungi pengiklan sendiri, atau juga melawat sendiri pusat perkhidmatan secara fizikal untuk mendapatkan bantuan akses kepada platform</li> <li>Jenis pekerjaan yang disasarkan: <ul style="list-style-type: none"> <li>Profesional: Guru tuisyen, guru Al-Quran, penasihat, pembaca pruf dan lain-lain</li> <li>Bukan profesional: Menjaga kanak-kanak, menjemput dari sekolah, sokongan bayi baru lahir, menjaga kedai dan sebagainya</li> </ul> </li> </ul> <p>Pusat Fizikal Warga Emas untuk Mendapatkan Pekerjaan:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Pusat Aktiviti Warga Emas, Pusat Wanita Berdaya dan pusat keagamaan akan dikenalpasti di setiap PBT untuk berfungsi sebagai pusat di mana warga emas boleh mendapatkan bantuan serta akses kepada platform pekerjaan</li> </ul>
<b>JANGKA MASA</b>	Tarikh mula 2023
<b>HASIL</b>	Meningkatkan tahap pendapatan dan kesejahteraan warga emas



## 5.3 BIDANG TUMPUAN 3

### WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

#### Pendahuluan

Keluarga merupakan institusi utama bagi pembentukan sesebuah masyarakat dan negara secara keseluruhannya. Cabaran untuk menangani isu yang memberi kesan kepada wanita, keluarga dan masyarakat adalah penting untuk mencegah isu sosial serta membentuk generasi masa depan negeri Selangor. Di bawah bidang tumpuan ini terdapat empat (4) strategi dengan matlamat yang disasarkan untuk meningkatkan kesejahteraan keluarga, meningkatkan penyertaan wanita dalam tenaga buruh, menangani jurang dalam pendidikan awal kanak-kanak, perkhidmatan penjagaan kanak-kanak dan meningkatkan keselamatan awam.

#### 5.3.1 Isu dan Cabaran

Kadar penyertaan tenaga buruh wanita di negeri Selangor adalah yang kedua tertinggi di Malaysia, pada kadar 69.6% dengan potensi untuk menjadi antara


yang tertinggi di peringkat global (Carta 5.5). Namun, isu berkaitan penjagaan anak kekal menjadi cabaran utama yang dihadapi oleh wanita bekerja dengan kebimbangan utama tentang keselamatan dan kualiti, lokasi dan kemampuan. Kadar kemasukan prasekolah di Malaysia masih di bawah sasaran kemasukan global iaitu lebih daripada 95%.

Bagi pendidikan berkeperluan khas pula, kemasukan ke Program Intervensi Awal telah meningkat dalam beberapa tahun kebelakangan ini. Walau bagaimanapun, masih terdapat kebimbangan utama seperti kekurangan tenaga pengajar dan kekurangan dana untuk program intervensi awal.


Negeri Selangor berada pada kedudukan kelima terendah dalam Indeks Kesejahteraan Keluarga dengan lima (5) daripada lapan (8) domain mendapat markah di bawah purata kebangsaan.

Bagi indeks jenayah pula, negeri Selangor mencatatkan kadar indeks jenayah kedua tertinggi bagi setiap 100,000 penduduk di Malaysia pada tahun 2019, dengan kes kecurian harta benda menyumbang 78% daripada jumlah jenayah yang dilaporkan.

CARTA 5.5 KADAR PENGLIBATAN TENAGA BURUH WANITA, 2019 (%)



KADAR PENGLIBATAN TENAGA BURUH WANITA, SELANGOR (%)



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

## 5.3.2 Strategi Utama

### STRATEGI 8: Pemerkasaan wanita dalam sektor pekerjaan serta kesamarataan jantina di Negeri Selangor

Strategi pertama tertumpu kepada penyediaan sokongan yang diperlukan oleh wanita bekerja iaitu pusat jagaan kanak-kanak yang selamat, boleh dipercayai dan terletak di kawasan strategik untuk meningkatkan kesejahteraan wanita bekerja dan meningkatkan penyertaan tenaga buruh wanita. Selain itu, negeri Selangor juga berhasrat untuk menjadi negeri yang mengamalkan kesamarataan jantina seperti yang digariskan dalam Dasar Wanita Selangor.

### STRATEGI 9: Peningkatan akses kepada pendidikan awal dan pendidikan keperluan khas

Strategi ini memberi perhatian terhadap peningkatan akses kepada pendidikan awal kanak-kanak terutamanya bagi keluarga berpendapatan rendah. Insentif akan diberikan untuk meningkatkan bilangan guru keperluan khas, pengasuh kanak-kanak dan pusat jagaan kanak-kanak bagi memenuhi keperluan masyarakat di kawasan yang kurang mendapat tumpuan.

### STRATEGI 10: Memperkuuh nilai teras kekeluargaan

Usaha mempertingkatkan hubungan kekeluargaan dan kesejahteraan akan dipergiat secara langsung. Ini akan menyumbang kepada kesejahteraan umum dan mengurangkan isu sosial di negeri Selangor. Negeri Selangor telah mencapai kadar penyertaan tenaga buruh wanita tertinggi menunjukkan bahawa majoriti keluarga di Negeri Selangor mempunyai kedua-dua ibu bapa bekerja dan ini boleh menjelaskan kesejahteraan keluarga terutamanya jika tiada sistem sokongan keluarga yang baik. Untuk menangani kesejahteraan keluarga, Kerajaan Negeri Selangor akan memberi

tumpuan kepada program advokasi untuk menggalakkan majikan sektor awam dan swasta menyediakan waktu kerja yang lebih fleksibel seperti bekerja dari rumah dan bekerja hibrid<sup>1</sup> untuk profesion yang sesuai.

### STRATEGI 11: Menjadikan Selangor selamat

Negeri Selangor merancang untuk meningkatkan keselamatan di kawasan bandar melalui peningkatan pengawasan jenayah menggunakan teknologi pintar dan menjalankan kempen kesedaran pencegahan jenayah.



<sup>1</sup> Bekerja Hibrid, model kerja yang menggabungkan pejabat dan kerja jarak jauh



### 5.3.3 Senarai Projek, Program dan Inisiatif

Bidang tumpuan ini mempunyai sepuluh (10) program dan inisiatif untuk merealisasikan strategi dan pencapaian hasil.

JADUAL 5.3

Projek, Program dan Inisiatif Utama	Penerangan Ringkas
Memastikan perkhidmatan penjagaan kanak-kanak dan sokongan yang selamat dan boleh dipercayai	Melaksanakan pelbagai inisiatif untuk memudahkan pendaftaran penjagaan kanak-kanak, latihan pengasuh kanak-kanak, meningkatkan tahap keselamatan pusat jagaan kanak-kanak dan perkhidmatan sokongan seperti pengangkutan sekolah, pengasuh dan pusat transit
Melaksanakan program & inisiatif Dasar Wanita Selangor	Melaksanakan program di bawah Dasar Wanita Selangor untuk memperkasa dan meningkatkan tahap kesejahteraan wanita
Kursus Intensif Perkembangan Kanak-Kanak (KIPK)	Menambah bilangan penjaga kanak-kanak terlatih secara rasmi di negeri Selangor melalui kursus penjagaan kanak-kanak
Program Bantuan Tunai ASUH Pintar	Menyediakan bantuan tunai RM100 setiap bulan sebagai subsidi kos penjagaan kanak-kanak
Program Bantuan Tunai TUNAS	Menyediakan bantuan tunai RM50 setiap bulan untuk sebagai subsidi yuran pra-sekolah
Program Anak Istimewa Selangor (ANIS)	Menyediakan pelbagai program untuk kanak-kanak yang berkeperluan khas seperti bantuan tunai kepada keluarga, insentif tunai bagi tujuan pendidikan, program latihan dan pusat terapi
Pembukaan pra-sekolah swasta di kawasan terpinggir	Menyediakan insentif untuk menggalakkan pengusaha pusat penjagaan kanak-kanak untuk membuka lebih banyak cawangan di kawasan yang kurang perkhidmatan pengasuhan kanak-kanak
Advokasi kepada amalan kehidupan positif dan pengurusan masa	Menggalakkan amalan kehidupan positif dan pengurusan masa yang kondusif untuk kesejahteraan keluarga seperti jadual kerja yang lebih fleksibel dan tambahan hari kepada cuti bersalin kepada isteri
Pelaksanaan Dasar Pembangunan Kanak-Kanak Selangor	Pelaksanaan cadangan dan program perintis yang telah dikenal pasti secara menyeluruh dalam Dasar Pembangunan Kanak-Kanak Selangor
Pelaksanaan solusi bandar pintar untuk mencegah jenayah dengan Smart Selangor Delivery Unit (SSDU)	Mengurangkan kadar jenayah melalui solusi bandar pintar seperti kamera litar tertutup digital dengan analitik berpusat, butang kecemasan dan Pusat Arahan Berpusat

## 5.4 BIDANG TUMPUAN 4

### PERUMAHAN MAMPU MILIK


#### Pendahuluan

Memandangkan negeri Selangor adalah negeri yang mempunyai tahap urbanisasi yang tinggi, kemampuan pemilikan rumah menjadi satu isu yang semakin kritikal bagi mencapai visi keterangkuman sosial. Menjadi kelaziman di negara membangun, pembangunan pesat akan menjadikan harga rumah menjadi lebih mahal dan semakin kurang mampu milik seperti yang diukur oleh gandaan penengah yang semakin meningkat. Di bawah bidang tumpuan ini, terdapat dua (2) strategi yang bermatlamat untuk meningkatkan kadar pemilikan rumah dan kesejahteraan keluarga yang lebih baik serta mengurangkan kos sara hidup.

CARTA 5.6

#### HARGA RUMAH PENENGAH DAN GANDAAN PENENGAH MENGIKUT NEGERI (2019)

Harga rumah penengah mengikut negeri (2017-2019)  
RM ('000)



#### 5.4.1 Isu dan Cabaran

Harga rumah penengah negeri Selangor adalah ketiga tertinggi di Malaysia (2019) dan skor gandaan penengah sebanyak 3.86 (2019). Ini menunjukkan bahawa negeri Selangor adalah negeri ke-8 terbaik dari segi pemilikan rumah mampu milik (Carta 5.6). Jurang perbezaan harga rumah di negeri Selangor sangat ketara dengan harga rumah penengah di daerah paling mahal adalah 2.5 hingga 3.8 kali lebih tinggi daripada harga rumah penengah di daerah paling murah (Carta 5.7).

Gandaan Penengah  
(2019)


PUTRAJAYA	2.17
MELAKA	2.75
N.SEMBILAN	3.41
K.LUMPUR	3.79
TERENGGANU	3.83
KEDAH	3.84
P.PINANG	3.85
<b>SELANGOR</b>	<b>3.86</b>
LABUAN	3.96
PERLIS	3.99
PAHANG	4.09
MALAYSIA	4.11
PERAK	4.22
JOHOR	4.54
KELANTAN	4.91
SARAWAK	5.74
SABAH	5.90



CARTA 5.7


## HARGA RUMAH PENENGAH DI SELANGOR MENGIKUT JENIS HARTANAH

Harga rumah penengah untuk **Rumah Pangsa Kos Rendah**, Selangor (2019) (RM '000)




Sumber: Pusat Maklumat Harta Tanah Negara (NAPIC)

Harga rumah penengah bagi **Rumah Kos Rendah**, Selangor (2019) (RM '000)



Sumber: Pusat Maklumat Harta Tanah Negara (NAPIC)

Harga rumah penengah bagi **Rumah Teres**, Selangor (2019) (RM '000)



Sumber: Pusat Maklumat Harta Tanah Negara (NAPIC)

Pemilikan rumah mampu milik di negeri Selangor menghadapi tiga isu utama: ketidakpadanan antara penawaran dan permintaan untuk saiz dan jenis rumah, lokasi unit rumah mampu milik dan kesukaran dalam mendapatkan pembiayaan untuk isi rumah berpendapatan rendah, terutamanya mereka yang tidak mempunyai pendapatan yang stabil. Ketidakpadanan antara penawaran dan permintaan untuk saiz dan jenis harga mampu milik perumahan disebabkan oleh keutamaan pemohon untuk unit yang lebih besar dan bukan strata.

Tinjauan yang dijalankan untuk pemilik rumah di bawah Program Rumah Selangorku menunjukkan bahawa mereka lebih suka harta tanah yang berkeluasan 1,000 hingga 1,500 kaki persegi dan bukan berstatus harta tanah strata. Ini disebabkan oleh penyelenggaraan tambahan bagi harta tanah yang berkaitan dengan status strata. Majoriti unit yang ditawarkan di bawah program rumah mampu milik oleh negeri Selangor adalah unit strata di bawah saiz 1,000 kaki persegi. Lokasi yang tidak strategik bagi sesetengah projek perumahan mampu milik telah menyebabkan rumah tidak terjual. Isu ini telah diketengahkan dalam Dasar Perumahan Negara 2018-2025. Selain itu, ramai pemohon yang berpendapatan rendah tidak layak untuk membeli rumah mampu milik di negeri Selangor kerana kegagalan untuk mendapatkan pembiayaan daripada pihak bank kerana tidak mempunyai pendapatan tetap.

## 5.4.2 Strategi Utama

### **STRATEGI 12: Meneroka model baharu untuk perumahan mampu milik**

Strategi ini tertumpu pada penyediaan rumah mampu milik yang sekaligus dapat menangani isu perhubungan pengangkutan awam dan akses kepada pusat-pusat ekonomi serta saiz unit rumah mampu milik melalui penambahbaikan dasar perumahan mampu milik sedia ada yang berpandukan kepada kajian bekalan dan permintaan bagi rumah mampu milik mengikut daerah.

### **STRATEGI 13: Memperluaskan program penyewaan dan pemberian rumah**

Strategi ini memberi tumpuan kepada keperluan rakyat Selangor yang tidak layak untuk mendapatkan pembiayaan rumah atau yang kurang berkemampuan dari segi kewangan untuk membeli rumah dengan menambah bilangan unit sewa mampu milik sedia ada, melaksanakan skim sewa beli dan memperbaiki skim pemberian rumah sedia ada di Selangor seperti Skim Ceria dan Program Bina Baru serta Baik Pulih Rumah Kerajaan Prihatin.

## 5.4.3 Senarai Projek, Program dan Inisiatif

Di bawah bidang tumpuan ini, sebanyak enam (6) projek, program dan inisiatif telah dikenal pasti untuk memacu pembangunan di bawah sektor ini.

**JADUAL 5.4**

Projek, Program dan Inisiatif Utama	Penerangan Ringkas
Program Rumah Selangorku; Rumah IDAMAN dan Harapan	Dasar perumahan mampu milik di negeri Selangor dengan pembinaan 60,000 unit rumah mampu milik menjelang 2025 dengan tumpuan kepada perumahan yang berkeluasan minima 1,000 kaki persegi seperti Rumah IDAMAN dan Harapan
Skim Smart Sewa & Skim Smart Sewa to Ownership (2STAY)	Program sewa mampu milik untuk tempoh penyewaan maksimum 5 tahun, dengan menawarkan faedah untuk beralih kepada skim sewa-untuk-beli. Penyewa layak mendapat rebat 30% daripada jumlah bayaran sewa
Insentif Pembinaan Rumah Mampu Milik pasca COVID-19	Pengecualian yuran pembangunan (RM500) untuk semua projek rumah mampu milik di Selangor sehingga 2023 dan pengurangan deposit premium tanah daripada 150% kepada 100% untuk Selangor
Program Skim Ceria	Menyediakan bantuan baik pulih rumah untuk membaiki rumah kos rendah dan hartanah Rumah Selangorku
Program Bina Baru dan Baikpulih Rumah Kerajaan Prihatin	Menyediakan pemberian rumah untuk pemilik rumah B40 yang menetap di hartanah yang dianggap 'tidak sesuai untuk dihuni'
Membaik pulih rumah di perkampungan Orang Asli	Meningkatkan taraf hidup masyarakat Orang Asli dengan membaiki rumah yang telah usang



## 5.5 BIDANG TUMPUAN 5

### KESIHATAN AWAM

#### Pendahuluan

Penjagaan kesihatan awam adalah bidang tumpuan penting yang bukan sahaja memberi kesan kepada kesejahteraan seseorang tetapi juga memberi kesan kepada tahap produktiviti dan ekonomi. Dalam bidang tumpuan ini, akses kepada perkhidmatan penjagaan kesihatan awam dan swasta serta penyebaran meluas penyakit-penyakit dan faktor-faktor risiko kesihatan telah dikaji secara menyeluruh di negeri Selangor. Bidang Tumpuan Kesihatan mempunyai lima (5) strategi untuk menangani isu-isu ini.

#### 5.5.1 Isu dan Cabaran

Nisbah bilangan doktor (1:482) dan jururawat (1:354) di negeri Selangor bagi jumlah penduduk adalah tidak berbanding dengan beberapa negeri lain di Malaysia walaupun banyak bilangan hospital dan klinik di negeri Selangor.

Sebelum wabak COVID-19, Penyakit Denggi, Penyakit Tangan, Kaki dan Mulut (HFMD) dan Tuberkulosis (TB) adalah tiga penyakit berjangkit tertinggi di negeri Selangor pada tahun 2019. Sebanyak 56% daripada kes denggi di Malaysia dilaporkan di


negeri Selangor. Kelaziman Penyakit Tidak Berjangkit (NCD) dan faktor risiko kesihatan di negeri Selangor seperti kolesterol tinggi, obesiti dan merokok adalah secara amnya di bawah purata kebangsaan (Carta 5.8).

Kekurangan zat makanan dalam kalangan kanak-kanak juga merupakan isu serius di negeri Selangor. Masalah bantut di kalangan kanak-kanak adalah tinggi berbanding dengan purata negara berpendapatan sederhana atas dengan kadar 18.5% dan 9.6% masing-masing (Carta 5.9).

Pada tahun 2015 negeri Selangor mencatatkan kes kesihatan mental kelima tertinggi dan juga di antara negeri yang mempunyai kekurangan bilangan doktor dan jururawat psikiatri di Malaysia. Ketika negara beralih ke fasa endemik COVID-19, negeri Selangor akan meneruskan usaha dalam membendung penularan wabak COVID-19 dan penyakit berjangkit lain untuk memastikan keadaan penjagaan kesihatan yang selamat dan stabil bagi memudahkan usaha pemulihan dalam negeri.

CARTA 5.8

#### FAKTOR RISIKO DAN PREVALENS PENYAKIT TIDAK BERJANGKIT




Sumber: Kementerian Kesihatan, World Health Organization (WHO)




CARTA 5.9

### KADAR PREVALENS KANAK-KANAK TUMBESARAN TERBANTUT DAN SUSUT BADAN



Sumber: Kementerian Kesihatan, World Health Organization (WHO)

Prevalens Kadar Tumbesaran Terbantut dan Susut Badan, Malaysia (2019) %



### 5.5.2 Strategi Utama

#### STRATEGI 14: Melengkapi perkhidmatan kesihatan untuk mencapai akses sama rata

Strategi ini memberi tumpuan melengkapkan perkhidmatan penjagaan kesihatan di kawasan yang kurang mendapat perkhidmatan KKM termasuk perkhidmatan penjagaan kesihatan swasta, bantuan pengangkutan, insentif untuk pesakit menerima rawatan dan saringan serta kemudahan penjagaan kesihatan. Selain itu, strategi ini juga bertujuan untuk meningkatkan kadar langganan insurans kesihatan supaya khidmat kesihatan swasta lebih mudah untuk diakses dan diperoleh.

#### STRATEGI 15: Memperkuuh advokasi untuk pencegahan dan pengesanan awal penyakit

Strategi ini tertumpu kepada usaha pencegahan penyakit berjangkit dan tidak berjangkit untuk mengurangkan kadar risiko jangkitan di negeri Selangor bagi mencapai sasaran penjagaan kesihatan negara dan meningkatkan kesejahteraan rakyat Selangor. Antara strategi yang dikenal pasti meliputi inisiatif advokasi, pemeriksaan kesihatan berkala untuk pengesanan dan rawatan awal serta pencegahan penyakit bawaan vektor.

#### STRATEGI 16: Pengurusan Pandemik Bertaraf Dunia

Memandangkan negara sudah memasuki fasa endemik, negeri Selangor perlu mengurus wabak COVID-19 secara proaktif termasuk penyakit berjangkit yang lain melalui program seperti Pencegahan Wabak di Tapak Perebakan (POIS) untuk memastikan kadar jangkitan ( $R_t$ ) berada di tahap yang terkawal.

#### STRATEGI 17: Membendung isu-isu kesihatan yang semakin meningkat

Strategi ini memberi tumpuan dalam menangani kekurangan zat makanan di dalam kalangan kanak-kanak untuk mengurangkan kes bantut dan kekurangan zat makanan di negeri ini di peringkat bayi sehingga kanak-kanak. Bantut dan kekurangan zat makanan boleh membawa kepada masalah perkembangan fizikal dan mental kanak-kanak sehingga dewasa. Fokus baharu dalam bidang penjagaan kesihatan termasuk kesihatan mental, perkhidmatan geriatrik dan rawatan rutin seperti dialisis juga diketengahkan di bawah strategi utama ini.

#### STRATEGI 18: Melaksanakan Pendigitalan Program Penjagaan Kesihatan

Strategi ini tertumpu kepada integrasi dan pendigitalan bagi kesemua program penjagaan kesihatan yang dibayai oleh Kerajaan Negeri ke dalam aplikasi SELangkah untuk pelaksanaan yang lebih cekap dan lancar.

## 5.5.3 Senarai Projek, Program dan Inisiatif

Terdapat dua belas (12) PPI dalam bidang tumpuan ini. Iltizam Selangor Sihat adalah skim insurans kesihatan untuk golongan berpendapatan rendah bagi membantu mereka mengurangkan beban kos penjagaan kesihatan di pusat penjagaan kesihatan swasta. Skim ini menawarkan perlindungan sebanyak RM500 setahun untuk pemegang polisi kategori keluarga dan RM200 setahun untuk pemegang polisi kategori individu bujang.

### JADUAL 5.5

Projek, Program dan Inisiatif Utama	Penerangan Ringkas
Iltizam Selangor Sihat	Menyediakan skim insurans untuk golongan berpendapatan rendah dengan kadar faedah sehingga RM5,000 dan akses kepada lebih daripada 1,500 klinik panel di negeri Selangor
Pengembangan Program Nutrisi Kanak-Kanak/ Program Anak Selangor Anak Sihat	Program pemakanan kanak-kanak bagi keluarga berpendapatan rendah untuk mengurangkan kadar prevalens tumbesaran terbantut dan kekurangan zat makanan di dalam kalangan kanak-kanak
Program Bantuan Sihat Selangor	Menyediakan bantuan untuk menggalakkan pemeriksaan kesihatan secara berkala dan rawatan perubatan sokongan seperti katarak, dialisis dan batuk kering
Program Pemeriksaan Kanser Selangor SELCAN	Menyediakan program saringan kanser secara percuma untuk meningkatkan tahap pengesan awal
Kempen kesedaran untuk golongan M40 dan T20 dalam memilih insurans kesihatan swasta	Melaksanakan kempen kesedaran untuk meningkatkan kadar pengambilan insurans kesihatan untuk menjadikan penjagaan kesihatan swasta lebih mudah untuk diakses
Program Slim Selangor untuk menggalakkan gaya hidup sihat	Pelbagai program untuk menggalakkan gaya hidup sihat
Program Kawalan dan Pencegahan Denggi untuk mengurangkan kadar prevalens jangkitan denggi	Pelbagai inisiatif untuk mengawal penularan wabak denggi seperti pengabusan ( <i>fogging</i> ) dan kempen kesedaran
Program Selangor Saring	Menggalakkan pemeriksaan kesihatan secara berkala bagi meningkatkan pengesan awal penyakit
Pencegahan Wabak di Tapak Perekutan (POIS)	Kawalan wabak COVID-19 dan kadar jangkitan penyakit berjangkit lain melalui ujian secara berkala pada lokasi titik panas
Persediaan Untuk Penjagaan Kesihatan Warga Emas	Sokongan untuk meningkatkan perkhidmatan penjagaan kesihatan swasta dalam perkhidmatan geriatrik dan rawatan rutin seperti dialisis
Program Mental Sihat Selangor	Perkhidmatan saringan kendiri kesihatan mental melalui aplikasi SELangkah, dengan kes berisiko tinggi ditawarkan untuk perkhidmatan kaunseling
Pendigitalan dan menggabungkan semua program kesihatan di dalam aplikasi SELangkah	Menggabungkan semua program penjagaan kesihatan dalam aplikasi SELangkah untuk meningkatkan dan memudahkan akses



## ILTIZAM SELANGOR SIHAT

Skim insurans kesihatan ini bertujuan untuk membantu golongan berpendapatan rendah mendapat rawatan kesihatan di pusat perubatan swasta yang berdaftar.

Perlindungan yang ditawarkan ialah RM500 setahun untuk satu keluarga dan RM200 setahun untuk individu bujang. Penerima hanya perlu menunjukkan MyKad mereka di pusat perubatan yang berdaftar untuk mendapat manfaat ini. Inisiatif ini sedang berjalan.

## 5.6 BIDANG TUMPUAN 6

# PENDIDIKAN

### Pendahuluan


Pendidikan adalah antara bidang tumpuan utama dalam RS-1 dan menjadi salah satu faktor pemacu perubahan ataupun 'game changer' dalam menyediakan modal insan berkualiti kepada negeri Selangor dan negara serta membina asas yang mampan bagi meningkatkan taraf hidup untuk keluar daripada kepompong kemiskinan. Fokus Bidang Tumpuan Pendidikan tertumpu kepada pendidikan yang bermula daripada sekolah rendah hingga pengajian tinggi dengan strategi untuk meningkatkan kebolehcapaian pendidikan, menambah bilangan sekolah dengan program pendidikan tambahan serta mewujudkan tenaga kerja yang dipacu industri.

### 5.6.1 Isu dan Cabaran

Selangor mempunyai nisbah pelajar kepada guru yang tertinggi di Malaysia dengan 14.6 pelajar bagi setiap guru (Carta 5.10). Angka ini melebihi purata kebangsaan iaitu 12 pelajar bagi setiap guru dan melebihi purata negara OECD dan negara berpendapatan sederhana tinggi. Selain itu, prestasi akademik dalam Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) bagi negeri Selangor mencatat prestasi yang lebih rendah berbanding purata kebangsaan (Carta 5.11). Kadar pengangguran graduan di negeri Selangor juga meningkat dengan ketara berbanding dengan kadar purata kebangsaan. Pandemik COVID-19 juga telah mencetuskan pelbagai isu dalam sesi pengajaran dan pembelajaran di rumah (PdPR) seperti kekurangan peranti dan capaian internet yang tidak stabil. Justeru, ianya memberi impak kepada keberkesanan pengajaran dan pembelajaran terutamanya bagi keluarga pendapatan rendah.

CARTA 5.11


### GRED PURATA PENCAPAIAN SPM MENGIKUT NEGERI, BAGI PURATA 3 TAHUN (2017-2019)



Sumber: Kementerian Pelajaran

CARTA 5.10

### PURATA MURID-MURID BERBANDING GURU DI MALAYSIA MENGIKUT NEGERI , 2019



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia



PENDIDIKAN ADALAH  
ANTARA BIDANG  
TUMPUAN YANG  
UTAMA DI DALAM RS-1  
DAN MENJADI SALAH  
SATU FAKTOR PEMACU  
PERUBAHAN UNTUK  
MENYEDIAKAN MODAL  
INSAN BERKUALITI

## 5.6.2 Strategi Utama

### STRATEGI 19: Memastikan akses pendidikan sama rata untuk semua

Strategi ini bertujuan untuk menyediakan akses pendidikan yang saksama melalui program-program tajaan dan biasiswa serta bantuan tunai kepada pelajar yang tergolong daripada keluarga yang berpendapatan rendah. Hasil strategi ini dapat dilihat melalui peningkatan kadar mereka yang berjaya menamatkan persekolahan sekali gus menambah baik kesejahteraan pelajar.

### STRATEGI 20: Memperluas program pendidikan tambahan untuk meningkatkan prestasi pelajar

Strategi seterusnya memberi tumpuan untuk melengkapkan sekolah dengan penambahan program akademik dan program bukan akademik bagi meningkatkan prestasi pelajar. Prestasi akademik akan dipertingkatkan melalui program tuisyen seperti Program Tuisyen Rakyat Selangor (PTRS), *High Potential Students* (HIPERS) serta program khusus yang lain bagi menangani jurang pendidikan yang terkesan akibat wabak pandemik COVID-19. Strategi ini juga bertujuan untuk meningkatkan minat pelajar terhadap mata pelajaran sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik (STEM) melalui pelbagai program STEM dan menambah baik pendidikan yang bukan bersifat akademik melalui program pembinaan sahsiah, inovasi dan kreatif.

### STRATEGI 21: Memastikan landskap pendidikan tinggi sejajar dengan permintaan tenaga kerja dalam industri

Strategi terakhir bagi Bidang Tumpuan Pendidikan memberi fokus kepada bekalan graduan dan tenaga kerja yang berkualiti yang diperlukan oleh industri dan ekonomi. Selain itu, fokus juga diberikan untuk memartabat pendidikan tinggi di

negeri Selangor untuk meningkatkan kesejahteraan pelajar dan menghasilkan graduan yang mempunyai kebolehpasaran yang tinggi. Dalam usaha ini, kerjasama antara institusi pengajian tinggi dan pemain utama industri juga penting untuk memenuhi permintaan pasaran kerja yang diperlukan bagi memastikan sumber modal insan yang mencukupi dalam setiap pemain utama industri.

## 5.6.3 Senarai Projek, Program dan Inisiatif

Terdapat pelbagai inisiatif yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri Selangor untuk memperkasakan pendidikan di negeri Selangor.

**JADUAL 5.6**

Projek, Program dan Inisiatif Utama	Penerangan Ringkas
Putra Tuisyen Rakyat Selangor (PTRS)	Menyediakan kelas tuisyen kepada pelajar Tingkatan 5 daripada keluarga berpendapatan rendah atau pelajar berprestasi tinggi, melalui kelas fizikal dan pembelajaran atas talian di platform laman sesawang e-PTRS
Inisiatif Kemahiran Teknikal dan Ikhtisas Smart Selangor (IKTISASS)	Menyediakan kursus TVET dan pelbagai latihan industri dan program pensijilan untuk menghasilkan tenaga kerja industri yang tersedia
Selangor Bitara (BPSM)	Biasiswa untuk pelajar negeri Selangor melanjutkan pelajaran ke universiti ternama antarabangsa
Program BITARA (Yayasan Selangor)	Menawarkan biasiswa kepada pelajar daripada keluarga berpendapatan rendah yang berpotensi tinggi dari Darjah 4 sehingga SPM
Pinjaman Boleh di Ubah (Yayasan Selangor)	Menyediakan pinjaman pendidikan untuk pelajar daripada keluarga berpendapatan rendah di institusi pengajian tinggi awam dan swasta negeri Selangor
Hadiyah Institut Pengajian Tinggi (HPIPT)	Menyediakan geran tunai <i>one-off</i> berjumlah RM1,000 untuk pelajar negeri Selangor daripada isi rumah berpendapatan kurang daripada RM 5,000 dan yang layak memulakan pengajian tinggi
Program Sekolah Angkat Zakat Selangor (PROSAZ)	Menyediakan bantuan tunai kepada pelajar miskin di sekolah yang terpilih untuk membantu kebajikan pelajar
Program Penajaan Tingkatan Enam (PTEYS)	Menyediakan biasiswa, kelas bimbingan dan program pembangunan diri untuk pelajar Sijil Tinggi Pengajian Malaysia (STPM)
Pinjaman Boleh Ubah (BPSM)	Menyediakan pinjaman pendidikan kepada pelajar negeri Selangor di institusi pengajian tinggi awam dan swasta, dalam dan luar negara
Program HIPERS	Menyediakan kelas tuisyen kepada pelajar berpotensi tinggi untuk melanjutkan pelajaran di sekolah berprestasi tinggi seperti SBP dan MRSM
Merapatkan jurang pendidikan daripada generasi pandemik	Menyediakan program pendidikan tambahan untuk pelajar sekolah rendah dan prasekolah (umur 5-8) yang memberi tumpuan kepada kemahiran 3M (Membaca, Mengira, Menulis)
Program Penerokaan Bahasa di Perpustakaan Awam Selangor	Menyediakan insentif kelas pembelajaran bahasa asing dengan penawaran 14 bahasa dalam tempoh 3-6 bulan
Program Pembangunan Kemahiran STEM	Menjalankan program latihan guru dalam pengajaran mata pelajaran STEM dan mengadakan pertandingan inovasi berfokuskan mata pelajaran STEM di kalangan pelajar sekolah
Program Pembangunan Remaja	Mengadakan seminar pembinaan sahsiah dan nilai moral untuk remaja berumur 11-17 tahun mengenai topik seperti anti-buli, mendakap kepelbagaiannya kaum dan anti-gangguan seksual
Program Pemerkaaan Mahasiswa Selangor	Menjalankan pelbagai program penglibatan dan konvensyen untuk pelajar pengajian tinggi bagi meningkatkan kebolehpasaran dan kesejahteraan mereka
Program Pembangunan Gugusan Pendidikan	Pembangunan kawasan kluster pendidikan di negeri Selangor untuk menggalakkan kerjasama antara universiti yang lebih baik dan mewujudkan komuniti pendidikan yang kondusif
Majlis Konsultasi Akademia-Industri Selangor	Menyediakan platform untuk perbincangan dan kerjasama industri-institusi bagi memastikan tenaga kerja yang dipacu oleh industri
Program Pembangunan & Penyelidikan Selangor	Menggalakkan aktiviti dan acara penyelidikan dan pembangunan di negeri Selangor melalui geran dan platform
Pemerkaaan Institusi Pengajian Tinggi di bawah kerajaan negeri	Memperkuatkan UNISEL, KUIS dan STDC melalui penambahbaikan dalam kemudahan, proses pengajaran dan pembelajaran untuk menyediakan persekitaran untuk pembelajaran yang lebih kondusif



#KITASELANGOR



---

06

---

---

## **TS-3 PEMACUAN KELESTARIAN**



TS-3

## PEMACUAN KELESTARIAN

Isu kelestarian dan alam sekitar sentiasa menjadi isu utama di peringkat global. Berdasarkan laporan *Global Risk Report 2021* yang diterbitkan oleh *World Economic Forum*, risiko jangka panjang yang kritikal dihadapi ketika ini tertumpu pada isu alam sekitar, perubahan iklim serta kelemahan undang-undang dan penguatkuasaan terhadap pihak yang melakukan 'jenayah alam sekitar' (Carta 6.1). Di Malaysia dan Selangor, kedua-dua isu ini sering hangat diperkatakan dalam media arus perdana apabila berlakunya tanah runtuh, banjir kilat dan sumber bekalan yang tercemar.

Di peringkat negara melalui RMK-12, Malaysia telah menetapkan sasaran mencapai status negara neutral karbon menjelang tahun 2050 dengan menyasarkan pengurangan sebanyak 45% dalam intensiti pelepasan GHG berdasarkan KDNK. Begitu juga di Selangor, RS-1 ini mengambil beberapa pendekatan strategik untuk memajukan kelestarian di Selangor. Peralihan kepada pendekatan yang lebih lestari diperlukan pada setiap masa dalam membuat keputusan bagi meningkatkan keutamaan alam sekitar yang lestari dan berlandaskan prinsip amalan Tadbir Urus, Sosial dan Alam Sekitar (ESG).

Lima (5) bidang tumpuan akan menyokong pembangunan kelestarian negeri telah dipilih berdasarkan keadaan alam sekitar negeri dan global, status terkini dan

penyelidikan mengenai penambahbaikan yang diperlukan untuk menyelaraskan objektif tersebut dengan Matlamat Pembangunan Lestari (SDG). Empat belas (14) strategi utama digariskan dengan 38 projek, program dan inisiatif (PPI) yang dikenal pasti untuk dijalankan dalam tempoh lima (5) tahun akan datang bagi mencapai sasaran negeri dalam peningkatan kelestarian (Carta 6.2).

### CARTA 6.1

*World Economic Forum – 5 risiko jangka panjang mengikut kebarangkalian*



Sumber: *World Economic Forum*



## CARTA 6.2

### Tema Strategik 3: Pemacuan Kelestarian 5 Sektor Tumpuan, 14 Strategi Utama, 38 Projek, Program dan Inisiatif

Daya Tahan dan Pengurusan Bencana	Pengurusan Air	Negeri Rendah Karbon	Pengurusan Sisa	Biodiversiti dan Sumber Asli
<p>S1: Meningkatkan kesiapsiagaan dan tindak balas pantas dalam menghadapi risiko bencana dan kelemahan dalam komunikasi, penyelesaian dan tadbir urus</p> <p>S2: Menangani bencana tanah runtuh dan banjir melalui pendekatan mitigasi</p> <p>S3: Meningkatkan daya tahan komuniti dengan penyelesaian tempatan</p>	<p>S4: Menambah baik kualiti sumber air melalui pemantauan, pengawalsuaan dan pendigitalan</p> <p>S5: Mengurangkan penggunaan air dan Air Tidak Berhasil (NRW)</p> <p>S6: Menyesuaikan dengan risiko iklim terhadap keselamatan air untuk jangka panjang</p>	<p>S7: Memperkemas penjajaran kepada Pelan Induk Bandar Rendah Karbon Negara (NLCCM)</p> <p>S8: Mempercepat penggunaan mobiliti rendah karbon</p>	<p>S9: Menambah baik tahap kecekapan rantaian bekalan pengurusan sisa</p> <p>S10: Meningkatkan penggunaan teknologi hijau dalam pengurusan sisa</p>	<p>S11: Meningkatkan tahap perlindungan ke atas hutan dan biodiversiti</p> <p>S12: Mempromosikan penyelesaian berdasarkan alam semula jadi ke arah peningkatan taraf biodiversiti</p> <p>S13: Meningkatkan biodiversiti bandar</p>
<p>S14: Menjadi negeri perintis untuk pembangunan dan tindakan mampan</p>				

## 6.1 BIDANG TUMPUAN 1

### DAYA TAHAN DAN PENGURUSAN BENCANA

#### Pendahuluan

Kejadian banjir dan tanah runtuh di Selangor sering berlaku disebabkan oleh pembangunan dan keadaan cuaca yang ekstrem. Selain daripada itu, terdapat keperluan untuk meningkatkan daya tahan dan tindak balas bencana di peringkat negeri. Perubahan iklim meningkatkan risiko berlakunya bencana. Oleh itu, strategi pengurangan risiko perlu dinilai dan dipertingkatkan untuk memperkuuhkan daya tahan negeri.

Penambahbaikan kepada usaha mitigasi, kesediaan, tindak balas dan pemulihan adalah penting dalam mengurangkan risiko bencana. Tindakan bersepadau antara pihak

berkepentingan peringkat Persekutuan, negeri dan tempatan juga penting dan harus dimanfaatkan sepenuhnya di semua peringkat. Bidang tumpuan ini juga telah menggariskan tiga (3) strategi utama dan tujuh (7) PPI untuk meningkatkan daya tahan dan kemampuan menguruskan bencana.

#### 6.1.1 Isu dan Cabaran

Kejadian banjir di Malaysia pada tahun 2021- 2022 memberi gambaran kepada beberapa potensi penambahbaikan yang boleh dilakukan sebagai langkah mengurus bencana. Memandangkan kesan banjir tidak dapat diramalkan, Kerajaan Negeri Selangor harus mengorak langkah supaya lebih bersedia untuk mengurus bencana. Perkara ini mewujudkan keperluan untuk mengenal pasti dan mengurangkan risiko serta kelemahan jangka pendek dan jangka panjang dengan lebih baik.

Ketidaksediaan pihak tadbir urus dan saluran komunikasi ketika menghadapi kesan banjir ini mengakibatkan beberapa organisasi bergelut untuk memberikan bantuan dan melaksanakan tugas asas semasa bencana. Perkara ini memerlukan penyelarasan merangkumi semua peringkat kerajaan. Secara keseluruhan, perancangan, komunikasi dan ramalan yang lebih baik diperlukan untuk meningkatkan daya tahan negeri ketika berdepan dengan bencana.

### **6.1.2 Strategi Utama**

#### **STRATEGI 1: Meningkatkan kesiapsiagaan dan tindak balas pantas dalam menghadapi risiko bencana dan kelemahan dalam komunikasi, penyelarasan dan tadbir urus**

Selangor terdedah kepada bencana sama seperti wilayah lain dan persediaan mesti diambil untuk meningkatkan kesiapsiagaan menghadapi risiko dan bencana. Bencana alam sukar untuk diramalkan dan boleh berlaku pada bila-bila masa dan ini membawa kepada perancangan mitigasi. Kerjasama yang berkesan antara kerajaan dan agensinya juga penting dalam mengurangkan risiko bencana.

#### **STRATEGI 2: Menangani bencana tanah runtuh dan banjir melalui pendekatan mitigasi**

Ketidaktentuan kejadian banjir kilat dan tanah runtuh memerlukan peningkatan langkah pencegahan di negeri Selangor bagi mengatasi kesan yang dahsyat. Pembangunan infrastruktur yang mencukupi dan penyelesaian berasaskan alam semula jadi (NbS) yang direka khusus perlu dilakukan sebagai langkah pencegahan.

#### **STRATEGI 3: Meningkatkan daya tahan komuniti dengan penyelesaian tempatan**

Bencana alam memberi kesan terhadap rantaian bekalan yang berpotensi melumpuhkan ekonomi dan ketersediaan sumber. Dalam persediaan masyarakat, komuniti yang berdaya tahan adalah penting dalam memastikan keselamatan dan kesejahteraan mereka semasa berlakunya bencana.

### **6.1.3 Senarai Projek, Program dan Inisiatif**

Secara keseluruhannya, terdapat tujuh (7) PPI utama di bawah bidang tumpuan ini. Antara PPI yang menonjol dalam bidang tumpuan pengurusan bencana adalah penambahbaikan Smart Selangor C5i Operations Centre (SSOC) dan pembangunan Pelan Tindakan Pengurusan Bencana.



## JADUAL 6.1

Projek, Program dan Inisiatif Utama	Penerangan Ringkas
Smart Selangor C5i Operations Centre (SSOC)	Penambahbaikan Pusat Arahan Berpusat yang ditubuhkan di SSOC dalam pengumpulan data masa nyata, penyusunan dan pengagihan serta penambahbaikan ke arah komunikasi awam masa nyata melalui pembentukan kapasiti dan kolaborasi
Pembangunan Pelan Tindakan Pengurusan Bencana	Perancangan proaktif mengenai tindakan utama yang diperlukan untuk menangani bencana jenis khusus yang menggariskan persediaan terhadap pengurusan bencana, tindak balas dan pemulihian dengan tumpuan kepada tadbir urus dan komunikasi yang efektif
Melaksanakan projek infrastruktur mitigasi banjir dengan kadar segera	Pelaksanaan projek infrastruktur mitigasi banjir yang dikenal pasti termasuk pendalamatan sungai, pembinaan dan penaiktarafan tumpungan sungai dan kolam
Menerapkan projek dengan penyelesaian berdasarkan alam semula jadi untuk mitigasi bencana	Menggunakan teknik biokejuruteraan untuk mitigasi bencana seperti pembangunan dataran banjir semula jadi untuk pencegahan banjir dan penanaman tumbuhan berakar bagi mengurangkan kejadian tanah runtuh
Skuad PANTAS Selangor	Memanfaatkan Skuad PANTAS di setiap daerah untuk tindak balas segera kepada bencana dan isu tempatan
Penilaian semula kepada sistem saliran sedia ada dan kawasan tадahan	Menjalankan penilaian kepada sistem saliran sedia ada dan kawasan tадahan untuk memastikan dibina mengikut piawaian, tanpa halangan dan mempunyai kapasiti mencukupi untuk mengawal air ribut yang berlebihan
Program kesedaran dan persediaan menghadapi bencana	Menjalankan kempen kesedaran dan persediaan menghadapi bencana untuk mendidik orang awam tentang tindakan yang perlu diambil dan pihak berkuasa yang perlu dihubungi sebelum, semasa dan selepas bencana



## 6.2 BIDANG TUMPUAN 2

### PENGURUSAN AIR


#### Pendahuluan

Selangor mempunyai kadar penggunaan air dan penggunaan per kapita tertinggi di dalam negara. Ia juga menggunakan 45% lebih banyak air daripada saranan penggunaan air oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) (Carta 6.3). Bagaimanapun, lebih daripada 90% sumber air mentah Selangor diambil daripada sungai dengan 62% memerlukan rawatan lanjut sebelum ia boleh digunakan sebagai bekalan air.

#### CARTA 6.3

#### PERBANDINGAN PENGGUNAAN AIR SEHARIAN PER KAPITA

SASARAN 2030



Disamping itu, kecurian air dan kebocoran akibat paip lama telah memberi kesan kepada Air Tidak Berhasil atau *Non-Revenue Water* (NRW) yang tinggi. Walaupun terdapat pelbagai langkah yang dilakukan untuk mengurangkan NRW, jumlah laporan yang diterima oleh operator air negeri iaitu Pengurusan Air Selangor berhubung gangguan air tidak berjadual masih tinggi jika dibandingkan dengan purata nasional.

Lantaran itu, tindakan diperlukan untuk meningkatkan sumber air yang berkualiti, operasi bekalan air yang berterusan serta keselamatan air. Bidang tumpuan ini menggariskan tiga (3) strategi utama dan

sembilan (9) PPI untuk Selangor mencapai objektif-objektif tersebut.

#### 6.2.1 Isu dan Cabaran


Terdapat tiga (3) isu utama mengenai air di Selangor: kualiti, ketersediaan dan keselamatan air.

Mengenai kualiti air, bilangan kejadian yang berkaitan dengan pencemaran air mentah menunjukkan satu peningkatan dari tahun 2018 hingga 2020, mengakibatkan gangguan besar-besaran bekalan air. Selain itu, bilangan aduan di Selangor adalah majoriti daripada jumlah aduan di Semenanjung Malaysia. Aduan gangguan air di Selangor dilaporkan 27% lebih tinggi daripada keseluruhan negeri-negeri lain di Semenanjung Malaysia (Carta 6.4). Sembilan (9) sungai di negeri ini telah diklasifikasikan sebagai tercemar dengan 29 lagi diklasifikasikan sebagai kurang tercemar dan hanya 15 diklasifikasikan sebagai bersih. Ini juga menjelaskan ketersediaan bekalan air kepada rakyat Selangor.

Selangor sebelum ini pernah mengalami kemarau besar pada tahun 2014 apabila empangan dan paras air sungai berada di bawah paras kritikal dan menyebabkan gangguan bekalan air yang darurat. Pada

#### CARTA 6.4

#### BILANGAN ADUAN GANGGUAN AIR DI SELANGOR BERBANDING NEGERI LAIN DI SEMENANJUNG MALAYSIA



Sumber: Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN)



jangka panjang, mungkin terdapat lagi risiko yang berkaitan dengan perubahan iklim seperti kemarau yang boleh menjelaskan ketersediaan dan kualiti sumber air menambahkan kepentingan bagi memastikan keselamatan air untuk jangka panjang.

## 6.2.2 Strategi Utama

### STRATEGI 4: Menambah baik kualiti sumber air melalui pemantauan, penguatkuasaan dan pendigitalan

Kualiti air sungai merupakan sumber penting bagi Selangor memandangkan 90% daripada air mentah negeri diperoleh daripada sungai. Pemantauan kualiti dan mitigasi pencemaran yang bersesuaian melalui penguatkuasaan diperlukan untuk memastikan ketersediaan air kepada orang awam tidak terjejas secara tiba-tiba. Peralatan digital juga harus digunakan dengan berkesan untuk mempertingkatkan pelaksanaan strategi ini.

### STRATEGI 5: Mengurangkan penggunaan air dan Air Tidak Berhasil (NRW)


Pengurangan NRW dan penggunaan air akan memberi manfaat dalam memastikan bekalan air yang mampan pada jangka masa panjang. Penambahbaikan mekanisma penyampaian air boleh membantu mengurangkan NRW dari 28.6% pada tahun 2020 untuk mencapai sasaran 25% pada tahun 2025. Kekurangan air juga merupakan isu yang perlu ditangani dengan mengurangkan penggunaan di kawasan komersial dan perindustrian. Pada masa ini, 42% daripada penggunaan air di Selangor adalah untuk kegunaan bukan domestik (Carta 6.5). Justeru, menyasarkan peningkatan kecekapan penggunaan air atau mencari sumber air alternatif di kawasan komersial dan perindustrian boleh membawa kesan yang positif bagi menangani isu kekurangan air.

### STRATEGI 6: Menyesuaikan diri dengan risiko iklim ke arah keselamatan air bagi jangka panjang dengan menggunakan Pendekatan Pengurusan Sumber Air Bersepadu (IWRM)

Ketersediaan air mungkin lagi sukar diramalkan disebabkan oleh kesan perubahan iklim. Senario cuaca ekstrem seperti kemarau mungkin lebih kerap berlaku dengan perubahan iklim apabila diburukkan lagi oleh kejadian semula jadi seperti fenomena El Nino. Pelan penyesuaian jangka panjang diperlukan untuk menangani risiko keselamatan air. Sumber bekalan air baharu juga diperlukan untuk mengurangkan kebergantungan kepada skim bekalan air Sungai Selangor dan untuk mempelbagaikan sumber air bagi mengurangkan risiko ketersediaan air kesan akibat pencemaran.

CARTA 6.5

### PENGGUNAAN AIR MENGIKUT NEGERI (JLH), 2019



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

## 6.2.3 Senarai Projek, Program dan Inisiatif

Secara keseluruhan, terdapat sembilan (9) PPI utama untuk bidang tumpuan ini. Antara pemacu perubahan untuk bidang tumpuan pengurusan air adalah projek Selangor Maritime Gateway (SMG) - pembersihan dan pemulihian Sungai Klang serta pembangunan projek Skim Bekalan Air Sungai Rasau.

### JADUAL 6.2

Projek, Program dan Inisiatif Utama	Penerangan Ringkas
Selangor Maritime Gateway (SMG) – pembersihan dan pemulihian Sungai Klang	SMG merupakan projek oleh Landasan Lumayan Sdn Bhd (LLSB), sebuah entiti milik Kerajaan Negeri di bawah MBI. Projek ini memberi tumpuan kepada pembersihan dan pemulihian sungai melalui pelbagai kaedah seperti sistem pemantauan penyebaran kualiti air, <i>log boom</i> dan <i>Interceptor</i>
Pendigitalan untuk pemantauan sumber air	Mendigitalkan pemantauan sumber air dengan pengesan, sistem telemetri dan pemantauan serta dron untuk mengesan pencemaran sumber air
Pembangunan skim bekalan air baharu dan loji rawatan air	Pembangunan, pembinaan dan pentaulahan skim bekalan air dan loji rawatan air baharu untuk menambah kapasiti air seperti <ul style="list-style-type: none"> <li>• Labohan Dagang Fasa 1 (200 JLH)</li> <li>• Langat 2 Fasa 1 (1,130 JLH)</li> <li>• Rasau Peringkat 1 (700 JLH)</li> <li>• Labohan Dagang Fasa 2 (200 JLH)</li> <li>• Rasau Peringkat 2 (700 JLH)</li> <li>• Langat 2 Fasa 2 (760 JLH)</li> <li>• HORAS 3000 (475 JLH)</li> </ul>
Peningkatan tahap perundangan dan kapasiti penguatkuasaan	Penilaian semula undang-undang berkenaan pembangunan dalam lingkungan 5km dari sumber pengambilan air dan meningkatkan kapasiti penguatkuasaan melalui bantuan digital
Friends of River Selangor	Inisiatif memperkasakan komuniti untuk melengkapkan usaha memulih dan menjaga kualiti air melalui program kesedaran, rasa pemilikan dan kebertanggungjawaban komuniti terhadap sumber air
Pelaksanaan Prinsip Denda kepada Pelaku Pencemaran dan Dasar Pelepasan Sifar	Melaksanakan sistem denda yang mana pelaku pencemaran akan dikehendaki membayar denda kepada negeri dan bayaran itu akan meliputi sebahagian kos pemulihian kualiti air
Program Pengurangan Air Tidak Berhasil (NRW)	Pelaksanaan program pengurangan NRW oleh Air Selangor termasuklah pengesanan dan penggantian semula paip bocor, program penggantian paip lama, pemasangan alat pengesan tekanan dan penubuhan zon pemeteran
Mempromosikan penggunaan air secara berhemah di kawasan perumahan, industri dan premis komersial	Membangunkan program dan insentif untuk mempromosikan penggunaan air secara berhemah di kawasan perumahan, industri dan premis komersial
Kajian tentang pengurusan sumber air bersepada dan menyeluruh untuk menjamin bekalan air jangka panjang dan yang berkaitan dengan perubahan iklim	Kajian tentang sumber air baharu dan mekanisme untuk menangani isu jaminan bekalan air jangka panjang oleh kerana perubahan iklim dan juga penyatauan kajian IRBM seperti kajian Sungai Klang 2022 – 2030

## PEMACU PERUBAHAN 10



### SELANGOR MARITIME GATEWAY (SMG) – PEMBERSIHAN DAN PEMULIHAN SUNGAI KLANG

**OBJEKTIF** Untuk membolehkan peluang baharu, peningkatan kualiti hidup dan pembangunan kelestarian di sepanjang sungai dengan mempertingkatkan keadaan keseluruhan Sungai Klang dan anak sungainya

- SOROTAN UTAMA**
- Enam (6) log boom sedang beroperasi dengan satu lagi dalam pembangunan memintas serpihan terapung di Sungai Klang.
  - Penerapan sistem pemantauan kualiti air sungai berterusan di empat (4) titik di sepanjang Sungai Klang.
  - SMG telah menempatkan dua (2) *Interceptor* di Sungai Klang
  - 50,000 Mt sisa buangan dari Sungai Klang sejak projek dilancarkan

**JANGKA MASA** Dimulakan pada tahun 2023

**HASIL** Menambahbaik kualiti air di Sungai Klang

## PEMACU PERUBAHAN 11



### SKIM BEKALAN AIR SUNGAI RASAU

- OBJEKTIF**
- Mengenal pasti sumber air baharu bagi memastikan 8.4 juta pengguna terus mendapat bekalan air bersih dan bertindak sebagai sistem tebatan banjir
  - Pembinaan Loji Rawatan Air Sungai Rasau dapat meningkatkan margin rizab simpanan air di Selangor sebanyak 15%

- SOROTAN UTAMA**
- Keseluruhan Skim Bekalan Air Rasau dijangka dapat menghasilkan 1,400 JLH apabila siap sepenuhnya pada tahun 2028
  - Projek takungan air pinggiran sungai terbesar di Malaysia
  - Mengandungi tiga (3) pakej iaitu:
    - Pakej 1 – Loji Rawatan Air
    - Pakej 2 – Saluran Paip
    - Pakej 3 – Takungan Simpanan
  - Pembinaan baraj dan benteng sungai di Sungai Klang
  - Pembinaan sistem tebatan banjir
  - Pembinaan stesen pemantauan kualiti air

**JANGKA MASA** Tarikh mula suku ketiga (ke-3) 2022

**HASIL** Meningkatkan margin rizab simpanan air dan mengurangkan risiko banjir

## 6.3 BIDANG TUMPUAN 3

### NEGERI RENDAH KARBON

#### Pendahuluan

Selangor masih mempunyai pelepasan karbon yang positif. Sektor seperti tenaga, pengangkutan dan pembinaan merupakan penyumbang utama pelepasan karbon dalam negeri. Selangor berpotensi menjadi negeri rendah karbon dengan memberi tumpuan kepada penambahbaikan dalam sektor-sektor tersebut melalui penggunaan cara yang inovatif. Sektor-sektor ini difokuskan dalam RS-1 dengan cadangan strategi dan inisiatif untuk dilaksanakan dalam tempoh lima tahun akan datang dan dijadikan asas bagi negeri rendah karbon masa depan.


Namun terdapat kekangan untuk memajukan kemampunan dalam sektor tenaga disebabkan oleh struktur pasaran tenaga di Semenanjung Malaysia. Walau bagaimanapun, pengurangan pelepasan karbon di bandar-bandar adalah bidang yang boleh ditambah baik oleh Selangor melalui pelaksanaan strategi rendah karbon untuk mengukur, mengurus dan mengurangkan pelepasan GHG sekali gus mengurangkan kesannya kepada perubahan iklim. Mengurangkan jejak karbon daripada persekitaran bandar akan memerlukan pengukuran garis dasar GHG dan strategi aktif untuk menangani sektor pelepasan utama.

Pengangkutan adalah satu lagi sektor yang perlu diberi penekanan terutamanya apabila mempertimbangkan bilangan pengangkutan persendirian di dalam negeri Selangor. Walaupun ramai orang menggunakan perkhidmatan pengangkutan awam, ia masih tidak mencukupi untuk memenuhi keperluan rakyat. Ini mengakibatkan kebergantungan yang tinggi kepada pengangkutan

persendirian sekali gus memberi kesan kepada pelepasan setiap kilometer bagi setiap orang. Dengan pertimbangan pelepasan pengangkutan persendirian (209g CO<sub>2</sub>e), LRT (0.09g CO<sub>2</sub>e), bas (63g CO<sub>2</sub>e) dan berbasikal (28g CO<sub>2</sub>e), fokus untuk mengurangkan pelepasan karbon harus diterapkan dengan usaha berterusan dengan meningkatkan pengangkutan awam.

#### FAKTOR PELEPASAN

(SETIAP ORANG/KM)



Menangani tindakan iklim merupakan kepentingan dalam jangka terdekat dan jangka panjang bagi kesejahteraan rakyat dan juga bagi penambahan pelaburan dalam negeri.

#### 6.3.1 Isu dan Cabaran

Di seluruh Semenanjung Malaysia, penjanaan tenaga menggunakan sumber bahan api fosil mengalami transisi yang perlahan ke arah tenaga boleh diperbaharui kerana kos yang tinggi serta kekurangan insentif. Selain itu, peruntukan bagi bangunan kediaman untuk meningkatkan kecekapan tenaga di kawasan kediaman yang sudah berusia dan Projek Perumahan Rakyat (PPR) juga tidak diberi perhatian. Sektor tenaga termasuk




elektrik dan haba pengeluaran adalah penyumbang tertinggi pelepasan CO<sub>2</sub> pada 2016 dan menyumbang 39% daripada jumlah pelepasan CO<sub>2</sub> (Carta 6.6).

Kebergantungan yang tinggi pada pengangkutan persendirian juga merupakan isu dan cabaran apabila mempertimbangkan peningkatan bilangan kenderaan persendirian yang baru berdaftar pada setiap tahun. Ketidakcekapan perhubungan di antara *first mile* dan *last mile*, ketidaktepatan masa pengangkutan awam dan kelemahan pengurusan memberi kesan kepada prestasi pengoperasian pengangkutan awam sekali gus menjadikan pengangkutan awam kurang mendapat sambutan yang positif.

Di bawah Pelan Induk Bandar Rendah Karbon Negara (NLCCM), tujuh (7) majlis bandaraya dan majlis perbandaran di Selangor telah dikenal pasti untuk mengambil tindakan susulan ke arah mengurangkan pelepasan karbon. Bagaimanapun, negeri Selangor pada masa ini tidak mempunyai inventori garis dasar GHG walaupun kepentingannya untuk menilai jejak karbon semasa dan menangani pelepasan pada masa hadapan. Dalam hal ini, didapati kurang penglibatan pihak berkepentingan dalam menangani pengurangan pelepasan GHG mutlak daripada sektor-sektor yang mempunyai jumlah pelepasan yang tinggi.

#### CARTA 6.6

#### SUMBER UTAMA PELEPASAN KARBON DIOKSIDA PADA 2016



Sumber: Persidangan Rangka Kerja Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Perubahan Iklim (UNFCCC)

### 6.3.2 Strategi Utama

#### STRATEGI 7: Memperkemas penjajaran kepada Pelan Induk Bandar Rendah Karbon Negara (NLCCM)

Bandaraya kini menyumbang 70% daripada pelepasan GHG di dunia dan Selangor tidak terkecuali dalam menyumbang kepada pengeluaran pelepasan karbon. Ini kerana Selangor mempunyai kadar pembandaran yang tinggi. Sebagai sebuah negeri yang mempunyai visi untuk menjadi negeri bebas karbon pada masa akan datang, tindakan segera ke arah mengurangkan pelepasan karbon harus diberi perhatian.

#### STRATEGI 8: Mempercepatkan penggunaan mobiliti rendah karbon

Pengangkutan merupakan sektor yang melepaskan kadar karbon kedua tertinggi di Selangor. Ia menyumbang sebanyak 21% daripada jumlah pelepasan pada tahun 2016 dan meningkat setiap tahun (Carta 6.6).

Walaupun dasar pengangkutan terletak di bawah bidang kuasa kerajaan Persekutuan, Selangor telah membangunkan pelan induk pengangkutan awam. Skop pelan tersebut hendaklah diperluaskan untuk mempercepatkan peralihan sektor pengangkutan ke mobiliti rendah karbon dengan memfokuskan peralihan kepada pengangkutan kenderaan elektrik (EV) dan penambahan penggunaan mobiliti mikro bagi *last mile connectivity*.

### 6.3.3 Senarai Projek, Program dan Inisiatif

Terdapat tiga (3) PPI di bawah bidang fokus rendah karbon. Inisiatif membangunkan inventori GHG dan kapasiti bandar rendah karbon diberikan tumpuan sebagai pemacu perubahan bidang fokus tersebut.

#### JADUAL 6.3

Projek, Program dan Inisiatif Utama	Penerangan Ringkas
Pembangunan inventori GHG dan kapasiti bandar rendah karbon untuk setiap PBT	Pengesanan pelepasan GHG dalam semua sektor untuk penambahbaikan perancangan rendah karbon di peringkat tempatan dengan mewajibkan pemantauan dan pelaporan pelepasan
Selangor bandar sifar karbon menjelang 2050	Mengadaptasi Pelan Induk Bandar Rendah Karbon Negara (NLCCM) dalam memacu langkah pengurangan pelepasan karbon di peringkat negeri dan tempatan dengan sasaran mencapai sifar karbon menjelang 2050
Pelaksanaan Pelan Pembangunan Mobiliti Rendah Karbon di peringkat negeri dan tempatan	Menggunakan Pelan Pembangunan Mobiliti Rendah Karbon sebagai panduan untuk tindakan pembangunan sektor pengangkutan di Selangor dan melaksanakan inisiatif yang memfokuskan: <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pemacuan kenderaan elektrik persendirian dan awam termasuk Bas Smart Selangor</li> <li>• Meningkatkan liputan rangkaian pengangkutan awam</li> <li>• Menambah baik ketersambungan pengangkutan</li> <li>• Pembangunan stesen pengecas EV</li> </ul>





## PEMACU PERUBAHAN 12



### PEMBANGUNAN INVENTORI GHG DAN PEMBINAAN KAPASITI BANDAR RENDAH KARBON UNTUK SETIAP PBT

#### OBJEKTIF

Selangor akan memberikan komitmen bagi mencapai pelepasan sifar karbon menjelang 2050 di kawasan bandaraya dan perbandarannya. Faktor kejayaan utama ialah pelaporan pelepasan GHG yang tepat. Pengesahan pelepasan GHG dalam semua sektor mesti dilakukan melalui penggunaan mekanisme pelaporan karbon untuk industri dan pembangunan rangka kerja untuk pengiraan GHG bagi membolehkan perancangan rendah karbon yang lebih baik di peringkat tempatan

#### SOROTAN UTAMA

Semakan:

- Mengkaji semula piawaian dan metodologi perakaunan GHG
- Kenal pasti keperluan data untuk mewujudkan inventori GHG dan menjana piawaian pengiraan dan alat untuk mendapatkan data
- Mewujudkan struktur pelaporan pelepasan GHG yang seragam
- Mewujudkan sistem untuk pengesahan pelepasan dan pelaporan GHG

Kawal Selia:

- Mewajibkan pelaporan pelepasan GHG tahunan daripada semua sektor komersial dan perindustrian
- Untuk mewujudkan penutup karbon berdasarkan kapasiti operasi setiap penubuhan
- Untuk menetapkan sasaran pengurangan pelepasan untuk semua sektor komersial dan perindustrian

Teknologi:

- Memasang sensor pelepasan GHG seperti meter aliran untuk mengukur keluaran GHG di sektor perindustrian
- Untuk membangunkan alat pengiraan GHG dan disediakan untuk umum
- Untuk memanfaatkan penyelesaian data besar untuk penyatuan pelaporan GHG

#### JANGKA MASA

2022 dan seterusnya

#### HASIL

Pengurangan keseluruhan dalam pelepasan GHG, peningkatan daya tahan terhadap risiko iklim dan perlindungan biodiversiti dipertingkat

## 6.4 BIDANG TUMPUAN 4

# PENGURUSAN SISA

### Pendahuluan

Selangor menjana jumlah sisa pepejal, berjadual dan klinikal yang tertinggi di negara. Secara purata, Selangor menjana 7,220 tan sisa pepejal sehari, bersamaan 22% daripada sisa pepejal negara. Terdapat pelbagai kategori bahan buangan yang perlu diurus dan dikawal dengan teliti. Ini termasuk sisa domestik, sisa komersial dan industri, sisa pembinaan dan perobohan serta bahan buangan klinikal dan berjadual. Dianggarkan 80% sisa pepejal yang dikumpul berpotensi untuk dikitar semula, diguna semula atau dijual semula.

Selangor kini menuju ke arah sistem pengurusan sisa bersepadu dengan peluang untuk mengurangkan sisa ke tapak pelupusan. Penyelesaian teknologi dan inovatif seperti kemudahan Waste-to-Energy (WTE), penapisan biogas dan banyak lagi boleh menjadikan sisa-sisa menjadi sumber yang berharga. Untuk itu, bidang tumpuan ini menggariskan dua (2) strategi dan lima (5) projek, program atau inisiatif.

### 6.4.1 Isu dan Cabaran

Kekurangan Fasiliti Pemulihan Bahan (*Materials Recovery Facility*) di Selangor untuk memanfaatkan sisa yang mampu menjanakan hasil adalah satu cabaran memandangkan negeri ini mempunyai keupayaan untuk kitar semula, guna semula atau jual semula sisa pepejal. Selain daripada itu, 70% sisa pepejal yang dibuang di tapak pelupusan sampah mempunyai kapasiti terhad. Rantaian nilai pengurusan sisa juga menghadapi isu apabila ia tidak mempunyai integrasi yang mencukupi di

seluruh rantaian seperti pengumpulan, pemprosesan dan pelupusan kitar semula dan pemulihian sisa yang lebih cekap. Selain itu, kelemahan undang-undang berkaitan pembuangan sisa oleh komersial dan industri serta sisa pembuangan pembinaan dan penghapusan memberi kesan kepada pembuangan sampah secara haram oleh pengusaha sisa sampah berskala kecil.

Pilihan yang terhad bagi pelupusan sisa alternatif selain tapak pelupusan juga merupakan salah satu isu. Ini disebabkan teknologi pengurusan sisa sedia ada seperti WTE dan pendigitalan berkaitan pengurusan sisa berasaskan data berada di peringkat awal dan belum dilaksanakan sepenuhnya, digunakan atau diterima pakai di keseluruhan kitaran pengurusan sisa.

### 6.4.2 Strategi Utama

#### **STRATEGI 9: Meningkatkan kecekapan rantaian bekalan pengurusan sisa**

Sama seperti rantaian bekalan lain, ketidakcekapan operasi menjadi isu utama dalam pengurusan sisa terutamanya apabila rantaian bekalan diuruskan oleh pelbagai pihak tanpa objektif yang selari selain risiko kesan daripada kekurangan inovasi. Rantaian bekalan pengurusan sisa Selangor mesti dipertingkatkan untuk memastikan ia berkembang secara berterusan untuk memenuhi permintaan yang semakin meningkat.

#### **STRATEGI 10: Mempercepatkan penggunaan Teknologi Hijau dalam pengurusan sisa**

Kaedah dan teknologi pengurusan sisa semakin maju. Amalan pelupusan sisa terbaharu dan pengurusan alternatif seharusnya diterima pakai oleh negeri Selangor melalui program, projek dan inisiatif untuk menambah baik sektor ini dalam usaha untuk menjadi lebih lestari.



### 6.4.3 Senarai Projek, Program dan Inisiatif

Sektor pengurusan sisa di negeri Selangor boleh dipertingkatkan lagi dengan lima (5) tumpuan program, projek dan inisiatif. Antara PPI yang dianggap sebagai pemacu perubahan adalah iaitu Pembangunan Pusat Pengurusan Sisa Pepejal Bersepadu (ISWMC) dengan loji rawatan *Waste-to-Energy* (WTE).

JADUAL 6.4

Projek, Program dan Inisiatif Utama	Penerangan Ringkas
Membangunkan Fasiliti Pemulihan Bahan (MRF) di setiap daerah	Mengenal pasti kawasan dan keperluan untuk membina Fasiliti Pemulihan Bahan (MRF) di setiap daerah untuk meningkatkan tahap pemulihan sisa dan kitar semula
Membangunkan pelan tindakan pengurusan sisa untuk Selangor	Membangunkan pelan tindakan pengurusan sisa untuk negeri agar dapat menggariskan sasaran masa hadapan untuk sektor pengurusan sisa dalam negeri dengan lebih baik
Pembangunan Pusat Pengurusan Sisa Pepejal Bersepadu (ISWMC) dengan loji rawatan <i>Waste-to-Energy</i> (WTE)	Memudahkan pembinaan loji rawatan WTE dengan pengenapastian tapak, dasar dan sokongan dana sebagai sebahagian pembangunan Pusat Pengurusan Sisa Pepejal Bersepadu (ISWMC)
Mengutamakan usaha pengasingan sumber dan program 3R ( <i>Reduce, Reuse, Recycle</i> )	Meningkatkan pengasingan sisa dan program 3R dalam negeri dengan memberi insentif kepada perubahan tingkah laku melalui program inovatif dan kerjasama korporat
Penjadualan berpusat dan dikordinasikan, industri dan pengumpulan sisa komersial	Manfaatkan kewujudan pusat arahan KDEBWM untuk menguruskan semua ejen pengumpulan sisa berjadual, industri dan komersial dalam meningkatkan kecekapan dan mengurangkan amalan pembuangan sisa haram

## PEMACU PERUBAHAN 13



### PEMBANGUNAN PUSAT PENGURUSAN SISA PEPEJAL BERSEPADU (ISWMC) DENGAN LOJI RAWATAN WASTE-TO-ENERGY (WTE)

#### OBJEKTIF

Memudahkan pembinaan loji rawatan *Waste-to-Energy* (WTE) dengan pengenalan tapak, dasar dan sokongan pembiayaan sebagai sebahagian daripada pembangunan Pusat Pengurusan Sisa Pepejal Bersepadu (ISWMC)

#### SOROTAN UTAMA

- Pada tahun 2016, Pelan Induk ISWMC telah ditubuhkan yang menggariskan pelan pengurusan sisa pepejal selama 30 tahun untuk dilaksanakan secara berperingkat
- Sebahagian daripada Pelan Induk ISWMC ialah pembangunan 4 loji WTE dengan 3 loji telah dijalankan dan dijangka beroperasi menjelang 2026
- Jika digabungkan, 3 loji WTE itu dijangka mampu mengurus 4,700 tan sisa pepejal setiap hari dan menjana lebih 90MW elektrik, menyumbang lebih 67% daripada jumlah sisa pepejal yang dijana di Selangor hari ini

#### WTE 1:

- Lokasi: Jeram
- Kapasiti Sisa: 1,200 tan/hari
- Penjanaan: 26 MW

#### WTE 2:

- Lokasi: Jeram
- Kapasiti Sisa: 1,500 tan/ hari
- Penjanaan: 26 MW

#### WTE 3:

- Lokasi: Tanjung Dua Belas
- Kapasiti Sisa: 2,000 tan/ hari
- Penjanaan: 38 MW

#### JANGKA MASA

2016 - 2026

#### HASIL

Peningkatan campuran tenaga boleh diperbaharui, mengurangkan penggunaan tapak pelupusan sanitari dan meningkatkan kadar kitar semula





## 6.5 BIDANG TUMPUAN 5

### BIODIVERSITI DAN SUMBER ASLI

#### Pendahuluan

Kesan perubahan iklim dan keperluan untuk mengawal selia merupakan antara isu ESG yang sering dibincangkan. Salah satu faktor penyumbang utama terhadap perubahan iklim adalah disebabkan oleh kepupusan biodiversiti dan sumber asli seperti hutan.

Malaysia menduduki tempat ke-12 di peringkat global dari segi kekayaan endemisme berdasarkan Indeks Biodiversiti Negara oleh Konvensyen Kepelbagaian Biologi (CBD). Selain perubahan iklim, biodiversiti dan isu berkaitan alam sekitar terus mendapat perhatian. Malaysia telah mengulangi komitmennya untuk mengekalkan 50% litupan hutan. Pemuliharaan biodiversiti adalah penting melalui perspektif iklim termasuk usaha untuk mengelakkan berlakunya bencana alam pada masa hadapan. Isu biodiversiti ini juga menjadi tumpuan yang digariskan dalam RMK-12. Ini kerana pengurusan sumber asli yang efisien juga perlu diberikan penekanan sebagai bidang utama dalam memacu kelestarian.


Kerajaan Negeri dan tempatan mempunyai peranan penting dalam mengutamakan alam semula jadi dan biodiversiti meliputi penggunaan tanah dan perancangan bandar, pelesenan dan peraturan, pemudahcara, advokasi dan kepimpinan, penglibatan komuniti dan sivik serta perniagaan dan pembangunan ekosistem. Dengan pemerhatian oleh masyarakat antarabangsa mengenai isu pemuliharaan alam semula jadi ini, terdapat potensi untuk model baharu perkongsian awam-swasta-sivil (PPCP) untuk menggembungkan sumber dan pembiayaan bagi pemuliharaan, pemulihan dan pembangunan berkaitan biodiversiti.

Selangor mempunyai bilangan wilayah bandar yang tinggi. Oleh itu, penyelesaian alternatif seperti pembangunan kawasan hijau bandar dan meningkatkan biodiversiti tempatan dalam persekitaran bandar diperlukan bagi pemuliharaan dan peningkatan biodiversiti dan sumber asli dalam negeri. Untuk meningkatkan kelestarian biodiversiti dan sumber asli di negeri ini, tiga (3) strategi dan sembilan (9) projek, program atau inisiatif telah dikenal pasti.

#### 6.5.1 Isu dan Cabaran

Selangor mempunyai hampir 32% atau 250,000 hektar kawasan yang dijadikan sebagai hutan simpanan kekal (Carta 6.7) termasuk 82,000 hektar paya gambut dan hampir 19,000 hektar kawasan hutan bakau. Kerajaan Negeri Selangor merupakan negeri pertama yang menetapkan moratorium pembalakan dan melaksanakan kaedah Penyiasatan Awam sebagai syarat dalam prosedur penyahwartaan Hutan Simpan Kekal. Langkah ini diambil untuk memelihara hutan simpan dan biodiversiti.

Kadar perbandaran tinggi di Selangor merupakan cabaran untuk mengekalkan kelestarian termasuk dalam menghadapi risiko tanah runtuh. Taburan hujan yang tinggi mengakibatkan kemungkinan tanah runtuh dan banjir.

**CARTA 6.7****KAWASAN HUTAN SIMPANAN KEKAL DAN TANAH MENGIKUT NEGERI (HEKTAR) 2019**

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

**6.5.2 Strategi Utama****STRATEGI 11: Meningkatkan tahap perlindungan ke atas hutan dan biodiversiti**

Kerajaan Negeri dan PBT akan memberi penekanan kepada perlindungan hutan dan biodiversiti berbanding pembangunan ekonomi dan akan mengambil pendirian yang tegas untuk mengekalkan hutan simpan yang terdapat di negeri ini.

**STRATEGI 12: Mempromosikan penyelesaian berasaskan alam semula jadi ke arah peningkatan taraf biodiversiti**

NbS mempunyai kapasiti untuk memajukan kelestarian sejajar dengan peningkatan keperluan dalam pemuliharaan biodiversiti. Ia juga berkebolehan untuk mengelak kebergantungan terhadap infrastruktur yang terhad dan kebiasaannya tidak boleh dikitar semula.

Menambah baik dan mengekalkan sumber asli dalam projek dan pembangunan baharu serta sedia ada dapat membantu memastikan dan mewujudkan habitat bagi spesies terancam serta mengurangkan pelepasan karbon secara menyeluruh selain memulih dan mengekalkan keindahan estetik semula jadi yang akan memberi peningkatan bagi hasil ekonomi.

**STRATEGI 13: Meningkatkan biodiversiti bandar**

Biodiversiti bandar perlu dilaksanakan dan ditambah baik khususnya di sekitar Selangor apabila diambil kira kebanyakan keluasan tanah di Selangor terdiri daripada tanah yang telah dimajukan. Peningkatan dalam pembandaran perlu seiring dengan reka bentuk dan inisiatif yang bernaik untuk memastikan kelestarian kepelbagaiannya biologi di kawasan bandar terpelihara.



## 6.5.3 Senarai Projek, Program dan Inisiatif

Terdapat sembilan (9) PPI utama yang dikenal pasti untuk mempertingkatkan usaha negeri dalam memulihara biodiversiti dan sumber aslinya.



JADUAL 6.5

### Projek, Program dan Inisiatif Utama

### Penerangan Ringkas

Manfaatkan piawaian pasaran karbon sukarela sedia ada untuk sumber asli Selangor

Memohon kredit ofset karbon, kredit air dan kredit biodiversiti untuk sumber asli Selangor dalam meningkatkan perlindungan, memberikan penambahan dan menjana dana untuk negeri gunakan piawaian pasaran karbon sukarela sedia ada

Pewartaan kawasan sensitif alam sekitar untuk tanah kerajaan mengikut jenisnya

Mengenal pasti kawasan sensitif alam sekitar untuk diwartakan sebagai kawasan perlindungan dan mengekalkan komitmen dalam melindungi kawasan biodiversiti

Mengawal pembangunan di tanah gambut tertakluk kepada terma dan syaratnya yang ditetapkan oleh PBT & PBN

Mengekalkan baki tanah gambut yang ada dengan mengawal selia atau menghalang sebarang pembangunan

Mengelakkan aktiviti yang mengganggu kawasan tadahan dalam hutan

Mengehadkan pembangunan di kawasan tadahan air serta hulu tempat pengambilan air untuk mengelakkan gangguan dan pencemaran air

Penyelenggaraan sekurang-kurangnya 30% kawasan Hutan Simpan Kekal daripada jumlah keseluruhan tanah milik negeri

Baki kawasan hutan Selangor adalah 30% daripada tanah negeri dan mestilah dikekalkan agar sejajar dengan sasaran kebangsaan sebanyak 50%

Pelan Pengurusan Selangor Central Forest Spine (CFS) 2020-2029

Pembangunan, penyelenggaraan, pemeliharaan dan pemuliharaan saling berhubung kait kawasan hutan Semenanjung Malaysia untuk memastikan rangkaian fizikal hutan yang bersambung di seluruh wilayah CFS

Pelan Induk Pembangunan Taman Negeri Selangor

Menjana pelan induk pembangunan untuk Taman Negeri, memberi tumpuan kepada perlindungan dan penyelenggaraan ekologi, hidrologi, kualiti udara dan iklim serta pencegahan banjir dan tanah runtuh

Menekankan prinsip pembangunan lestari melalui pendekatan teknologi hijau

Lebih pertimbangan akan diberikan ke arah mengekalkan biodiversiti di kawasan bandar melalui prinsip reka bentuk lestari seperti mengehadkan ketinggian bangunan dan menggabungkan struktur dengan alam sekitar

Meningkatkan biodiversiti bandar melalui pembangunan kawasan hijau bandar

Peruntukan kawasan hijau mesti dibuat di semua pembangunan baharu di kawasan bandar untuk mengekalkan dan meningkatkan tahap biodiversiti bandar

## 6.6

# PROJEK, PROGRAM DAN INISIATIF 'CROSS CUTTING'

## Pendahuluan

Usaha ke arah meningkatkan kelestarian kebiasaan akan membawa hasil kepada ekosistem yang lebih baik bagi pembangunan mampan. Perubahan yang kecil juga mampu menghasilkan penambahbaikan dalam rantaian kelestarian alam sekitar. Contohnya, penggunaan loji WTE secara menyeluruh sebagai kaedah pelupusan alternatif dapat menambah jangka hayat tapak pelupusan selain mengurangkan kebergantungan terhadap bahan api fosil untuk menjana tenaga sekali gus dapat mengurangkan pelepasan GHG.

Sehubungan dengan itu, Kerajaan Negeri mesti memulakan inisiatif pembangunan lestari bagi memacu perubahan ke arah meningkatkan kelestarian alam sekitarnya. Kerajaan Negeri perlulah menjadi contoh dalam mengambil langkah-langkah sebagai peneraju perubahan sistemik penambahbaikan kelestarian. Enam (6) projek, program atau inisiatif telah dikenal pasti oleh Kerajaan Negeri untuk mencapai tema strategik pamacuan kelestarian.

## 6.6.1 Strategi Utama

### **STRATEGI 14: Negeri perintis bagi pembangunan dan tindakan kelestarian**

Selangor perlu menjadi negeri perintis dan mengambil inisiatif untuk menerajui perubahan dalam memacu kelestarian dengan merintis PPI tertentu yang berkaitan dengan semua aspek kelestarian alam sekitar. Ini boleh dicapai dengan mematuhi amalan dan matlamat SDG. Matlamat ini juga menyediakan rangka

kerja pembangunan kelestarian bagi bandar-bandar dari segi ekonomi, sosial, alam sekitar dan tadbir urus.

Selangor perlu menyediakan rangka kerja untuk dipatuhi setiap PBT dalam membangunkan semakan sendiri bagi mencapai matlamat SDG bersesuaian dengan lokaliti masing-masing. Bantuan juga harus disediakan dalam usaha ini untuk ke arah pamacuan kelestarian negeri Selangor.

## 6.6.2 Senarai Projek, Program dan Inisiatif

Lima (5) PPI telah dikenal pasti untuk pelaksanaan peningkatan kelestarian bagi agenda pembangunan oleh kerajaan negeri.



## JADUAL 6.6

### Projek, Program dan Inisiatif Utama

### Penerangan Ringkas

Semakan Subnasional Sukarela Selangor

Semakan Subnasional Sukarela (VSR) ialah pendekatan oleh Kerajaan Negeri Selangor untuk melaporkan, memantau dan menambah baik kemajuan pelaksanaan SDG di peringkat negeri

Mempromosikan bangunan hijau dalam mengurangkan impak karbon operasi di bangunan milik negeri

Menggunakan sistem IBS untuk projek pembangunan negeri yang baharu seperti Rumah Selangorku sebagai inisiatif perintis untuk penerimaan IBS yang lebih luas dalam negeri dan menggunakan amalan rendah karbon dalam fasa operasi dan pembangunan bangunan milik negeri

Pengelektrifikasiian *fleet* pengangkutan kerajaan

Untuk menggantikan semua *fleet* kerajaan pada akhir hayat perkhidmatan dengan kendaraan elektrik

Program kecekapan penggunaan air di premis entiti milik negeri dan kerajaan

Kerajaan akan menerajui kecekapan air dengan melabur dalam pendekatan kecekapan air, penuaan air hujan dan pengurangan penggunaan air di bangunan dan premis kerajaan yang dimiliki oleh entiti milik negeri

Geran Kecil Alam Sekitar (GKAS) dan Geran Kecil Teknologi Hijau (GKTH)

Menyediakan insentif kepada PKS dan MME untuk meningkatkan dan membuat inovasi industri dalam pemacuan kelestarian menggunakan teknologi hijau atau pendekatan mesra alam



---

07

---



---

**TS-4 TADBIR URUS  
S.M.A.R.T. DAN BERKESAN**

TS-4

## TADBIR URUS S.M.A.R.T. DAN BERKESAN

Amalan tadbir urus adalah penting dalam pentadbiran awam terutamanya ketika berdepan dengan persekitaran operasi yang sentiasa berubah dan tidak menentu. Antara teras tadbir urus yang sering ditekankan bagi memudahkan pembangunan negeri secara berkesan adalah perancangan dasar, pemantauan pencapaian, ketelusan dan kapasiti organisasi. Disebabkan keperluan rakyat dan perniagaan berubah mengikut aliran semasa, Selangor perlu menyepadukan pendekatan progresif dalam rangka kerja tadbir urus mengikut trend semasa. Dalam erti kata lain, kerajaan negeri harus

lebih berwawasan, mengamalkan dasar keterbukaan dan berasaskan data.

Terdapat lapan (8) elemen utama tadbir urus berkualiti yang harus diterapkan dalam pengurusan Kerajaan Negeri Selangor (Carta 7.1). Antaranya adalah kebijaksanaan secara kolektif, perkongsian dan pemerkasaan, pengurusan risiko, berfokuskan pelanggan dan kerajaan yang berintegrasi. Ia juga meliputi budaya organisasi dan kapasiti, ketelusan dan akauntabiliti, perancangan dan pemantauan pencapaian.



CARTA 7.1



Selangor mempunyai pelbagai pihak yang beroperasi untuk berkhidmat kepada rakyat dan disokong oleh kuasa perundangan negeri dalam melaksanakan mandat tersebut. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa cabaran yang perlu ditangani untuk mempertingkatkan mutu penyampaian perkhidmatan awam.

RS-1 berjaya mengenal pasti lima (5) bidang tumpuan, dua belas (12) strategi utama serta 50 projek, program dan inisiatif (PPI) untuk membentuk Kerajaan Negeri Selangor yang selaras, bertanggungjawab, produktif dan tangkas dalam menggalas mandatnya (Carta 7.2).

## CARTA 7.2

### Tema Strategik 4: Tadbir Urus S.M.A.R.T. dan Berkesan 5 Bidang Tumpuan, 12 Strategi Utama, 51 Projek, Program dan Inisiatif

Penjajaran Strategik Matlamat dan Dasar	Pengurusan Prestasi dan Akauntabiliti	Tenaga Kerja Awam yang Tangkas	Kemampunan Hasil	Transformasi Teknologi
<p><b>S1:</b> Mengurangkan pertindihan dalam peranan dan tanggungjawab untuk menambah baik sinergi</p> <p><b>S2:</b> Mempromosikan perancangan dan operasi yang selaras, kolaboratif dan menyeluruh di seluruh negeri</p> <p><b>S3:</b> Memperkuuhkan amalan dan penyejalan pengurusan risiko makro</p>	<p><b>S4:</b> Menginstitusikan mekanisme pemantauan, pengukuran prestasi dan pelaporan untuk menyampaikan hasil berimpak tinggi</p> <p><b>S5:</b> Meningkatkan kepercayaan dan keyakinan awam dengan berkomunikasi secara efektif dan berintegriti</p>	<p><b>S6:</b> Memacu pengurusan bakat dan pengurusan perubahan dalam sektor awam</p> <p><b>S7:</b> Meningkatkan kemajuan kerjaya tenaga kerja awam</p> <p><b>S8:</b> Menggalakkan kerjasama pihak berkepentingan yang kukuh untuk menyokong usaha pembangunan Kerajaan Negeri</p>	<p><b>S9:</b> Mempelbagaikan sumber pendapatan negeri untuk mengurangkan risiko tumpuan sumber hasil</p> <p><b>S10:</b> Meningkatkan prestasi hasil keseluruhan untuk menyokong perbelanjaan negeri</p>	<p><b>S11:</b> Meningkatkan kesedaran, kecekapan dan akses saksama untuk perkhidmatan digital Kerajaan Negeri</p> <p><b>S12:</b> Menggunakan data dan teknologi yang inovatif untuk menggubal dasar</p>





## 7.1 BIDANG TUMPUAN 1

# PENJAJARAN STRATEGIK MATLAMAT DAN DASAR

### Pendahuluan

Persekutuan yang dinamik membawa kesan kepada pelbagai ketidaktentuan dan ia sentiasa bertukar mengikut keadaan. Apabila adanya perbezaan matlamat, langkah dan usaha untuk menangani sesuatu masalah baharu juga akan berbeza. Oleh itu, terdapat penggunaan sumber, usaha dan masa yang tidak efisien sekali gus menyebabkan organisasi tidak mencapai objektif yang disasarkan secara berkesan. Oleh yang demikian, penjajaran matlamat dan dasar secara strategik adalah penting. Ia memerlukan kerjasama erat dan penyelarasian di antara pelbagai pihak berkepentingan, terutama sekali dalam keadaan dunia yang saling berhubungan. Selain daripada itu, pengurusan risiko berkaitan juga penting dan boleh menyebabkan Kerajaan Negeri gagal mencapai matlamat sekiranya ia tidak diuruskan dengan baik. Bidang tumpuan ini menggariskan tiga (3) strategi utama dan lapan (8) projek, program atau inisiatif (PPI) dalam memastikan Selangor mencapai objektifnya.

### 7.1.1 Isu dan Cabaran

Di Selangor, terdapat ruang untuk meningkatkan penjajaran matlamat dan perancangan strategik melalui kerjasama mendatar serta pengurangan pertindihan dalam peranan dan tanggungjawab. Pelbagai aspek dalam perancangan dan pelaksanaan juga boleh dipergiat untuk bergerak ke arah hala tuju yang sama. Ini termasuk komunikasi, perundangan, perancangan dasar dan amalan operasi (Carta 7.3). Sebagai contoh, interaksi dalaman dan antara agensi boleh ditambah baik untuk menyokong pelaksanaan inisiatif oleh Kerajaan Negeri.

Selari dengan keperluan untuk mengurus risiko secara proaktif, penyeliaan dan pengurusan risiko makro di peringkat negeri adalah kritikal untuk persediaan menghadapi sebarang kemungkinan. Pada masa ini, Selangor sedang berhadapan pelbagai risiko daripada cuaca ekstrem dan penyakit berjangkit (Carta 7.4). Di samping peningkatan risiko *cross-cutting*, pelbagai risiko diurus secara berasingan tanpa badan pengurusan risiko pusat di Selangor. Ini boleh mengakibatkan kekurangan dalam persediaan apabila risiko ini menjadi nyata dan akan memberi impak yang besar kepada aktiviti perniagaan dan kehidupan rakyat Selangor (Carta 7.5).

CARTA 7.3

**FOKUS UTAMA YANG MEMBERI IMPAK KEPADA PENJAJARAN DALAM FASA PERANCANGAN DAN PELAKSANAAN**

**CONTOH  
SPESIFIK**


KOMUNIKASI	PERUNDANGAN	PERANCANGAN DASAR	AMALAN PENGOPERASIAN
<p><b>Penglibatan Dalaman dan Pelbagai Agensi</b></p> <p>Komunikasi dan proses pendekatan <i>top-down</i> perlu dipergiatkan bagi mengukuhkan pelaksanaan inisiatif Kerajaan Negeri</p>	<p><b>Variasi Bidang Kuasa</b></p> <p>Pelaksanaan cenderung memberi fokus kepada pandangan asas terhadap sesuatu bidang secara spesifik berbanding pandangan holistik bagi menangani isu keseluruhan</p>	<p><b>Kepelbagaiannya Dokumen Dasar</b></p> <p>Terdapat pelbagai hala tuju bagi pelbagai sektor dan peringkat operasi yang tidak diselaraskan dengan matlamat dan objektif keseluruhan Kerajaan Negeri</p>	<p><b>Perbezaan Proses/ Prosedur</b></p> <p>Sebahagian proses pengoperasian atau sistem boleh diselaraskan bagi mengurangkan peringkat lapisan dalam memastikan amalan terbaik diadaptasikan di seluruh agensi</p>
<p>Mengadaptasi inisiatif digitalisasi bagi kesinambungan yang dipengaruhi komunikasi sebagai pra-syarat (sumber dan keperluan dana)</p>	<p>Isu berkaitan kualiti air, pengagihan air, dan pengurusan pembentukan saling berkait rapat tetapi diuruskan oleh pelbagai agensi</p>	<p>Terdapat pelbagai rancangan dan pelan tindakan yang berjalan dengan hala tuju tersendiri di peringkat negeri</p>	<p>Sistem penjejakan yang efektif seperti i-Sekat hanya diadaptasi di sebahagian PBT</p>

**IMPLIKASI: PENGGUNAAN SUMBER YANG KURANG EFISIEN, PELAKSANAAN KEJAYAAN PROJEK YANG RENDAH DAN KEBERHASILAN YANG KURANG MEMBERI IMPAK**



## CARTA 7.4

### JANGKAAN KEPELBAGAIAN RISIKO BERPERINGKAT



Sumber: World Economic Forum

## JADUAL 7.1

### RISIKO KEPADA BIDANG FOKUS, POLISI DAN PIHAK BERKUASA YANG RELEVAN BAGI PELAKSANAAN DI SELANGOR

Risiko Utama	Polisi Nasional Yang Sedia Ada	Pihak Berkuasa Negeri
<b>Tiada pusat penyeliaan untuk risiko</b>		
Bencana Alam	Majlis Keselamatan Negara Arah 20	<ul style="list-style-type: none"> <li>Unit Pengurusan Bencana</li> <li>PBT</li> </ul>
Kesihatan	Malaysia Strategy for Emerging Diseases and Public Health Emergencies (MySED)	<ul style="list-style-type: none"> <li>Jabatan Kesihatan Selangor</li> </ul>
Air	National Water Resources Policy	<ul style="list-style-type: none"> <li>LUAS</li> <li>Air Selangor</li> </ul>
Teknologi	Rangka Kerja Keselamatan Siber Sektor Awam (RAKKSSA)	<ul style="list-style-type: none"> <li>BPM</li> </ul>
Ekonomi	Diformulasi mengikut keperluan	<ul style="list-style-type: none"> <li>UPEN</li> </ul>

## CARTA 7.5

### CABARAN PELAKSANAAN DAN STATUS TERKINI DALAM RANTAIAN PROSES DI SELANGOR



## 7.1.2 Strategi Utama

### STRATEGI 1: Mengurangkan pertindihan dalam peranan dan tanggungjawab

Mengkaji semula struktur organisasi Kerajaan Negeri dan peranannya boleh membantu pentadbiran awam negeri untuk disesuaikan dengan keperluan rakyat yang kerap kali berubah, sambil mengurangkan birokrasi pentadbiran untuk meningkatkan kecekapan organisasi. Ini dengan segera membawa kepada penajaran objektif dan matlamat, penambahbaikan sinergi dan peningkatan produktiviti serta kualiti penyampaian perkhidmatan.

### STRATEGI 2: Mempromosikan perancangan dan operasi yang selaras, kolaboratif dan menyeluruh

Menyelaras objektif strategik serta proses operasi secara menegak dan mendatar termasuk menggalakkan perkongsian pengetahuan antara agensi akan membantu memecahkan amalan silo. Ini akan membantu membina sebuah kerajaan yang berintegrasi serta mempunyai penggubalan dan pelaksanaan dasar yang lebih baik di samping mewujudkan persekitaran perniagaan yang lebih kondusif.

### STRATEGI 3: Mengukuhkan amalan pengurusan dan penyeliaan risiko makro

Pemerkasaan Kerajaan Negeri dengan sebuah badan pengurusan risiko teras dan rangka kerja yang kukuh adalah penting dalam membantu mengenal pasti risiko makro daripada jangkaan kepada mitigasi merentasi keseluruhan sektor. Ini juga termasuk risiko berkaitan bencana alam, kesihatan, air, teknologi dan juga ekonomi. Strategi ini bertujuan untuk meningkatkan kesediaan dasar bagi mengatasi sebarang kemungkinan.

## 7.1.3 Senarai Projek, Program dan Inisiatif

Antara tujuh (7) PPI yang dikenal pasti di bawah bidang tumpuan ini, pemacu perubahan adalah termasuk penubuhan Jawatankuasa Pengurusan Risiko Berpusat (RMC).

### JADUAL 7.2

Projek, Program dan Inisiatif Utama	Penerangan Ringkas
Jawatankuasa Pengurusan Risiko Berpusat (RMC)	Jawatankuasa risiko teras yang ditugaskan untuk menjalankan perancangan risiko, analisis dan kolaborasi untuk menguruskan risiko makro cross-cutting dan ancaman menjangkau bencana di negeri Selangor
Semakan Tahunan Kemajuan bagi Rancangan Selangor Pertama (RS-1)	Menjalankan kitaran semakan semula RS-1 secara menyeluruh dengan laporan yang jelas, keutamaan, penetapan KPI, bajet berdasarkan keberhasilan, pelaksanaan dan pemantauan, penilaian hasil dan laporan awam untuk menggalakkan perancangan yang selaras dan pelaksanaan perancangan (lihat Rangka Kerja Penyampaian RS-1)
Platform Kolaborasi Dalaman PBT - SEPAKAT	Mewujudkan platform penglibatan secara maya yang membolehkan semua PBT untuk berkongsi berita terkini, idea inovatif dan amalan terbaik untuk menggalakkan kerjasama antara PBT yang mendatangkan hasil yang nyata
Kajian strategik peranan dan fungsi di seluruh Kerajaan Negeri	Menjalankan kajian organisasi secara berkala di peringkat Kerajaan Tempatan dan negeri termasuk keseluruhan entiti yang berkaitan. Ini termasuklah kajian terhadap bidang tumpuan, struktur dan fungsi tanggungjawab bagi setiap entiti yang bertujuan mengurangkan pertindihan dan menambah baik penggunaan sumber

**Projek, Program dan Inisiatif Utama****Penerangan Ringkas**

Semakan semula Rancangan Struktur Negeri Selangor

Melakukan semakan pertengahan penggal bagi perancangan seperti yang telah dinyatakan dalam Belanjawan Negeri Selangor 2022, termasuk kajian semula skop, bidang tumpuan dan keutamaan, untuk memenuhi hasil yang diharapkan

Penyediaan Rancangan Tempatan

Merangka pelan strategik untuk PBT yang berkaitan sebagai panduan secara menyeluruh tentang hala tuju dan perancangan melangkah ke hadapan

Mempercepat penggunaan platform berpusat untuk perolehan berkaitan teknologi maklumat

Mempercepatkan penggunaan platform berpusat untuk perolehan berkaitan teknologi maklumat dalam memastikan keseragaman spesifikasi dan pengurangan kos

Memperluas sistem i-Sekat kepada semua PBT

Menyediakan sokongan pelaksanaan untuk membolehkan semua PBT menerima pakai sistem yang mengesan tunggakan secara konsisten, termasuk cukai taksiran, sewaan, kompaun dan denda dengan hanya menggunakan nombor MyKad atau nombor pendaftaran perniagaan

**PEMACU PERUBAHAN 14****JAWATANKUASA PENGURUSAN RISIKO BERPUSAT (RMC)****OBJKTIF**

Menubuhkan jawatankuasa pengurusan risiko teras untuk menjalankan perancangan risiko, analisis dan kerjasama untuk mengurus risiko dan ancaman makro di seluruh negeri, melangkaui bencana. Pandangan menyeluruh dan penyelarasannya pusat adalah penting untuk membolehkan penjajaran dalam kesediaan dasar untuk mengurangkan risiko dan menangani cabaran pelaksanaan untuk tindak balas yang tepat pada masanya

**SOROTAN UTAMA**

- Menubuhkan Jawatankuasa Pengurusan Risiko Berpusat untuk mengukuhkan pengurusan risiko sebelum kejadian:
  - Bidang risiko utama yang perlu dipantau akan meliputi risiko ekonomi (termasuk risiko fiskal), bencana, kesihatan, air dan risiko teknologi.
  - RMC untuk menyelia proses pengurusan risiko bagi bidang risiko utama. Ini termasuk mengenal pasti risiko, analisis, keutamaan, membangunkan langkah pengurusan risiko, melaksanakan langkah dan hasil pemantauan
  - Proses pengurusan risiko akan menjadi sebahagian daripada latihan sebelum kejadian untuk menjangka dan mengurangkan risiko semasa dan selepas kejadian
  - Kekerapan mesyuarat perlu dilakukan pada setiap suku tahun
- Untuk mengurangkan risiko kolaborasi semasa dan pasca insiden, peranan dan tanggungjawab bagi pihak berkaitan harus digariskan dengan jelas. Dasar negara akan kekal sebagai panduan arahan dalam tindak balas kecemasan

**JANGKA MASA**

2H 2022 (persediaan) – 2023 (beroperasi)

**HASIL**

Peningkatan kesediaan untuk memastikan tindak balas yang lebih cepat terhadap ancaman, membolehkan pemulihan yang lebih cepat dan meminimumkan kesan buruk kepada rakyat dan perniagaan





## 7.2 BIDANG TUMPUAN 2

### PENGURUSAN PRESTASI DAN AKAUNTABILITI

#### Pendahuluan

Prestasi sektor kerajaan dan akauntabiliti sering menjadi perhatian awam sama seperti organisasi yang lain kerana ia melibatkan rakyat, pelabur dan pihak berkepentingan lain dalam negeri. Pengurusan prestasi di Selangor boleh dipertingkatkan dari segi perancangan prestasi, pemantauan pelaksanaan dan pelaporan.

Walau bagaimanapun, ia tidak memadai jika pengurusan pencapaian hanya di peringkat dalaman sahaja kerana akauntabiliti juga harus ditonjolkan kepada pihak berkepentingan negeri. Kebiasaannya, pelaporan awam tentang pencapaian negeri sahaja mungkin tidak mencukupi untuk mempamerkan tahap akauntabiliti. Kuncinya terletak pada cara penyampaian keputusan, tindakan dan hasil. Komunikasi boleh dijadikan medium bagi Kerajaan Negeri untuk menyampaikan komitmen serta membina keyakinan orang awam khususnya dengan penggunaan media sosial yang meluas di era digital ini.

Sehubungan itu, RS-1 memperkenalkan dua (2) strategi utama dan sembilan (9) PPI untuk menilai semula rangka kerja, proses dan mekanisme untuk menambahbaik pengurusan pencapaian dan akauntabiliti.

#### 7.2.1 Isu dan Cabaran

Mekanisme pengukuran prestasi sedia ada di Selangor boleh mendapat manfaat yang lebih besar melalui penambahbaikan penyeragaman dan proses yang lebih formal. Pada masa ini, penetapan KPI dalam fasa perancangan prestasi agak tidak seragam di peringkat pentadbiran yang berbeza di dalam negeri. KPI berasaskan proses perlu diubah kepada KPI berasaskan hasil untuk mengukur impak inisiatif awam untuk rakyat, perniagaan dan kerajaan.

Dari segi pelaksanaan, unit pemantauan berpusat dan pemilik projek yang dikenal pasti secara jelas adalah penting untuk mengelakkan risiko pelaporan secara selektif dan ketidakpatuhan. Penubuhan *Selangor Implementation and Performance Monitoring Unit (SIAP)* yang diumumkan dalam Belanjawan Negeri Selangor 2022 dilihat sebagai langkah yang positif. Akhir sekali, pelaporan juga merupakan sebahagian daripada pengurusan prestasi yang efektif. Perkhidmatan awam juga dilihat perlu beralih kepada pelaporan digital bagi mempercepatkan proses dan membantu mengurangkan kekangan yang dialami oleh sistem tradisional berdasarkan kertas.

Keterlibatan melalui media sosial secara proaktif oleh semua pihak iaitu agensi kerajaan, PBT dan anak syarikat kerajaan negeri amat diperlukan bagi menangani isu berkaitan rakyat terutama isu infrastruktur dan kemudahan awam serta pengurusan sisa. Ini akan membantu meningkatkan hubungan antara rakyat selaku pembayar cukai dan Kerajaan Negeri serta membina keyakinan dan kepercayaan terhadap perkhidmatan yang diberikan kepada rakyat.



## 7.2.2 Strategi Utama

### STRATEGI 4: Menginstitusikan mekanisme pemantauan, pengukuran prestasi dan pelaporan

Strategi ini bertujuan untuk memperkasakan disiplin dalam pemantauan, pengukuran prestasi dan penyediaan laporan yang telus, relevan dan efisien. Ia juga akan menerapkan pendekatan yang sistematis dan analitikal untuk mengenal pasti bidang keutamaan bagi penambahbaikan dengan mengambil kira pandangan awam. Penambahbaikan ini akan membantu Kerajaan Negeri untuk mendapat kejayaan dalam pelaksanaan dasar dan meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan.

### STRATEGI 5: Meningkatkan kepercayaan dan keyakinan awam dengan berkomunikasi secara efektif dan berintegriti

Membina asas kepercayaan yang kukuh terhadap kerajaan akan membolehkan institusi Kerajaan Negeri beroperasi secara berkesan, meluaskan jangkauan inisiatif serta meningkatkan kerjasama dan penglibatan awam. Ini akan meningkatkan sentimen awam secara keseluruhan.



## 7.2.3 Senarai Projek, Program dan Inisiatif

Sembilan (9) PPI telah dikenal pasti di bawah tumpuan ini untuk Selangor menambah baik pengurusan prestasi dan akauntabiliti.

**JADUAL 7.3**

Projek, Program dan Inisiatif Utama	Penerangan Ringkas
Penambahbaikan laman web dan media sosial Kerajaan Negeri	Penyusunan semula informasi dan pengemudian laman web negeri secara strategik serta membangunkan kandungan media sosial yang lebih berinteraktif pada saluran komunikasi utama untuk menambah baik kebolehgunaan dan meningkatkan pemahaman awam berkaitan dasar informasi, tindakan dan keputusan
Real-Time Monitoring and Reporting System (RMRS)	Membina sistem integrasi berpusat yang merekodkan maklumat projek dan inisiatif negeri (bermula daripada permohonan dan kelulusan, permohonan dan pengagihan belanjawan serta untuk kemajuan dan hasil) yang akan diringkaskan dalam paparan kemajuan status prestasi secara langsung bagi membolehkan pengukuran prestasi dan laporan dapat disediakan
Penerbitan Laporan Tahunan Rasmi Negeri	Membentangkan prestasi negeri kepada masyarakat umum termasuk kedudukan fiskal, ekonomi, sosial dan prestasi kelestarian di bawah RS-1 untuk mempamerkan akauntabiliti, meningkatkan tahap ketelusan dan keyakinan awam
Penggunaan kriteria S.M.A.R.T. dalam penetapan KPI untuk inisiatif RS-1	Menggunakan kriteria S.M.A.R.T. ( <i>Specific, Measurable, Achievable, Relevant, Timely</i> ) dalam memastikan KPI untuk projek utama ditetapkan serta menggunakan rangka kerja yang konsisten
MURNInets 2.0	Mengekalkan pengemaskinian untuk " <i>Malaysian Urban Rural National Indicators Network for Sustainable Development</i> " dalam menilai kemajuan pembangunan lestari di kawasan PBT
Membentuk Petunjuk Persepsi Tadbir Urus Negeri	Membangunkan dan melancarkan indeks untuk mengukur kepuasan awam dan sasaran kerajaan negeri dari segi pentadbiran sektor awam, tadbir urus politik, perolehan awam, prosiding kehakiman/perundangan, kedaulatan undang-undang dan suara serta akauntabiliti untuk mengesahkan penilaian prestasi secara keseluruhan dan memacu peningkatan prestasi
Memperluaskan perancangan belanjawan tahunan dan pelaksanaan melalui konsultasi awam	Mendapat maklum balas mengenai reka bentuk dan keberkesanan langkah melalui penglibatan aktif bersama sektor swasta dan awam untuk membentuk kepercayaan awam dan pemahaman dasar
Polisi Integriti dan Tadbir Urus Anak Syarikat MBI	Mempercepatkan pelaksanaan dasar yang dikenal pasti pada keseluruhan Anak Syarikat Negeri bagi mengukuhkan integriti
Pemantapan program di bawah Pelan Antirasuah Organisasi (OACP)	Memastikan pelancaran pelan tindakan pencegahan rasuah merentasi Kerajaan Negeri dilaksanakan mengikut OACP bagi mengukuhkan integriti anggota jabatan dan agensi negeri



## 7.3 BIDANG TUMPUAN 3

### TENAGA KERJA AWAM TANGKAS

#### Pendahuluan

Kerajaan yang efektif bergantung kepada tenaga kerja yang tangkas dan dinamik, terutamanya dalam persekitaran yang serba pantas. Keupayaan sesebuah pentadbiran bertindak pantas akan bergantung kepada keupayaan tenaga kerja untuk mengemudi pelbagai situasi, terutama di luar jangka.

Berdasarkan tinjauan Pelan Tindakan Smart Selangor yang dijalankan pada tahun 2020, rakyat Selangor telah meletakkan perkhidmatan kerajaan sebagai keutamaan ke-lapan (8) iaitu menyediakan perkhidmatan kerajaan yang responsif kepada semua rakyat (Jadual 7.4). Oleh yang demikian, Kerajaan Negeri Selangor boleh menambah baik lagi aspek ini dengan memenuhi keperluan masyarakat dan perniagaan. Oleh sebab itu, adalah penting bagi tenaga kerja awam supaya membina perkongsian yang mampan dengan setiap pihak berkepentingan untuk masa hadapan.

Bagi menambah baik kualiti penyampaian perkhidmatan oleh Kerajaan Negeri, transformasi tenaga kerja perlu dimulakan secepat mungkin. Bidang tumpuan ini mempunyai tiga (3) strategi utama dan sepuluh (10) projek, program atau inisiatif untuk memacu transformasi tersebut.

#### JADUAL 7.4

#### KAJI SELIDIK PELAN TINDAKAN SMART SELANGOR 2020: KEUTAMAAN RAKYAT

1. Pendidikan yang menyediakan rakyat ke arah pendigitalan
2. Tiada gangguan bekalan air di seluruh kawasan
3. Selangor Negeri Hijau dan Bersih
4. Rakyat yang makmur dan sihat dengan kesejahteraan yang lebih baik
5. Rakyat berasa selamat bagi setiap masa dan tempat
6. Mengurangkan sisa domestik di Selangor
7. Mengurangkan perubahan iklim dengan menjadi Negeri Rendah Karbon
8. **Menyediakan perkhidmatan kerajaan yang responsif kepada semua rakyat** dan senang diakses pada setiap masa dan tempat.  
Menyediakan operasi kemudahan awam yang diselenggara sebaiknya
9. Menyediakan pengangkutan awam yang efisien dan menjadi pilihan pengangkutan utama bagi semua
10. Mempermudahkan rakyat dalam mencari peluang pekerjaan dan perniagaan
11. Mempermudahkan rakyat dan perniagaan untuk menceburi ekonomi digital berlandaskan inovasi
12. Menjadikan Selangor sebagai destinasi utama bagi Kesenian, Kebudayaan dan Pelancongan

Nota: Nombor responden - 51,515. Kaji Selidik dikendalikan oleh SSDU di antara Suku Tahun Pertama - Suku Tahun Ketiga

Sumber: Pelan Tindakan Smart Selangor

### 7.3.1 Isu dan Cabaran

Cabaran utama yang dihadapi dalam memupuk tenaga kerja awam Selangor termasuk aspek penyediaan bakat, peningkatan kemahiran dan pembangunan kerjaya.

Pengambilan bakat dan penugasan peranan dalam sektor awam boleh mendapat manfaat daripada penekanan yang besar kepada kecekapan teknikal, pengalaman praktikal dan padanan kemahiran. Proses mewujudkan peranan pekerjaan baharu juga boleh dipermudahkan untuk membolehkan kemahiran pekerjaan baru muncul seiring dengan permintaan yang diperlukan untuk menyokong analisis, keputusan dan komunikasi dasar. Dengan itu, jurang kemahiran sedia ada adalah jelas dari segi kemahiran perniagaan, kemahiran insaniah serta kecekapan teknikal. Laluan pembangunan kerjaya yang unik dan diiktiraf untuk kakitangan kerajaan, termasuk kemajuan pekerjaan dan insertif, juga perlu diterokai untuk memotivasi tenaga kerja dalam melaksanakan peranan mereka dengan lebih berkesan.

Selangor sebagai negeri yang mempunyai daya tarikan untuk para pelabur dan sesuai didiami boleh memperoleh lebih banyak manfaat melalui peningkatan jalinan kerjasama dan jangkaan atau harapan daripada pihak berkepentingan. Manakala jalinan kerjasama dengan sektor swasta umumnya lebih mantap, kerjasama dengan masyarakat awam cenderung bersifat kurang formal, dengan kerajaan negeri menyediakan bantuan kewangan.

### 7.3.2 Strategi Utama

#### **STRATEGI 6: Memacu pengurusan bakat dan pengurusan perubahan dalam sektor awam**

Strategi ini bertujuan untuk memperkasakan tenaga kerja awam dengan memperkenalkan kemahiran bagi masa hadapan untuk meningkatkan kesesuaian berdasarkan keperluan rakyat yang semakin berkembang serta untuk melengkapkan kakitangan kerajaan dengan penyediaan dan pengetahuan yang bersesuaian untuk berkembang maju dalam landskap yang pantas berubah. Ini akan menyemai sasaran yang lebih mendalam dalam tenaga kerja dan meningkatkan keupayaan untuk berpandangan jauh berkaitan dengan keperluan rakyat dan akhirnya membantu Kerajaan Negeri untuk mewujudkan dasar.

#### **STRATEGI 7: Meningkatkan kerjaya bagi tenaga kerja awam**

Strategi ini bertujuan untuk mendorong permintaan bagi laluan kerjaya profesional dan kualiti kerja yang diperlukan untuk kemajuan kerjaya, serta memberi motivasi kepada kakitangan awam untuk meneroka peluang bagi memikul tanggungjawab baharu dan berusaha untuk mencapai kecemerlangan. Melengkapkan tenaga kerja dengan pengalaman, kemahiran insaniah dan matlamat kerjaya yang jelas boleh mewujudkan kepuasan pekerjaan yang lebih besar dan meningkatkan produktiviti secara keseluruhan dalam tenaga kerja awam.

#### **STRATEGI 8: Menggalakkan kerjasama pihak berkepentingan yang kukuh untuk menyokong usaha pembangunan Kerajaan Negeri**

Memupuk hubungan kerjasama formal bersama sektor swasta dan masyarakat awam dalam membangun dan melaksanakan projek teras bagi membantu membuka peluang yang luas untuk manfaat kesemua pihak. Ini akan menyumbang ke arah memaksimumkan pulangan ekonomi dan sosial daripada pelbagai projek dan dasar Kerajaan Negeri.



### 7.3.3 Senarai Projek, Program dan Inisiatif

Terdapat sepuluh (10) PPI secara keseluruhan dan dua (2) pemacu perubahan, iaitu penubuhan *Intelligence Analytics Unit* (IAU) Negeri yang berdedikasi dan pelaksanaan Perkongsian Awam-Swasta-Sivil (PPCP).

#### JADUAL 7.5

Projek, Program dan Inisiatif Utama	Penerangan Ringkas
Menubuhkan <i>Intelligence Analytics Unit</i> (IAU) negeri	Menubuhkan pasukan pakar teknikal untuk menyelidik, memproses, menganalisis dan memperoleh kecerdasan kritis dan pandangan daripada kerajaan negeri yang kaya dengan data terbuka dan besar untuk memaklumkan keputusan dan tindakan dasar
Kerjasama Awam-Swasta-Sivil (PPCP)	Memperkenalkan rangka kerja kerjasama formal dengan masyarakat awam yang akan merangkumi platform untuk cadangan, persetujuan, perbincangan dan inkubasi kepada projek perintis untuk menyokong penyelesaian dasar yang lebih luas dan inovatif berasaskan komuniti
Skim <i>Cross-Fertilisation</i>	Membolehkan tenaga kerja bergerak merentas jabatan di dalam organisasi dengan peranan yang berbeza atau merentas organisasi luaran (jabatan negeri, PBT, sektor swasta) melalui <i>secondments/attachments</i> untuk menggalakkan perkembangan pengetahuan dan kepelbagaiannya set kemahiran
Sistem Pemadanan Kemahiran-Kerjaya Dalaman	Menyediakan platform kerjaya dalaman yang memperkasakan penjawat awam untuk menjelajah bidang tugas pilihan dan tahap kemahiran yang diperlukan. Ini dapat membantu tenaga kerja untuk meningkatkan kemahiran bagi transisi sasaran dalam kemajuan kerjaya
Membangunkan Analisis Manfaat-Kos dan Rangka Kerja Penilaian Impak	Memperkenalkan pendekatan yang seragam dan sistematik untuk objektif menimbangtarai kedua-dua kos jangka pendek dan panjang serta faedah dan nilai kesan inisiatif yang sedang dicadangkan dalam negeri Selangor untuk menyokong potensi kerjasama dengan pihak berkepentingan yang berbeza dan memaklumkan keputusan kelulusan
<i>Digital Accelerator</i>	Mewujudkan peranan khusus dan melantik pakar dalaman untuk mengenal pasti dan meningkatkan penggunaan teknologi digital dalam proses kerja sehari-hari
Memperkenalkan program latihan berasaskan keberhasilan untuk kemahiran permintaan tinggi	Menyediakan program yang merangkumi modul daripada tahap asas sehingga tahap tertinggi berdasarkan keperluan baharu seperti kemahiran rundingan, komunikasi strategik, sains data, pengkomputeran awan. Pembelajaran daripada program akan diterapkan di tempat kerja untuk menyampaikan hasil yang nyata
Forum Penglibatan dan Pertukaran Pekerja Seluruh Negeri	Memulakan platform perjumpaan atas talian yang terbuka dan konstruktif bersama tenaga kerja awam berfokuskan peningkatan pemahaman mereka tentang peralihan hala tuju strategik dan budaya, sasaran dan kesesuaian dengan pelaksanaan untuk memacu perubahan secara berkesan di seluruh negeri
Program Mentor-Mentee	Menjalankan rundingan berkala dan berstruktur antara mentor dan mentee mengenai perancangan untuk kemajuan kerjaya, prestasi kerja, pembangunan kepimpinan dan pemeriksaan ke atas kesejahteraan umum
Semakan peningkatan tahap kerjaya dan rangka kerja pengurusan prestasi	Menjalankan semakan berkala terhadap kriteria kemajuan kerjaya dan persediaan, metrik prestasi dan insentif yang sepadan serta penyelesaian isu untuk memberikan penerangan dan ketelusan dalam hala tuju pembangunan kerjaya awam

## PEMACU PERUBAHAN 15



### INTELLIGENCE ANALYTICS UNIT (IAU) NEGERI

**OBJKTIF** Menubuhkan pasukan pakar teknikal untuk menyelidik, memproses, menganalisis dan memperoleh kecerdasan kritikal dan pandangan daripada Kerajaan Negeri yang kaya dengan data terbuka dan besar untuk memaklumkan keputusan dan tindakan dasar

**SOROTAN UTAMA**

- IAU dibentuk untuk menilai keperluan peranan pekerjaan kritikal negeri berhubung dengan keperluan yang wujud. Unit ini merangkumi peranan seperti:
  - Saintis data
  - Ahli ekonomi tingkah laku
  - Ahli strategi komunikasi
  - Penganalisis risiko
- Penciptaan peranan pekerjaan yang dipermudahkan oleh agensi persekutuan (JPA dan SPA). Pasukan lain yang berkaitan (sebagai contoh: BPM, UPBN dan STANDCO Komunikasi Strategik) untuk memberi panduan tentang skop kerja dan keperluan kemahiran

**JANGKA MASA**

- 2H 2022: Penggubalan objektif IAU, skop kerja dan struktur
- 2022-2023: Permulaan program pengambilan dan latihan

**HASIL**

- Pendekatan berasaskan data dan strategik untuk merumus, berkomunikasi dan menilai dasar awam
- Keupayaan dipertingkat untuk menyampaikan dasar yang disasarkan





## PEMACU PERUBAHAN 16



### PERKONGSIAN AWAM-SWASTA-SIVIL (PPCP)

#### OBJEKTIF

Mewujudkan rangka kerja kerjasama formal dengan masyarakat civil yang akan merangkumi platform untuk cadangan, perjanjian, perbincangan dan inkubasi untuk projek perintis untuk menyokong penyelesaian dasar berdasarkan komuniti yang inovatif dan lebih luas

#### SOROTAN UTAMA

PPCP boleh merangkumi dua pendekatan:

- Projek berdasarkan komuniti yang dicipta-citakan atau dimulakan oleh masyarakat civil
- Penglibatan formal masyarakat civil dalam PPP untuk mendapatkan sokongan-sokongan dan kerjasama dalam projek sektor swasta

Bagi pendekatan berdasarkan komuniti:

- Memandangkan ia di peringkat baru, Selangor boleh bermula dengan inisiatif perintis untuk projek kemampunan dan pelancongan berimpak tinggi terpilih di bawah RS-1 dengan melibatkan pemimpin masyarakat. Struktur dan proses boleh diperhalusi dan dipertingkatkan apabila pelaksanaan berjaya
- Dari segi pembiayaan, projek ini boleh:
  - Manfaatkan pembiayaan alternatif, seperti *crowdfunding, P2P lending dan matchfunding*
  - Menarik minat pelabur jika cadangan boleh menjana pulangan komersial dan
  - Mendapatkan dana fiskal yang diperuntukkan khas untuk cadangan berdasarkan komuniti (Belanjawan Rakyat)

#### JANGKA MASA

- 2H 2022: Menerokai rangka kerja yang disediakan
- 2H 2023 dan seterusnya: Projek perintis dengan inisiatif RS-1 yang terpilih

#### HASIL

- Melancarkan inisiatif berdasarkan komuniti yang memberi kesan akan memaksimumkan pulangan sosial
- Peningkatan kerjasama antara Kerajaan, sektor swasta dan masyarakat civil

## 7.4 BIDANG TUMPUAN 4

### KEMAMPANAN HASIL

#### Pendahuluan

Kemelut ekonomi akibat pandemik COVID-19 menyebabkan pengenalan langkah-langkah rangsangan fiskal berskala besar. Dalam proses membina semula ekonomi, Kerajaan Negeri mesti terus berwaspada dalam menjaga daya tahan fiskal jangka sederhana untuk menyokong keperluan pembangunan masa hadapan.

Sejak bermulanya COVID-19, pertumbuhan hasil negeri menyusut disebabkan oleh pengurangan bayaran dan pengecualian yang ditawarkan. Dari segi komposisi, lebih separuh daripada hasil negeri adalah hasil bukan cukai (Carta 7.6), terutamanya premium tanah (Carta 7.7), yang menyebabkan peningkatan tumpuan risiko dari segi sumber pendapatan.

Bidang tumpuan ini menggariskan dua (2) strategi utama dan sepuluh (10) projek, program atau inisiatif untuk meningkatkan kemampuan hasil Selangor untuk menyokong pemuliharaan negeri dan pembangunan masa depan.

#### 7.4.1 Isu dan Cabaran

RS-1 telah mengenal pasti beberapa aspek yang telah menyumbang kepada situasi hasil yang mencabar di Selangor, merangkumi terutamanya isu kutipan, ketirisan dan tunggakan.

Pertama, isu kutipan boleh timbul daripada kurangnya kesedaran orang ramai, terutamanya mengenai cukai tanah dan cukai taksiran di daerah dan beberapa kawasan pihak berkuasa tempatan serta kekurangan tanah untuk pembangunan yang menghadkan kutipan premium tanah.

Tambahan pula, terdapat potensi untuk menambahbaik sumbangan daripada Anak Syarikat Negeri (GLC) sebagai balasan untuk suntikan fiskal awal Kerajaan Negeri ke dalam pelaburan yang berkaitan.

Kedua, beberapa faktor yang menyumbang kepada ketirisan hasil termasuk cukai tidak seragam dan proses hapus kira merentas PBT dan kehilangan bayaran permit dan pelesenan disebabkan oleh aktiviti haram berterusan seperti penerokaan dan pencerobohan hutan tanpa kebenaran serta penggunaan tanah yang tidak mengikut lunas undang-undang. Ketiga, tunggakan berkaitan tanah oleh Anak Syarikat Negeri turut menyumbang kepada penurunan pendapatan negeri.


#### 7.4.2 Strategi Utama

##### **STRATEGI 9: Mempelbagaikan sumber pendapatan negeri**


Mempelbagaikan aliran hasil negeri akan membantu kemampuan fiskal Selangor dengan meminimumkan risiko penumpuan dan mengurangkan kebergantungan pada mana-mana sumber pendapatan tunggal.

##### **STRATEGI 10: Meningkatkan prestasi hasil keseluruhan**

Strategi ini bertujuan untuk memaksimumkan kutipan pada sumber dan hasil sedia ada dengan mengenal pasti jurang yang menyumbang kepada kerugian hasil yang tidak diingini. Ini akan membantu meningkatkan pembayaran cukai dan pematuhan, dan memastikan aliran hasil yang mampan untuk menyokong keperluan pembangunan negeri.

**CARTA 7.6**
**PECAHAN HASIL BAGI NEGERI SELANGOR (2017-2020)**


Sumber: Penyata Kewangan Negeri Selangor

**CARTA 7.7**
**PECAHAN HASIL BUKAN CUKAI, % (2019)**


Sumber: Penyata Kewangan Negeri Selangor

## 7.4.3 Senarai Projek, Program dan Inisiatif

Secara keseluruhan, terdapat sepuluh (10) PPI di bawah bidang tumpuan ini.

**JADUAL 7.6**

Projek, Program dan Inisiatif Utama	Penerangan Ringkas
Membangunkan rangka kerja formal pembayaran dividen daripada Anak Syarikat Negeri	Membangunkan rangka kerja untuk menentukan kriteria bagi kadar bayaran dividen atau sumbangan daripada Anak Syarikat Negeri
Memperkuuh kesedaran Anak Syarikat Negeri bagi penyelesaian tunggakan cukai	Memperkuuh pasukan petugas sedia ada Anak Syarikat Negeri untuk memastikan pembayaran cukai yang berkaitan terutamanya cukai tanah, dilakukan pada masa yang ditetapkan kepada pihak berkuasa yang berkaitan
Membina Model Pelaburan Berdaya Tahan berdasarkan pasaran	Menggunakan Ekuiti, Sukuk atau Model Seimbang untuk menjana pulangan seperti yang dinyatakan dalam Pelan Strategik Perbendaharaan Negeri
Mengguna pakai model PPP untuk meningkatkan nilai harta tanah negeri dan meningkatkan pendapatan sewa	Bekerjasama dengan pihak swasta untuk membangunkan aset negeri atau meningkatkan pembangunan sekitar harta tanah negeri untuk meningkatkan daya tarikan bagi tujuan penyewaan
Mensyaratkan tiada tunggakan cukai untuk pembaharuan lesen perniagaan	Menggantung pembaharuan lesen perniagaan bagi firma yang mempunyai tunggakan cukai bagi memastikan pembayaran tepat pada masanya
Mengguna pakai <i>nudge economics</i> untuk mengurangkan tunggakan cukai dan menambah baik kutipan penalti	Menggunakan kajian tingkah laku untuk mempengaruhi corak pembayaran individual atau perniagaan untuk peningkatan kutipan mengikut masa yang ditetapkan
Kempen Kesedaran Cukai PDT dan PBT	Memperkemaskan usaha di seluruh PDT dan PBT untuk meningkatkan kesedaran dan pemahaman orang ramai tentang pelbagai jenis cukai terutamanya Cukai Petak untuk menambahbaik hasil kutipan
Mewujudkan garis panduan seragam mengenai proses dan prosedur hapus kira untuk PBT	Memperkenalkan senarai semak seragam bagi semua PBT untuk digunakan dalam penilaian hapus kira bagi mengurangkan ketirisan
Mengenal pasti aktiviti haram secara inovatif menggunakan data dan teknologi	Manfaatkan teknologi moden dan sistem untuk berkongsi maklumat dan membentuk pangkalan data jenayah berkaitan pelanggaran undang-undang seperti penggunaan tanah yang tidak mengikut syarat nyata oleh perniagaan dan individu, bagi meningkatkan kutipan hasil (contohnya melalui pungutan penalti dan permit khas)
Melaksanakan tindakan penguatkuasaan di bawah Program Pemutihan Kilang Tanpa Kebenaran	Melakukan aktiviti pemantauan dan penguatkuasaan bagi kilang yang dikenal pasti melalui program untuk memastikan ketirisan dapat dikurangkan dan penjanaan hasil yang sesuai daripada aktiviti permohonan mengubah kategori kegunaan tanah serta meminda syarat nyata tanah



## 7.5 BIDANG TUMPUAN 5 TRANSFORMASI TEKNOLOGI

### Pendahuluan

Istilah pendigitalan tidak asing bagi masyarakat hari ini. Dalam konteks amalan tadbir urus negeri, keupayaan untuk memanfaatkan kuasa teknologi boleh mengubah penyampaian perkhidmatan awam. Ia bukan sahaja meningkatkan kecekapan perkhidmatan dan memacu penggunaan data dalam penggubalan dasar tetapi ianya juga boleh merentasi jangkauan meluas kepada orang ramai dan meningkatkan kemudahan menjalankan perkhidmatan.

Di Selangor, kira-kira 76% perkhidmatan kerajaan telah menjalani proses digitalisasi sepenuhnya daripada hujung ke hujung dengan potensi untuk diperluaskan. Peratusan ini adalah jauh lebih tinggi berbanding purata kebangsaan sekitar 57%. Proses transformasi digital sektor awam di Selangor boleh dipercepatkan dengan menangani beberapa halangan asas dalam pelaksanaannya.

Dalam hal ini, bidang tumpuan ini mengetengahkan dua (2) strategi dan empat belas (14) projek, program atau inisiatif untuk memacu usaha dan aspirasi transformasi teknologi negeri.

### 7.5.1 Isu dan Cabaran

Dari sudut pentadbiran awam, terdapat cabaran dalam proses penyampaian perkhidmatan kerajaan secara digital di mana kelulusan lebih cenderung dilakukan secara manual disebabkan oleh keperluan undang-undang. Sistem dalaman semasa juga agak ketinggalan disebabkan masih wujud jurang besar berkaitan dengan transformasi digital. Bakat dan infrastruktur yang kurang mencukupi, minda dan tentangan tenaga kerja dan cabaran peraturan bagi tujuan integrasi pangkalan data dan perkongsian

data dalam sektor awam merupakan antara kekangan transformasi teknologi di negeri Selangor.

Dari perspektif permintaan perkhidmatan, terdapat keperluan untuk memastikan ketersediaan dan kesedaran tenaga kerja bagi menerima perkhidmatan kerajaan digital. Perkhidmatan sedia ada mungkin menghadapi isu berkaitan dengan jangkauan, penggunaan dan penglibatan pengguna terutamanya di kawasan yang kurang mendapat perkhidmatan. Sebagai contoh pelbagai aplikasi mudah-alih negeri Selangor menyediakan fungsi penting tetapi juga mewakili titik sentuh yang tidak sekata untuk pengguna. Akhirnya, kadar penggunaan yang rendah akan mengakibatkan kesan kepada penggunaan sumber yang tidak cekap; jangkauan perkhidmatan yang rendah bermakna akses yang tidak saksama kepada perkhidmatan kerajaan.

### 7.5.2 Strategi Utama

#### STRATEGI 11: Meningkatkan kesedaran, kecekapan dan akses saksama untuk perkhidmatan digital Kerajaan Negeri

Strategi ini bertujuan untuk memaksimumkan penggunaan dan keupayaan orang awam untuk menggunakan perkhidmatan dalam talian sedia ada dengan cekap. Ini akan membawa kepada penyampaian perkhidmatan yang lebih cekap dan jangkauan perkhidmatan kerajaan yang lebih meluas.

#### STRATEGI 12: Menggunakan data dan teknologi yang inovatif untuk menggubal dasar

Dasar dan insentif mesra pelabur akan diperkasakan bagi memastikan Selangor menjadi destinasi pelaburan utama bagi sektor ini. Tumpuan juga akan diberikan bagi melahirkan lebih ramai individu berkemahiran tinggi dalam sektor pelabuhan dan logistik bagi memenuhi keperluan industri pada masa depan.

### 7.5.3 Senarai Projek, Program dan Inisiatif

Terdapat empat belas (14) PPI yang dikenal pasti di bawah bidang tumpuan ini, dengan *Selangor Government Data Exchange* (SelGDX) sebagai pemacu perubahan.

#### JADUAL 7.7

Projek, Program dan Inisiatif Utama	Penerangan Ringkas
<i>Government Approval Acceleration</i>	Melaksanakan saluran digital tunggal untuk perniagaan memohon kelulusan kerajaan bagi projek dan memeriksa status permohonan dan semakan dalaman tentang proses/garis panduan bagi membezakan kelulusan projek mudah dan kompleks untuk meningkatkan kemudahan dalam menjalankan perniagaan
Komuniti Digital Bergerak	Platform pendidikan literasi digital berdasarkan komuniti secara mudah alih untuk meningkatkan jangkauan digital perkhidmatan kerajaan terutamanya di kawasan luar bandar
Program Digital First	Melancarkan program untuk meningkatkan penggunaan <i>cloud services</i> oleh kerajaan dengan memaksimumkan dan memusatkan simpanan data digital dalam <i>cloud storage</i>
Mempercepatkan Penglibatan Digital PBT dan PDT	Meningkatkan infrastruktur digital dengan memasukkan PBT/ PDT ke Rangkaian Gigabait Selangor (SeGNet), Pusat Data Smart Selangor (SSDC), Platform Digital Smart Selangor (SSDP) untuk meningkatkan kecekapan dan penyampaian perkhidmatan
Semakan rangka kerja dan dasar data sektor awam	Menyemak aspek pelaksanaan perkongsian data sedia ada dan dasar keterbukaan data, termasuk kedua-dua halangan undang-undang dan klasifikasi data untuk memastikan ianya praktikal
Memperkenalkan kiosk perkhidmatan kerajaan digital	Menetapkan kiosk digital yang meliputi perkhidmatan kerajaan di kawasan yang disasarkan untuk meningkatkan penyampaian kepada rakyat
Menyeragamkan rangka kerja aplikasi mudah alih negeri	Rangka kerja dan garis panduan untuk penyediaan mana-mana aplikasi mudah alih negeri bagi memastikan fungsi yang berbeza, perkhidmatan berkualiti dan kepuasan penggunaan yang baik
Aplikasi e-Wallet Selangor	Merangkumkan perkhidmatan digital di seluruh kerajaan negeri, PBT dan badan berkanun termasuk perkhidmatan kebajikan dalam meningkatkan kecekapan dan kebolehlaksanaan
e-Semakan, e-Bayaran dan projek e-Tanah	Portal atas talian untuk rakyat dan perniagaan bagi mendapatkan maklumat secara atas talian dan/atau membuat pembayaran cukai dan transaksi berkaitan tanah
Aplikasi Citizen E-Payments (CEPat)	Menggunakan satu permohonan untuk semua perkhidmatan kerajaan berbayar di pelbagai peringkat Kerajaan Negeri, PBT dan badan berkanun
SISMAPS	Meningkatkan penggunaan sistem ruangan bagi memudahkan perancangan bandar dan zon penggunaan tanah
Selangor Digital ID	Mempercepatkan pelaksanaan pengenalan digital tunggal yang digunakan untuk akses ke semua perkhidmatan kerajaan di semua peringkat
Selangor State Data Exchange Platform (SelGDX)	Melaksanakan platform perkongsian data bersepada merentasi agensi negeri dan sektor awam, dengan infrastruktur, standard, alatan, tempat simpanan dan pendaftaran yang diselaraskan
Meningkatkan penggunaan sistem bestari sedia ada untuk merangka dasar berdasarkan bukti	Meningkatkan penggunaan sistem pintar dan pangkalan data, seperti Pusat Operasi Pintar Selangor, iRS dan IDRS merentasi agensi negeri dan PBT untuk menyokong keputusan dan tindakan dasar kerajaan negeri



## PEMACU PERUBAHAN 17



### SELANGOR GOVERNMENT DATA EXCHANGE (SELGDX)

#### OBJETIF

- Membolehkan penggunaan semula data merentas agensi sektor awam untuk mengurangkan pertindihan dalam usaha pengumpulan data yang boleh menjimatkan masa, tenaga dan kos membangunkan aplikasi perkhidmatan sektor awam
- Memastikan data boleh dikongsi merentasi agensi sektor awam dengan selamat, cekap dan berkesan
- Mempercepatkan inovasi dipacu data untuk mengukuhkan pelaksanaan penyampaian perkhidmatan ke arah merealisasikan perkhidmatan digital sektor awam bersepadu, inklusif dan selamat

#### SOROTAN UTAMA

SelGDX ialah platform perkongsian data merentas agensi yang selamat, pantas dan tepat serta pemangkin sistem penyampaian perkhidmatan sektor awam yang berpusatkan perkhidmatan digital yang komprehensif dan bersepadu. SelGDX adalah sebahagian daripada proses memperkasakan sistem penyampaian perkhidmatan awam yang bersepadu dan dipacu data. Operasi SelGDX boleh diringkaskan seperti berikut:

- SelGDX ialah pentadbir, fasilitator dan penyelaras proses perkongsian data antara agensi kerajaan yang menyediakan perkhidmatan kepada rakyat. Agensi yang terlibat terdiri daripada penyedia data dan agensi pengguna
- Agensi penyedia data menyediakan dan mendaftarkan API (iaitu protokol yang membolehkan penyepaduan data antara agensi) dalam Portal SelGDX, memproses permintaan perkongsian data dan berkongsi data melalui pendaftaran dan/atau repositori.
- Agensi pengguna data memohon kelulusan agensi penyedia untuk penyepaduan data melalui SelGDX, membangunkan aplikasi berdasarkan data API yang diterima dan menggunakan data khusus untuk tujuan yang dibenarkan sahaja
- Repositori menyimpan dan menyelenggara data daripada pelbagai sumber dengan struktur data yang sama dan boleh dikongsi merentas agensi sektor awam. Pendaftaran ialah direktori atau senarai API yang telah dibuat untuk berfungsi sebagai direktori rujukan untuk memudahkan akses kepada maklumat individu. Kedua-duanya disimpan dalam storan awan yang selamat dan menjamin keselamatan dan perlindungan data
- Memorandum Persefahaman (MOU) & Dasar Perkongsian Data digunakan mengikut terma perjanjian dan syarat penggunaan. Pengguna data mesti menggunakan data mengikut terma dan syarat penggunaan data yang dinyatakan dalam surat kelulusan, MoU/Nota Kerjasama atau perjanjian. Data tidak boleh dikongsi dengan pihak ketiga jika pembekal data tidak membenarkannya.

#### JANGKA MASA

Suku kedua 2020 – suku pertama 2025

#### HASIL

- Produk dan perkhidmatan baharu boleh dibangunkan dan ditawarkan kepada rakyat. Inisiatif daripada orang ramai dan sektor perniagaan ini akan merancakkan lagi aktiviti ekonomi digital di Selangor
- SelGDX akan menjadi nadi kerajaan Selangor dalam membuat keputusan dan tindakan sewajarnya serta menggubal dasar dan yang responsif kepada keperluan rakyat bagi menjamin kesejahteraan dan kemakmuran rakyat Selangor.

---

08

---

---

# **PEMANGKIN**

# **AGENDA NEGERI**




# PEMANGKIN AGENDA NEGERI

Lima (5) pemangkin utama akan membantu merangsang perubahan transformasi di Selangor melalui RS-1. Ini termasuk:

- Pembangunan Infrastruktur Awam
- Pembangunan Infrastruktur Digital dan Pendigitalan
- Pembangunan Modal Insan
- Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana (IKS)
- Penambahbaikan Dasar dan Kawal Selia

Pemangkin-pemangkin yang telah dikenal pasti adalah berdasarkan elemen yang merentasi tema-tema strategik (Carta 8.1). Projek, program atau inisiatif tertentu merangkumi faktor perangsang yang boleh memudahkan dan melancarkan proses keseluruhan pelaksanaan RS-1. Ia boleh menjadi sama ada sebahagian daripada RS-1, Belanjawan 2022 atau projek-projek Negeri dan Persekutuan yang lain.

## Komponen Pemangkin



**Pembangunan Infrastruktur Awam**



**Pembangunan Infrastruktur Digital dan Pendigitalan**



**Pembangunan Modal Insan**



**Pembangunan IKS**



**Penambahbaikan Dasar dan Kawal Selia**

### CARTA 8.1

## PEMETAAN PROJEK, PROGRAM DAN INISIATIF DI BAWAH SEKTOR TUMPUAN YANG BERKAITAN DAN TEMA STRATEGIK KEPADA PEMANGKIN-PEMANGKININI

Tema	Contoh Projek Utama/Inisiatif (Tidak Menyeluruh)		
<ul style="list-style-type: none"> <li>Meningkatkan ketersambungan hujung ke hujung serta akses kepada pengangkutan awam</li> <li>Membangunkan infrastruktur inklusif dan mampan</li> <li>Menyokong dan memperkuatkan daya saing industri</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pembangunan Kompleks Sukan Shah Alam (KSSA)</li> <li>Stesen Janakuasa Pulau Indah (PIPP)</li> <li>Bas Smart Selangor</li> <li>Infrastruktur Air, Pengairan dan Saliran</li> <li>Laluan Rel Pantai Timur (ECRL), Transit Aliran Deras (MRT), Transit Aliran Ringan (LRT) dan lebuhraya-lebuhraya</li> </ul>		
<ul style="list-style-type: none"> <li>Memperbaiki ketersambungan digital dan infrastruktur</li> <li>Merapatkan jurang digital</li> <li>Melancarkan penggunaan digital dan teknologi mampan</li> <li>Meningkatkan tahap penyampaian perkhidmatan kerajaan</li> </ul>	<table border="0"> <tr> <td> <ul style="list-style-type: none"> <li>JALIN</li> <li>Rangkaian sistem PPAS</li> <li>SSOC</li> <li>Komuniti Digital Bergerak</li> </ul> </td><td> <ul style="list-style-type: none"> <li>Platform Kolaborasi Dalaman PBT - SEPAKAT</li> <li><i>State Intelligence Analytics Unit (IAU)</i></li> </ul> </td></tr> </table>	<ul style="list-style-type: none"> <li>JALIN</li> <li>Rangkaian sistem PPAS</li> <li>SSOC</li> <li>Komuniti Digital Bergerak</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Platform Kolaborasi Dalaman PBT - SEPAKAT</li> <li><i>State Intelligence Analytics Unit (IAU)</i></li> </ul>
<ul style="list-style-type: none"> <li>JALIN</li> <li>Rangkaian sistem PPAS</li> <li>SSOC</li> <li>Komuniti Digital Bergerak</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Platform Kolaborasi Dalaman PBT - SEPAKAT</li> <li><i>State Intelligence Analytics Unit (IAU)</i></li> </ul>		
<ul style="list-style-type: none"> <li>Menjajarkan semula pendidikan dan latihan untuk memenuhi permintaan industri</li> <li>Membaik pulih ekosistem TVET</li> <li>Memanfaatkan teknologi yang semakin memuncak naik</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>IKTISASS termasuk Pembangunan Kurikulum TVET</li> <li>Selangor Kerjaya (Platform Pemadanan Kerja)</li> <li>Sistem Pemadanan Kemahiran - Kerjaya Dalaman</li> </ul>		
<ul style="list-style-type: none"> <li>Transformasi PKS sebagai pemacu pertumbuhan</li> <li>Memperkuatkan penglibatan dan sumbangan PKS terhadap ekonomi</li> <li>Meningkatkan keupayaan usahawan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li><i>Selangor Accelarator Programme</i> dan <i>Pitch@Selangor</i></li> <li>Pinjaman penyambung untuk pembangunan PKS</li> <li>Skim Hijrah Selangor</li> <li>Inisiatif beli barang tempatan</li> </ul>		
<ul style="list-style-type: none"> <li>Memperbaiki kemudahan menjalankan perniagaan</li> <li>Perintis untuk pembangunan dan tindakan yang mampan</li> <li>Memperbaiki kualiti penyampaian</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Insentif Kerajaan Selangor (SGI)</li> <li><i>Government Approval Acceleration</i></li> <li>Rangka kerja pemantauan untuk semua program kebajikan sosial</li> <li>Penerimaan pelan tindakan mobiliti rendah karbon</li> </ul>		

## 8.1. Pembangunan Infrastruktur Awam

Nota: Ketersediaan infrastruktur awam yang mencukupi di lokasi utama yang dikenal pasti di seluruh negeri untuk menyokong pelaksanaan projek, program dan inisiatif lain.

### PROJEK, PROGRAM DAN INISIATIF BERKAITAN

Rancangan Selangor 1 - Projek, Program dan Inisiatif Relevan	Belanjawan Selangor 2022	Projek Persekutuan & Negeri yang Lain
<p> <b>PENGUKUHAN EKONOMI</b></p> <ul style="list-style-type: none"><li>• Pusat Logistik e-Fulfillment Selangor</li><li>• Pusat Kecemerlangan Smart Selangor</li><li>• Rangkaian Sistem Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor (PPAS)</li><li>• Pembangunan infrastruktur EV</li></ul>	<p><b>Rangkaian Jalan-Raya termasuk:</b></p> <ul style="list-style-type: none"><li>- Jalan baharu</li><li>- Penyelenggaraan</li><li>- Jambatan</li><li>- Pewartaan</li></ul> <p><b>Fasiliti Awam termasuk:</b></p> <ul style="list-style-type: none"><li>- Penyelenggaraan dan menaiktaraf bangunan</li><li>- Pembangunan program dan infrastruktur sukan</li><li>- Masjid dan sekolah agama</li><li>- Infrastruktur mekanikal dan elektrikal</li></ul> <p><b>Pengangkutan Awam - Bas Smart Selangor</b></p> <p><b>Air, Pengairan dan Saliran termasuk:</b></p> <ul style="list-style-type: none"><li>- Air mentah</li><li>- Rintangan banjir</li><li>- Naik taraf dan penyelenggaraan</li></ul> <p><b>Kecemasan</b></p>	<ul style="list-style-type: none"><li>- Pembangunan Kompleks Sukan Shah Alam (KSSA)</li><li>- Stesen Janakuasa Pulau Indah (PIPP)</li><li>- Serendah-Port Klang Rail Bypass</li><li>- Menaiktaraf rangkaian jalan raya untuk menampung perkembangan pelabuhan baru dan sedia ada</li><li>- Laluan Rel Pantai Timur (ECRL)</li><li>- Transit Aliran Deras (MRT)</li><li>- Transit Aliran Ringan (LRT)</li><li>- Lebuhraya-lebuhraya</li></ul>
<p> <b>PEMACUAN KELESTARIAN</b></p> <ul style="list-style-type: none"><li>• Penilaian semula kepada sistem saliran sedia ada dan kawasan tадahan</li><li>• Melaksanakan projek infrastruktur mitigasi banjir dengan kadar segera</li><li>• Menerapkan projek dengan penyelesaian berasaskan alam semula jadi untuk mitigasi bencana</li><li>• Program Pengurangan Air Tidak Berhasil (NRW)</li><li>• Pembangunan skim bekalan air baharu dan loji rawatan air</li><li>• Membangunkan Fasiliti Pemulihan Bahan (MRF) di setiap daerah</li><li>• Pembangunan Pusat Pengurusan Sisa Pepejal Bersepadu (ISWMC) dengan loji rawatan Waste-to-Energy (WTE)</li></ul>		



## PEMACU PERUBAHAN 18



### STESEN JANAKUASA PULAU INDAH (PIPP)

#### OBJKTIF

Stesen Janakuasa Pulau Indah (PIPP) akan menampung peningkatan permintaan elektrik melalui proses yang lebih cekap, bersih dan mengurangkan pengeluaran karbon

#### SOROTAN UTAMA


- Stesen Janakuasa Pulau Indah ialah stesen yang berkuasa 1,200 MW di Pulau Indah, Selangor. Ia merupakan Gabungan Turbin Gas Kitaran (CCGT) dengan kecekapan lebih daripada 60%, jauh lebih tinggi daripada arang batu, minyak atau setara dengannya
- Stesen janakuasa gas ini sedang dibangunkan oleh PIPP Sdn. Bhd., sebuah syarikat usahasama Worldwide Holdings Berhad (75%) yang dimiliki sepenuhnya oleh PKNS dan Korea Electric Power Corporation (25%)

#### JANGKA MASA

Suku ke-2 2021 (pembinaan bermula) – Suku pertama 2024 (operasi komersial)

#### HASIL

- Setelah siap, ia akan menyokong peningkatan permintaan tenaga di Lembah Klang, yang kini menyumbang 43% daripada jumlah permintaan elektrik di Semenanjung Malaysia.
- Selain mewujudkan lebih banyak pekerjaan stesen janakuasa ini akan menyokong aspirasi Malaysia untuk mengurangkan pembebasan CO<sub>2</sub> sebanyak 45% menjelang 2030



## PEMACU PERUBAHAN 19



### PEMBANGUNAN KOMPLEKS SUKAN SHAH ALAM (KSSA)

#### OBJEKTIF

Projek pembangunan Kompleks Sukan Shah Alam (KSSA) bertujuan untuk membina stadium yang *vibrant*, lestari dan dilengkapi dengan kemudahan sukan bercirikan teknologi terkini dan memberi nafas baru di persekitarannya

Pembangunan semula ini akan;

- Menjana aktiviti ekonomi di kawasan persekitaran
- Bertindak sebagai langkah mitigasi banjir
- Menambah baik aliran trafik melalui pembangunan LRT3

#### SOROTAN UTAMA

- Faktor utama kejayaan projek ini termasuk;
- Prestasi pemaju dalam menyiapkan stadium dan fasiliti sukan
- Kerjasama dan koordinasi bersama pihak berkepentingan dalam memastikan keperluan negeri Selangor dipenuhi
- KSSA ini akan menyediakan sebuah stadium baharu dan fasiliti yang efisien dari segi pengoperasian dan penyelenggaraan
- Sebagai tambahan, KSSA bakal menjadikan pemangkin kepada peningkatan nilai harta tanah di Seksyen 13 dan kawasan sekitar

#### JANGKA MASA

2022 sehingga 2026

#### HASIL

- Peningkatan dalam pencapaian sukan oleh para atlet Selangor didorong oleh fasiliti yang baik
- Penambahbaikan aktiviti ekonomi di wilayah tersebut





## 8.2. Infrastruktur Digital dan Pendigitalan

Nota: Pelaksanaan infrastruktur digital untuk melancarkan proses penyampaian perkhidmatan untuk rakyat, memudahkan perkembangan aktiviti berasaskan ekonomi dan membolehkan pengumpulan data yang lebih baik untuk tujuan pemantauan dan penilaian yang efektif.

### PROJEK, PROGRAM DAN INISIATIF BERKAITAN

Rancangan Selangor 1 - Projek, Program dan Inisiatif Relevan		Belanjawan Selangor 2022
<div style="display: flex; align-items: center;">  <b>PENGUKUHAN EKONOMI</b> </div> <ul style="list-style-type: none"> <li>Jalur Lebar Industri Selangor (JALIN)</li> <li>Wi-Fi Pintar Selangor</li> <li>Kemudahan rangkaian 5G di Selangor</li> <li>Pembangunan infrastruktur digital dan ketersambungan</li> <li>Inisiatif Pelabuhan Digital Selangor</li> <li>Aplikasi Go Selangor</li> <li>Pelancongan Digital Selangor - ketersambungan</li> <li>Kempen Selangor E-Bazaar</li> <li>Amazon Web Services Smart Selangor Cloud Accelerator Learning Programme (SCALE)</li> <li>Geran Padanan Pendigitalan PKS Selangor</li> <li>Jelajah Usahawan Digital Selangor</li> <li>Platform IKS Smart Selangor</li> </ul>	<div style="display: flex; align-items: center;">  <b>PEMACUAN KELESTARIAN</b> </div> <ul style="list-style-type: none"> <li>Smart Selangor C5i Operations Centre (SSOC)</li> <li>Pendigitalan untuk pemantauan sumber air</li> </ul>	<p>Memacu pendigitalan dan projek teknologi mampang termasuk:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- e-Wallet dan e-Bayaran</li> <li>- Ekonomi Digital</li> <li>- Infrastruktur Digital</li> <li>- Literasi Digital Smart Selangor</li> <li>- <i>Internet of Things (IoT)</i></li> <li>- Transformasi Kerajaan</li> </ul>
<div style="display: flex; align-items: center;">  <b>PENINGKATAN KESEJAHTERAAN DAN KETERANGKUMAN SOSIAL</b> </div> <ul style="list-style-type: none"> <li>Pelaksanaan solusi bandar pintar untuk mencegah jenayah dengan Smart Selangor Delivery Unit (SSDU)</li> <li>Pendigitalan dan menggabungkan semua program kesihatan di dalam aplikasi SELangkah</li> </ul>	<div style="display: flex; align-items: center;">  <b>TADBIR URUS S.M.A.R.T. DAN BERKESAN</b> </div> <ul style="list-style-type: none"> <li>Platform kolaborasi dalaman PBT - SEPAKAT</li> <li>Memperluas sistem i-Sekat kepada semua PBT</li> <li>Real-Time Monitoring and Reporting System (RMRS)</li> <li>Selangor Digital ID</li> <li>Aplikasi e-Wallet Selangor</li> <li>e-Semakan, e-Bayaran dan projek e-Tanah</li> <li>SISMAPS</li> <li>Program Digital First</li> <li>Selangor State Data Exchange Platform (SelGDX)</li> </ul>	



## SOROTAN UTAMA

### Smart Selangor Action Plan

#### Sorotan Pelan Tindakan Smart Selangor



Pelan Tindakan  
Smart Selangor 2025

#### WAWASAN PINTAR DAN HASIL YANG DIINGINI SECARA KESELURUHAN



##### Kerajaan Pintar

- Kerajaan yang berkemampuan secara digital, menggunakan teknologi digital untuk memperoleh dasar berpaksikan data, dan menyampaikan perkhidmatan yang lebih responsif dan cekap



##### Ekonomi Pintar

- Pendigitalan semua industri dengan tumpuan kepada PKS, membolehkan syarikat baharu berkembang maju melalui ekosistem lengkap dan pembangunan industri generasi seterusnya



##### Komuniti Pintar

- Kewujudan alat digital yang mampu diakses dengan harga berpatutan, melengkapkan rakyat dengan kemahiran menggunakan medium digital dan menggalakkan penggunaan teknologi untuk meningkatkan taraf kehidupan masyarakat



##### Infrastruktur Digital Pintar

- Ketersediaan platform/aplikasi untuk perkhidmatan kerajaan dan swasta, ketersediaan pusat data hibrid & sensor di bandar dan rangkaian berkelajuan tinggi untuk menghubungkan semuanya secara efisien

#### PROGRAM DAN INISIATIF (2020-2025)



##### CEPat (Pembayaran Elektronik Warganegara)

- Permohonan tunggal untuk semua perkhidmatan berbayar kerajaan di pelbagai peringkat
- Menyokong 8 jenis perkhidmatan (kompaun, lesen, penilaian cukai dan lain-lain)



##### Amazon Web Services Smart Selangor Cloud Accelerator Learning Programme (SCALE)

- Latihan pengkomputeran awan untuk penjawat awam, ahli akademik, penduduk dan perniagaan yang terpilih



##### Smart Selangor C5i Operations Centre (SSOC)

- SSOC menyediakan akses kepada pihak berkepentingan utama daripada negeri Selangor kepada:
  - 1) Pemantauan berpusat untuk kejadian bencana
  - 2) Paparan data analitik langsung dan disatukan daripada aplikasi Smart Selangor



##### Pusat Kecemerlangan (CoE) Smart Selangor

- Pusat kerjasama fizikal seluruh negeri untuk kerajaan/ ahli akademik/industri untuk menyediakan penyelesaian baharu dan memperkenalkan produk yang berdaya maju untuk ujian awam



## 8.3. Pembangunan Modal Insan

Nota: Membangunkan dan mewujudkan rangka kerja komprehensif untuk memupuk tenaga kerja yang berkemahiran tinggi dan tangkas yang boleh menyokong keperluan negeri yang meningkat naik di samping mendorong kepada produktiviti buruh. Tenaga kerja akan membantu dalam pengembangan sektor dan aktiviti yang berpaksikan pengetahuan.

### Rancangan Selangor 1 - Projek, Program dan Inisiatif Relevan



#### PENINGKATAN KESEJAHTERAAN DAN KETERANGKUMAN SOSIAL

- Pusat Wanita Berdaya (PWB)
- Insentif dan galakan untuk pensijilan profesional
- Pelaksanaan Dasar Belia Selangor
- Selangor Kerjaya (Platform Pemandanan Kerja)
- Program Kecemerlangan Belia Selangor
- Selangor Bitara (BPSM)
- Program BITARA (Yayasan Selangor)
- Pinjaman Boleh Ubah
- Program HIPERS
- Inisiatif Kemahiran Teknikal dan Iktisias Smart Selangor (IKTISASS)
- Program Pembangunan Gugusan Pendidikan



#### PENGUKUHAN EKONOMI

- Universiti Maritim Selangor
- Program Pengambilan Semula Bekerja untuk sektor pelancongan Selangor
- Hos Komuniti Selangor
- Latihan Pelancongan Digital Selangor
- Selangor e-Commerce Education
- Sekolah Digital Selangor
- Platform Rangka Kerja Kemahiran Selangor
- Apprenticeship 4.0: World-call Engineering Workforce and Aerospace Training for SMEs
- Solar PV Centre of Excellence (COE)
- IKTISASS - Pembangunan Kurikulum TVET Industri
- IKTISASS - Penawaran Persijilan Profesional yang diiktiraf oleh industri
- Pembangunan Kapasiti Halal Selangor
- Latihan untuk memudah cara *University-Industry-Government* dan memperkasakan bakat



#### TADBIR URUS S.M.A.R.T. DAN BERKESAN

- Menubuhkan *Intelligence Analytics Unit* (IAU) Negeri
- Skim *Cross-Fertilisation*
- Memperkenalkan program latihan berdasarkan keberhasilan untuk kemahiran permintaan tinggi
- Digital Accelerator
- Sistem Pemandanan Kemahiran-Kerjaya Dalaman
- Program Mentor-Mentee
- Semakan peningkatan tahap kerjaya dan rangka kerja pengurusan prestasi

### Belanjawan Selangor 2022

Memperkuuh pekerja mahir dengan projek dan inisiatif bertumpu kepada:

- Bengkel berfokuskan wanita dan dasar untuk memastikan peluang kerja yang sama rata
- Program TVET
- Memaksimumkan potensi belia melalui program pembentukan peribadi



## 8.4. Pembangunan PKS

Nota: Penyediaan sokongan kewangan dan teknikal diperlukan untuk menggalakkan penglibatan dan pertumbuhan IKS yang mampu dalam semua sektor ekonomi utama.

Rancangan Selangor 1 - Projek, Program dan Inisiatif Relevan	Belanjawan Selangor 2022
<div style="display: flex; align-items: center;">  <div style="margin-left: 10px;"> <b>Pengukuhan Ekonomi</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Program Selangor e-Commerce Onboarding</li> <li>- Malaysia Top e-Commerce Merchant Awards</li> <li>- Program Accelerator Selangor dan Pitch@Selangor</li> <li>- Selangor Aviation Show</li> <li>- Meletakkan Selangor sebagai Pusat Pertama Dron dan Negeri Mesra 'Airwaze' di Malaysia</li> <li>- Pinjaman penyambung untuk pembangunan PKS</li> <li>- Program beli produk tempatan</li> <li>- Insentif Kerajaan Selangor (SGI)</li> <li>- Program Pembangunan PKS Halal Selangor</li> <li>- Program Pendanaan Bioteknologi Selangor (pemadanan dana)</li> </ul> </div> </div> <div style="display: flex; align-items: center; margin-top: 10px;">  <div style="margin-left: 10px;"> <b>Peningkatan Kesejahteraan dan Keterangkuman Sosial</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Skim Hijrah Selangor</li> <li>- Program Blueprint Pembasmian Kemiskinan Skim Geran Mikro</li> <li>- Pembangunan dan Pemerkaaan India Selangor (i-SEED)</li> <li>- SAY LEAD</li> </ul> </div> </div>	<p>Memperbaharui sektor Perusahaan Kecil dan Sederhana melalui program strategik yang berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Program berfokuskan pembiayaan mikro</li> <li>- Geran Peralatan untuk PKS</li> </ul>

## 8.5 Penambahbaikan Dasar dan Kawal Selia

Nota: Kajian semula dasar dan undang-undang utama untuk meningkatkan tahap kecekapan, kualiti dan kemudahan pelaksanaan merentasi semua tema strategik dalam memenuhi kedua-dua keperluan perniagaan dan juga rakyat.

### Rancangan Selangor 1 - Projek, Program dan Inisiatif Relevan



#### Pengukuhan Ekonomi

- Insentif Kerajaan Selangor (SGI) (Untuk menyediakan insentif khusus Negeri, yang melibatkan deposit premium tanah, penilaian dan yuran lesen perniagaan untuk menarik dan mengekalkan pelabur)



#### Peningkatan Kesejahteraan dan Keterangkuman Sosial

- Indeks Kesejahteraan yang baharu bagi negeri Selangor
- Menyediakan rangka kerja pemantauan untuk semua program kebajikan



#### Pemacuan Kelestarian

- Pelan Tindakan Pengurusan Bencana
- Pelaksanaan Prinsip Denda kepada Pelaku Pencemaran dan Dasar Pelepasan Sifar
- Peningkatan tahap perundangan dan kapasiti penguatkuasaan
- Semakan Subnasional Sukarela (VSR) Selangor
- Pembangunan inventori GHG dan kapasiti bandar rendah karbon untuk setiap PBT

- Pelaksanaan Pelan Pembangunan Mobiliti Rendah Karbon di peringkat negeri dan tempatan
- Membangunkan pelan tindakan pengurusan sisa untuk Selangor
- Pewartaan kawasan sensitif alam sekitar untuk tanah kerajaan mengikut jenisnya
- Mengawal pembangunan di tanah gambut tertakluk kepada terma dan syaratnya yang ditetapkan oleh PBT & PBN
- Mengelakkan aktiviti yang mengganggu kawasan tadahan dalam hutan
- Penyelenggaraan sekurang-kurangnya 30% kawasan Hutan Simpan Kekal daripada jumlah keseluruhan tanah milik negeri
- Memanfaatkan piawaian pasaran karbon sukarela sedia ada untuk sumber asli Selangor



#### Tadbir Urus S.M.A.R.T. dan Berkesan

- Kajian strategik peranan dan fungsi di seluruh Kerajaan Negeri
- Semakan semula Rancangan Struktur Negeri Selangor
- Jawatankuasa Pengurusan Risiko Berpusat (RMC)
- Polisi Integriti dan Tadbir Urus Anak Syarikat MBI
- Membangunkan rangka kerja formal pembayaran dividen daripada Anak Syarikat Negeri
- Memperkuuh penguatkuasaan ke atas Anak Syarikat Negeri bagi penyelesaian tunggakan cukai
- Tindakan Penguatkuasaan di bawah Program Pemutihan Kilang Tanpa Kebenaran






---

09

---



---

## RANGKA KERJA PENYAMPAIAN RS-1


Struktur Rangka kerja penyampaian telah dibentuk untuk memacu hala tuju dasar dan pelaksanaan RS-1 yang berkesan. Rangka kerja ini menyepadukan langkah dalam meningkatkan dan menyelesaikan isu serta elemen kerjasama dan akauntabiliti semua pihak berkepentingan untuk menjadikan RS-1 pelan yang berjaya.

## 9.1. Gambaran Keseluruhan Struktur Tadbir Urus

Struktur tadbir urus terdiri daripada tiga (3) bahagian utama, iaitu pembuat keputusan, pemantauan berpusat dan peneraju pelaksana (Carta 9.1). Mereka berperanan dalam memastikan kejelasan dalam tanggungjawab masing-masing semasa pelaksanaan.


CARTA 9.1

### STRUKTUR TADBIR URUS TERDIRI DARIPADA TIGA (3) BAHAGIAN UTAMA, IAITU PEMBUAT KEPUTUSAN, PEMANTAUAN BERPUSAT DAN PENERAJU PELAKSANA



## Komponen utama termasuk

- **Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) / Majlis Tindakan Ekonomi Selangor (MTES)** untuk menyediakan hala tuju strategik dan memberikan kelulusan keputusan penting.
- **Jawatankuasa Pemantauan Penyelarasan dan Resolusi (CORE)** adalah untuk membincangkan kemaskini kemajuan secara keseluruhan, isu pelaksanaan dan penyelesaian mitigasi.
- **Peneraju Dasar** sebagai penasihat untuk perkara yang berkaitan dengan hala tuju dasar strategik dan semakan sasaran makro.
- **Unit Pemantauan Berpusat** adalah untuk menjalik kemajuan keseluruhan, menilai hasil dan impak pelaksanaan serta menyokong perubahan dalam pengurusan.
- **Kumpulan Kerja** untuk mengetuai permulaan, pelaksanaan, pemantauan dan penyelesaian masalah projek, program atau inisiatif di bawah tema strategik masing-masing. Mereka juga bertanggungjawab untuk melibatkan golongan pakar teknikal, firma dan komuniti dalam memudahkan proses pelaksanaan.







## **9.2. Jawatankuasa Pemantauan Penyelarasan dan Resolusi (CORE)**

Jawatankuasa Pemantauan CORE terdiri daripada enam (6) ahli tetap, diketuai oleh Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor (Carta 9.2). Ahli *Standing Committee* (STANDCOs) yang berkaitan dan pihak berkepentingan lain seperti pemain industri, pakar teknikal, masyarakat sivil dan PBT boleh dijemput untuk mengambil bahagian dalam mesyuarat penting berdasarkan skop perkara yang dibincangkan.

CARTA 9.2

## **JAWATANKUASA PEMANTAUAN CORE AKAN MERANGKUM ENAM (6) AHLI TETAP DAN AHLI-AHLI LAIN YANG BERDASARKAN JEMPUTAN**

Nota: Carta 9.2 ini dibaca bersama Rangka Penyampaian RS-1 di muka surat 30

## 9.3 Unit Pemantauan Berpusat

Selangor Implementation and Performance Monitoring Unit (SIAP) memainkan peranan penting dalam pemantauan, penilaian dan pelaporan penyampaian RS-1. Ini penting dalam memastikan hasil dan impak inisiatif dinilai secara objektif dan isu pelaksanaan boleh diselesaikan tepat pada masanya. Ini juga akan membantu Kerajaan Negeri mengutamakan penggunaan sumber untuk pelaksanaan inisiatif yang berkesan sekali gus menyumbang ke arah pencapaian sasaran makro RS-1.

## PEMACU PERUBAHAN 20



### UNIT PELAKSANAAN DAN PEMANTAUAN PRESTASI SELANGOR (SIAP)

#### PERANAN SIAP ADALAH PENTING UNTUK MEMASTIKAN PERTINDANAN PELAKSANAAN DITANGANI DAN MENUNJUKKAN AKAUNTABILITI

##### Peranan dan tanggungjawab SIAP

###### Pemantauan

Memantau perkembangan ke arah sasaran dan pencapaian yang dikumpul secara sistematis melalui sistem pemantauan dan pelaporan masa nyata yang boleh termasuk dalam inisiatif kemajuan fizikal dan kewangan

###### Penilaian

###### Analisis Masalah Pelaksanaan

Mengenal pasti pertindanan pelaksanaan melalui pengumpulan data daripada penyelidikan, sumbang saran, temu bual kumpulan sasaran, tinjauan awam, dan sebagainya

###### Penilaian Impak

Menilai hasil sebenar yang telah dicapai, termasuk impak mengenai ekonomi, manusia, alam sekitar dan kerajaan yang dikumpulkan melalui analisis dan penglibatan awam

###### Pelaporan

###### Pengguna Dalaman

Laporan audit untuk mengelakkan pelaporan berat sebelah dan menyatakan status dan hasil pelaksanaan untuk dikongsi bersama pembuat keputusan, Jawatankuasa CORE dan agensi pelaksana


###### Pengguna Luaran

Penerbitan laporan utama sebagai sebahagian daripada Laporan Tahunan Rasmi Negeri untuk rakyat, media, NGO, badan profesional, pengawal selia dan penaja (dengan kolaborasi Bahagian Korporat)

Sebagai tambahan kepada tanggungjawab di atas, SIAP juga bertindak sebagai pendokong kepada perubahan dalam pengurusan untuk memudahkan fasa peralihan matlamat, proses dan teknologi di negeri Selangor (Carta 9.3).

**CARTA 9.3****PENDEKATAN BERSTRUKTUR BAGI MEMACU PENGURUSAN PERUBAHAN DI NEGERI INI****9.4. Pelaksanaan Kumpulan Kerja**

Setiap tema strategik diketuai oleh peneraju masing-masing dibantu oleh ketua sektor tumpuan tersebut (Carta 9.4)

**CARTA 9.4****PENERAJU TEMA STRATEGIK UTAMA DAN KETUA KEPADA SEKTOR TUMPUAN TELAH DIKENAL PASTI UNTUK MEMACU HASIL**

## 9.5. Kitaran Semakan RS-1

Secara amnya, kitaran semakan akan merangkumi beberapa fasa (Carta 9.5) bermula dengan matlamat utama dan penetapan KPI serta semakan dan peruntukan perbelanjaan.

Selepas pelancaran projek, program atau inisiatif, perbincangan akan dilakukan pada peringkat Mesyuarat Kumpulan Kerja, Mesyuarat Jawatankuasa Pemantauan CORE dan Mesyuarat MMKN / MTES. Mesyuarat ini akan membincangkan isu-isu berkenaan pelaksanaan, hasil dan penilaian impak serta keputusan yang diperlukan.

Laporan prestasi tahunan akan diterbitkan untuk menunjukkan ketelusan dan akauntabiliti dalam penyampaian RS-1.

CARTA 9.5

### CADANGAN KITARAN SEMAKAN AKAN MERANGKUMI BEBERAPA FASA UTAMA DALAM MEMACU HALA TUJU DASAR DAN PELAKSANAAN RS-1 SECARA BERKESAN

		Fasa   Bulan	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11	12
Sistem Pemantauan Terkini dan Pelaporan	1	Pengutamaan Matlamat & Penetapan KPI												
	2	Semakan dan Peruntukan Belanjawan												
	3	Melaporkan kepada Kumpulan Kerja												
	4	Penilaian dan Pemantauan												
	5	Pelaporan: Isu dan Hasil												
	6	Melaporkan kepada MMKN / MTES												
	7	Penerbitan Laporan Prestasi												
Melaporkan kepada Jawatankuasa Kerja														
Melaporkan kepada Pembuat Keputusan														
Melaporkan kepada pihak awam														

- █ Oleh Peneraju Dasar dan Kumpulan Kerja
- Oleh Agensi Pelaksana kepada Kumpulan Kerja
- █ Oleh Perbadahaan Negeri dengan input hasil inisiatif daripada SIAP
- █ Oleh Bahagian Korporat dengan input daripada SIAP dan Kumpulan Kerja
- Oleh SIAP kepada Pihak Berkepentingan Utama

Nota: Carta 9.6 ini dibaca bersama Carta 9.1 di muka surat 198

Nota: Kaedah dan kekerapan pelaporan akan diperinci dan ditentukan di peringkat jawatankuasa CORE semasa fasa pelaksanaan

---

10

---



---

**MENYAHUT CABARAN BAGI  
MEREALISASIKAN RS-1**

# TANGGUNGJAWAB BERSAMA UNTUK SEMUA





Sekarang merupakan masa yang sesuai dan tepat untuk terus memperkasa dan memperkuuh negeri Selangor agar kekal berdaya tahan. RS-1 akan memainkan peranan utama dalam memacu Selangor ke arah menjadi **Negeri Pintar, Berdaya Huni dan Makmur** menjelang tahun 2025. Kepentingan semua pihak diambil kira melalui sasaran yang tepat dan kukuh.

Komitmen dan kesungguhan semua pihak berkepentingan – kerajaan, rakyat, sektor perniagaan dan komuniti menjadi tonggak kejayaan pelaksanaan RS-1. negeri Selangor diibaratkan seperti tubuh manusia. Sistemnya saling bergantung antara satu sama lain. Ini memberi makna bahawa setiap individu mempunyai peranan melalui sifat kebersamaan bagi merealisasikan visi RS-1 demi manfaat negeri Selangor dan seluruh rakyatnya.

# GLOSARI

Terma	Definisi
AC	Arus ulang alik
ANIS	Anak Istimewa Selangor
APAC	Asia Pasifik
ASEAN	Persatuan Negara-negara Asia Tenggara
BINGKAS	Bantuan Kehidupan Sejahtera Selangor
BPM	Bahagian Pengurusan Maklumat
BPSM	Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
CAGR	Kadar Pertumbuhan Tahunan Terkompaun
CBD	Konvensyen Kepelbagai Biologi
CCGT	Gabungan Turbin Gas Kitaran
CO2	Karbon Dioksida
CO2e	Satu unit ukuran untuk Karbon Dioksida Setara
COE	Pusat Kecemerlangan
CORE	Jawatankuasa Pemantauan Penyelarasan dan Resolusi
COVID-19	Penyakit Koronavirus, SARS-CoV-2 yang ditemui pada tahun 2019
CPI	Indeks Harga Pengguna
DDI	Pelaburan langsung domestik
DOSM	Jabatan Perangkaan Malaysia
DUN	Dewan Undangan Negeri
E&E	Elektrik and Elektronik
EASA	Agensi Keselamatan Penerbangan Kesatuan Eropah
EEV	Kenderaan cekap tenaga
EMS	Perkhidmatan Pembuatan Elektronik
ESG	Tadbir Urus, Sosial dan Alam Sekitar
EV	Kenderaan elektrik
FAA	Pentadbiran Penerbangan Persekutuan
FDI	Pelaburan langsung asing
FRI	Institut Penyelidikan Perikanan
FRIM	Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia
Gandaan Penengah	Nisbah harga rumah penengah dengan pendapatan penengah isi rumah tahunan kasar (sebelum cukai)
GHG	Gas Rumah Hijau
GLC	Anak Syarikat Negeri
GST	<i>Goods and Service Tax</i>
ha	Satu unit ukuran untuk hektar
HFMD	Penyakit Tangan, Kaki dan Mulut
HIPERS	<i>High Potential Students</i>

<b>Terma</b>	<b>Definisi</b>
HPIPT	Hadiah Institut Pengajian Tinggi
IAU	<i>Intelligence Analytics Unit</i>
ICT	Teknologi komunikasi dan maklumat
IEP	Program Pendidikan Inklusif
IKS	Industri Kecil dan Sederhana
IKTISASS	Inisiatif Kemahiran Teknikal dan Ikhtisas Smart Selangor
ILC	Pusat Kehidupan Berdikari
IoT	<i>Internet of Things</i>
ISWMC	Pusat Pengurusan Sisa Pepejal Bersepadu
IWRM	Pengurusan Sumber Air Bersepadu
JALIN	Jalur Lebar Industri Selangor
JLH	Juta Liter Harian
Kadar penglibatan tenaga buruh wanita	Kadar penyertaan tenaga buruh wanita ialah perkadaran penduduk wanita berumur 15 tahun ke atas yang aktif dari segi ekonomi: semua orang yang membekalkan buruh untuk pengeluaran barang dan perkhidmatan dalam tempoh tertentu
KDNK	Keluaran Dalam Negeri Kasar
Kebantutan	Pertumbuhan dan perkembangan terjejas yang dialami oleh kanak-kanak akibat pemakanan yang buruk, jangkitan berulang dan rangsangan psikososial yang tidak mencukupi
KEGA	Aktiviti Pertumbuhan Ekonomi Utama
Kemiskinan mutlak	Pendapatan keluarga atau isi rumah adalah di bawah Pendapatan Garis Kemiskinan (PLI)
Kemiskinan relatif	Pendapatan keluarga atau isi rumah adalah di bawah separuh daripada pendapatan penengah negeri atau negara
KPI	Petunjuk Prestasi Utama
LKM	Lembaga Koko Malaysia
LLSB	Landasan Lumayan Sdn Bhd
LRT	Transit Aliran Ringan
LUAS	Lembaga Urus Air Selangor
M&E	Mesin dan Peralatan
MBI	Menteri Besar Incorporated
Pendapatan Isi Rumah Penengah	Pendapatan isi rumah penengah ialah pemotongan pendapatan di mana separuh daripada isi rumah memperoleh lebih banyak dan separuh mendapat kurang
MMKN	Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri
MOH	Kementerian Kesihatan
MPOB	Lembaga Minyak Sawit Malaysia
MRF	Fasiliti Pemulihan Bahan
MSF	Kilang Pintar Malaysia
Mt	Mega Tan
MTES	Majlis Tindakan Ekonomi Selangor
MW	Mega Watt
NAP	Dasar Automotif Negara

## GLOSARI

Terma	Definisi
NbS	Penyelesaian berdasarkan alam semula jadi
NCD	Penyakit tidak berjangkit
NGO	Pertubuhan bukan kerajaan
NLCCM	Pelan Induk Bandar Rendah Karbon Negara
NRW	Air Tidak Berhasil
OECD	Pertubuhan Kerjasama dan Pembangunan Ekonomi
OKU	Orang Kurang Upaya
PBB	Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu
PBT	Pihak Berkua Tempatan
PdPR	Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah
PDTSB	Pejabat Daerah dan Tanah Sabak Bernam
Pekali Gini	Ukuran statistik darjah variasi yang diwakili dalam set nilai, digunakan terutamanya dalam menganalisis ketidaksamaan pendapatan
Pekerjaan Tidak Setimpal dengan Kelayakan	Pekerjaan yang tidak mencukupi berkenaan dengan latihan atau keperluan ekonomi mereka
Penyakit berjangkit	Penyakit yang berjangkit terus dari seseorang ke orang lain
Penyakit tidak berjangkit	Penyakit yang tidak berjangkit secara langsung dari seseorang ke orang lain
PIPP	Stesen Janakuasa Pulau Indah
PKNS	Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor
PKPS	Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor
PKS	Perusahaan Kecil dan Sederhana
PLI	Pendapatan Garis Kemiskinan
PMKS	Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana
PNSB	Permodalan Negeri Selangor Berhad
POIS	Pencegahan Wabak di Tapak Perekaban
PPAS	Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor
PPCP	Perkongsian awam-swasta-sivil
PPP	Perkongsian awam-swasta
PPR	Projek Perumahan Rakyat
PR China	People's Republic of China
PTRS	Pusat Tuisyen Rakyat Selangor
Purata Pendapatan Isi Rumah	Purata (atau purata) pendapatan isi rumah dikira dengan membahagikan jumlah pendapatan isi rumah dalam geografi sasaran dengan bilangan isi rumah
PV	Fotovolta
R&D	Penyelidikan dan pembangunan
Rakyat	Rakyat secara umum
Rakyat Selangor	Rakyat Negeri Selangor
RMC	Jawatankuasa Pengurusan Risiko Pusat
RMK-12	Rancangan Malaysia Ke-12
RMRS	Real-Time Monitoring and Reporting System
S-BIOCO	Selangor Biotechnology Coordination Office
SABDA	Kawasan Pembangunan Sabak Bernam

Terma	Definisi
SAMP	Program Pemodenan Pertanian Selangor
SAP	Selangor International Aero Park
SAY LEAD	Komuniti Belia Selangor- Pembangunan, Pemangkin, Keusahawanan dan Kepimpinan
SCALE	Amazon Web Services Smart Selangor Cloud Accelerator Learning Programme
SDCOE	Selangor Drone Centre of Excellence
SDG	Matlamat Pembangunan Lestari
SELATI	Selangor Aviation Technology and Innovation Sdn Bhd
SelGDX	<i>Selangor Government Data Exchange</i>
SELPHAC	Majlis Penasihat Kesihatan Awam Selangor
SHAP	Pelan Tindakan Halal Selangor
SHRDC	Pusat Pembangunan Sumber Manusia Selangor
SIAP	<i>Selangor Implementation and Performance Monitoring Unit</i>
SIDEC	Selangor Information Technology & Digital Economy Corporation
SMG	Selangor Maritime Gateway
SMUE	Skim Mesra Usia Emas
SPV2030	Shared Prosperity Vision 2030
SSAP	Smart Selangor Agro Park
SSDU	Smart Selangor Delivery Unit
SST	<i>Sales and Service Tax</i>
STDC	Pusat Pembangunan Kemahiran Teknikal Negeri Selangor
STEM	Sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik
<i>Super-aged</i>	Masyarakat di mana lebih daripada 20% penduduknya berumur 65 tahun ke atas, menurut Bank Dunia
Susut Badan	Berat rendah berbanding ketinggian, menunjukkan penurunan berat badan yang drastik, boleh berlaku untuk tempoh yang berpanjangan
TB	Tuberkulosis - Jangkitan berjangkit yang biasanya menyerang paru-paru
TEU	Unit bersamaan dua puluh kaki
TVET	Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) merangkumi pembelajaran formal, tidak formal dan tidak formal yang menyediakan golongan muda dengan pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan dalam dunia pekerjaan
Unicorn	Unicorn ialah syarikat <i>Startup</i> dengan nilai melebihi USD1 bilion
UPBN	Unit Pengurusan Bencana Negeri
UPEN	Unit Perancang Ekonomi Negeri
VMY 2020	Visit Malaysia Year 2020
VSR	Semakan Subnasional Sukarela
WTE	<i>Waste-to-Energy</i>
YAWAS	Yayasan Warisan Anak Selangor
ZPE SMG	Zon Pembangunan Ekonomi Selangor Maritime Gateway







Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) Selangor  
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor  
Tingkat 13,  
Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah  
40503 Shah Alam  
SELANGOR DARUL EHSAN

[www.selangor.gov.my](http://www.selangor.gov.my)

#KitaSelangor